

## **BAB 4**

### **MAKANAN, PEKERJAAN DAN PENGANGKUTAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Manusia memerlukan beberapa keperluan untuk hidup di dunia ini. Keperluan-keperluan ini merangkumi makanan, minuman, tempat tinggal, pekerjaan dan pengangkutan. Makanan merupakan salah satu keperluan asas yang menjamin penghidupan manusia di dunia ini. Pekerjaan dan pengangkutan pula merupakan keperluan-keperluan sosial. Pekerjaan memainkan peranan sebagai sumber asas bagi mendapatkan makanan dan kekayaan. Manakala, pengangkutan pula merupakan keperluan sosial yang menjamin interaksi sesama manusia. Ketiga-tiga keperluan ini memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Antologi *Akananuru* memaparkan pelbagai maklumat tentang ketiga-tiga keperluan ini.

#### **4.2 Amalan Makanan**

Dalam kehidupan manusia makanan, minuman dan tempat tinggal merupakan keperluan asas. Antara ketiga-tiga keperluan ini, makanan dan minuman merupakan keperluan yang berkaitan dengan tumbesaran, tenaga dan kesihatan badan. Makanan seimbang menjamin pertumbuhan dan kesihatan badan. Manusia memperoleh makanan melalui kegiatan pertanian dan penternakan. Manakala, minuman didapati daripada sumber air seperti laut, sungai dan kolam.

Pada kebiasaannya, manusia makan tiga kali dalam sehari iaitu sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam. Makanan merangkumi jenis pejal dan pepejal. Makanan jenis pejal terdiri daripada nasi, roti, sayuran, buah-buahan dan daging. Manakala, makanan pepejal merupakan makanan berbentuk cair seperti air, kanji dan jus.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mempraktikkan amalan pemakanan yang bersistematik. Makanan dikenali sebagai *unavu* dan perlakuan makan disebut sebagai *unnal*. Amalan pemakanan dianggap sebagai suatu unsur budaya yang penting. Banyak maklumat tentang makanan, pemakanan dan masakan dibincangkan dalam kesusasteraan klasik Tamil. Antologi *Purananuru* membincangkan kepentingan makanan seperti berikut :

நீர்இன்றி அமையா யாக்கைக்கு எல்லாம்  
உண்டி கொடுத்தோர் உயிர்கொடுத்தோரே  
உண்டி முதற்றே உணவின் பிண்டம்

(*Purananuru*,18:18-20)

*neerindri amaiyaa kaikku yellam  
undi kodutthor uyir kodutthoreh  
undi mutarreh unavin pindam*

- *air menjadi asas kehidupan  
memberi makanan bagaikan menghulur hidup  
makanan mendahului segala-galanya*

Puisi ini membincangkan keperluan dan kepentingan makanan kepada semua hidupan di dunia ini. Tanpa makanan dan minuman hidupan di dunia ini tidak akan wujud. Baris *neerindri yamaiyaatu* menyatakan bahawa air menjadi asas bagi segala aktiviti di dunia ini dan *undi koduttor uyir koduttere* bermaksud pihak yang memberikan atau membekalkan makanan adalah bagaikan orang yang memberi nyawa. Secara amnya, pemberi atau pembekal makanan dianggap bagaikan Tuhan. Puisi ini memaparkan kepentingan makanan dan kelebihan memberikan makanan kepada mereka yang memerlukan. Pemberian makanan dan minuman kepada manusia yang menderita kelaparan merupakan salah satu perbuatan yang amat mulia. Perbuatan ini disanjung tinggi oleh masyarakat Tamil. Karya

epik Tamil *Manimekalai* membincangkan amalan pemakanan masyarakat Tamil seperti berikut:

பசியும் பிணியும் பகையும் நீங்கி  
வசியும் வளனும் சுரக்கென வாழ்த்தி

(*Manimekalai*,164:2–3)

*pasiyum piniyum pagaiyum neengi*  
*vasiyum valanum surakkena vaalitti*

- *kelaparan, penyakit dan permusuhan halangan hidup manusia sejagat, dan perlu disingkirkan dari hidup manusia*

Puisi epik *Manimekalai* menjelaskan bahawa kehidupan manusia tidak harus dijejaskan oleh kelaparan (*pasi*), penyakit (*pini*) dan permusuhan (*pagai*). Kehidupan tanpa ketiga-tiga unsur ini merupakan kehidupan yang berkualiti. Masyarakat dunia mengharapkan kehidupan yang berkualiti (*valanum surakkena*).

Kelaparan merupakan suatu penderitaan yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata bahasa. Ia adalah penderitaan yang dihadapi oleh kehidupan di dunia ini. Pujangga *Avvaiyaar* menyatakan kesan-kesan yang akan dihadapi oleh seseorang yang berada dalam keadaan lapar.

மானங் குலங்கல்வி வண்மை அறிவுடைமை  
தானந் தவம்உயர்ச்சி தாளாண்மை தேனின்  
கசிவந்த சொல்லியர் மேல் காமுறுதல் பத்தும்  
பசிவந் திடப்பறந்து போம்

(*Nalvali*:26)

*maanang kulangkalvi vanmai arivudaimai*  
*taanan tavam uyarchi taalaanmai thenin*  
*kasivanta solliyar mhel kaamurutal pattun*  
*pasivan tidaparantu phom*

- *maruah diri, kewibawaan kaum, keinginan menolong, ilmu, kesudian derma, kemuliaan, usaha, kemajuan diri, tarikan terhadap golongan perempuan dilupakan bila adanya kelaparan*

Kelaparan membuatkan seseorang ketinggalan sepuluh jenis nilai diri. Orang berkenaan akan mengabaikan kehormatan diri (*maanam*), kewibawaan keluarga (*kulam*), ilmu (*kalvi*),

keinginan menolong (*vanmai*), kecerdikan (*arivu*), kesudian menderma (*taanam*), perbuatan mulia (*tavam*), usaha (*muyarci*), kemajuan dalam pekerjaan (*taalaanmai*), dan minat terhadap golongan perempuan (*kasivanta solliyar mel kaamurutal*). Keadaan ini disebut sebagai *pasi vanthal pattum parantu pogum*. Perkataan *pasi* dalam puisi ini membawa maksud kelaparan.

Apabila seseorang berada dalam keadaan lapar, orang berkenaan tidak dapat berfikir dan bertindak secara waras. Penyelesaian universal bagi masalah kebuluran ialah pembekalan bahan makanan yang mencukupi. Pertanian merupakan perlakuan yang ideal bagi mendapatkan bekalan makanan. Ia adalah sumber utama untuk mendapatkan bahan makanan.

Masyarakat Tamil mengamalkan sistem pemakanan yang sangat teratur dan ideal. Setiap hari seseorang harus makan sebanyak tiga kali. Pada awal pagi makanan sarapan yang dikenali sebagai *sitrundi* berperanan penting membekalkan tenaga bagi memulakan kerja harian. Makanan tengah hari dikenali sebagai *matiya unavu* ataupun *pagal unavu*. Makanan tersebut penting bagi perkembangan mental dan rohani. Makanan malam digelar sebagai *iravu unavu* yang penting untuk menyegarkan tubuh.

Dalam sesuatu masyarakat, makanan untuk semua orang adalah tidak terjamin. Sebilangan anggota masyarakat akan menghadapi masalah kebuluran. Pada hakikatnya, mereka mengharapkan bantuan bahan makanan daripada orang lain. Amalan memberikan makanan kepada mereka yang memerlukan adalah merupakan suatu perbuatan murni. Perbuatan ini dikenali sebagai *eetal* dan perbuatan ini disanjung tinggi oleh masyarakat Tamil. Golongan raja dan orang atasan sering kali memberikan makanan dan wang kepada para pujangga (*pulavar*) dan pemain muzik (*paanar*).

Memenuhi keperluan orang lain merupakan amalan yang disanjung dan dihormati oleh masyarakat Tamil. Mereka menyediakan pelbagai jenis makanan dan minuman kepada tetamu yang menziarahinya. Makanan beras dan bijian serta minuman jenis *kal*, *theral* dan *matu* disediakan.

தேட்கடுப்பு அன்ன நாட்படு தேறல்  
கோண்மீன் அன்ன பொலங்கலத்து அளைஇ  
ஊண்முறை ஈத்தல் அன்றியும் கோண்முறை  
விருந்திறை நல்கி யோனே – அந்தரத்து  
அரும்பெறல் அமிழ்த மன்ன  
கரும்புஇவண் தந்தோன் பெரும்பிறங் கடையே

(Purananuru,392:16-20)

*tehkaduppu anna naadpadu theral  
thonmeen anna polangkalattu alaii  
oonmurai eettal andriyum khonmurai  
viruntirai nalgi yhoneh – antarattu  
karumbu ivan tanthon perumpirang kadayhe*

- *kehadiran pujangga ke istana Atiyamaan  
disambut mesra, pelbagai persiapan dilakukan  
air nira yang diproses khas, dan  
daging kambing dimasak teliti  
dihidangkan kepada pujangga Avvaiyaar*

Pujangga *Avvaiyaar* mengenangkan jasa seorang raja yang bernama *Atiyamaan Nedumaananji Magan Poguddelini*. Semasa kehadirannya di istana, Raja *Atiyamaan* mengadakan majlis jamuan. Air nira (*tedkaduppu anna naadpadu teral*) yang bermutu tinggi dihidangkan dalam bekas besar. Daging kambing dimasak serta dihidangkan agar pujangga dapat menikmatinya.

Golongan raja dan golongan atasan seringkali mengadakan majlis keramaian untuk menyambut kemenangan dan upacara-upacara tertentu. Mereka juga menyediakan pelbagai jenis minuman dan mengeksport ke luar negara. Beberapa puisi klasik Tamil membuktikan kenyataan ini. Di samping itu, terdapat juga beberapa jenis minuman yang diimport dari luar negara. *Madurai Kanakkaayanaar Maganaar Nakkeeranaar* memuji perlakuan seorang raja yang bernama *Paandian Ilavantigai Palli Tunjiya Nanmaaran* seperti berikut :

யவனர், நன்கலம் தந்த தண்கமழ் தேறல்  
பொன்செய் புனைகலத்து ஏந்தி, நாளும்  
ஒண்தொடி மகளிர் மடுப்ப, மகிழ்சிறந்து  
ஆங்கினிது ஒழுகுமதி ஒங்குவாள் மாற

(Purananuru,56:18-21)

*Yavanar, nankalam tanta tankamal theral  
Ponsey punaikalattu yhenti, naalum  
Onthodi magalir maduppa, magilsirantu  
Aangkinitu olukumati oongkuvaal maara*

- *air nira yang harum  
dibawa oleh orang Greek dan Rom  
wanita berseri membawa air nira  
yang diisi dalam bekas besadur emas*

*Paandian Ilavantigai Palli Tunjiya Nanmaaran* merupakan seorang raja yang berwibawa dan berjaya menguasai banyak negeri. Dia minum air nira (*teral*) yang diimport dari negara Greek dan Rom (*yavanam*). Minuman ini berbau harum (*tankamal*) dan para gadis menghadirkan air nira (*ontodi magalir maduppa*) yang diisi di dalam bekas bersadur emas (*ponsei punaikalam*).

Masyarakat Tamil dianggap sebagai masyarakat yang maju dalam unsur-unsur kebudayaan. Hal ini dapat dibuktikan melalui pelbagai perlakuan yang diamalkan oleh mereka. Salah satunya adalah tatacara masakan dan pemakanan. Mereka mengamalkan penggunaan pinggan dan daun pisang untuk menghadirkan makanan. Karya-karya kesusasteraan Tamil klasik, menyatakan bahawa golongan raja dan atasan menggunakan pinggan yang disadur emas untuk menghadirkan makanan. Karya-karya kesusasteraan Tamil zaman *cangam* seperti *Sirupaanaadrupadai*, *Perumpaanaadrupadai* dan *Porunanaadrupadai* membuktikan hakikat ini.

விளங்குபொற் கலத்தில்.....

(*Sirupaanaadrupadai*:244)

*vilanggupor kalattil*.....

- *bekas yang disadur emas*

மீன்பூத் தன்ன வான்கலம் பரப்பி

(*Perumpaanaadrupadai:477*)

*meenpoot tanna vaankalam parappi*

- *bekas minuman yang disadur emas*

பெறலருங் கலம்.....

(*Porunanaaddurppadai:156*)

*peralarung kalam.....*

- *pinggan disadur emas*

பாசவல் இடிக்கும் இருங்காழ் உலக்கை

(*Akananuru,141:18*)

*paasaval idikkum irungkaal ulakkai*

- *penumbuk yang bersadur emas*

Aktiviti masakan merupakan suatu kemahiran yang penting dalam kehidupan manusia. Aktiviti ini melibatkan bahan makanan, perkakas masakan, makan dan minum. *Sirupaanaadrupadai* dan *Perumpaanaadrupadai* menyatakan bahawa pinggan emas (*porkalam, vaankalam*) digunakan untuk menghidang makanan. Karya klasik *Porunanaadrupadai* pula memberikan maklumat tentang penggunaan perkakas emas (*peralarung kalam*) oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Puisi *Akananuru:141* (*paasaval idikkum irungkaal ulakkai*) pula menyatakan bahawa masyarakat yang tinggal di negeri *Idaiyaaru* menggunakan lesung penumbuk beras (*ulakkai*) yang dibuat daripada kayu keras. Lesung digunakan untuk menumbuk dan mengisar padi. Padi yang masak dimasukkan ke dalam pengemping lesung dan ditumbuk. Dalam proses ini kulit dikupas dan beras diasingkan. Beras dikumpul untuk menyediakan makanan dan kulit padi digunakan sebagai makanan ternakan dan juga untuk membuat baja tanaman. Kesemua maklumat ini membuktikan penggunaan emas, kayu dan logam dalam pembuatan perkakas masakan dan makanan.

Antologi *Akananuru* memaparkan beberapa maklumat tentang perkakas masakan yang digunakan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pujangga *Nakkeerar* menyatakan tentang penggunaan dapur bersiri oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

புதுமண மகடுஉ அயினிய கடநகர்ப்  
பல்கோட்டு அடுப்பில் பால்உலை இரீஇ

(*Akananuru*,141:14-15)

*putumana magaduu ayiniya kadinagar  
palkhoddu aduppil paalulai eriee*

- *majlis perkahwinan yang meriah  
makanan dimasak dalam dapur bersiri*

Majlis perkahwinan diadakan secara besar-besaran (*putumana magadoo ayiniya kadinagar*). Ramai tetamu yang hadir ke majlis perkahwinan ini. Masyarakat tempatan memasak pelbagai jenis makanan dengan menggunakan dapur bersiri (*palkoddu aduppil paalulai iree*). Iaitu, pada suatu masa beberapa dapur yang disediakan secara bersisi untuk memasak pelbagai jenis makanan. Dapur bersiri juga digunakan untuk memasak makanan dalam kuantiti yang banyak. Fakta ini membuktikan kemahiran dan pencapaian masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam bidang masakan dan penyediaan makanan. Mereka bukan sahaja memasak dalam kuantiti yang banyak malah mereka berjaya mereka bentuk dapur bersiri.

Corak pemakanan dan masakan masyarakat Tamil zaman *cangam* adalah berdasarkan tempat tinggal. Mereka memperoleh bahan makanan dari kawasan hutan iaitu kawasan hutan (*Kurinchi*), kawasan bukit (*Mullai*) dan kawasan perairan (*Neytal*). Barang-barang makanan dimasak bersama dengan pelbagai barang ramuan. Ia menjamin kelazatan masakan. Pelbagai barang rempah, herba dan sayur-sayuran digunakan untuk melazatkan manakanan.



**Rajah 4.1: Jenis Makanan Mengikut *Thinai* (*Ecological Zones*)**

Bil.	Tanah Semulajadi	Bahan Makanan	
		Daging	Sayuran
1	<i>Mullai</i> (Kawasan hutan)	kambing, rusa, babi hutan biawak dan burung	beras, ubi, sagu ( <i>varagu</i> ), jagung, <i>khelvaragu</i> , buah dan bijian
2	<i>Kurinchi</i> (Kawasan pergunungan)	kambing, arnab, rusa, ikan, kura-kura, babi hutan, ayam hutan dan burung	beras, beras buluh, <i>tinai</i> , ubi, buah dan bijian
3	<i>Marutham</i> (Kawasan pertanian)	Rusa, kambing dan arnab	beras, sayuran, buah dan bijian
4	<i>Neytal</i> (Laut dan persisiran pantai)	ikan, ketam, sotong, udang, labi-labi, kerang dan ikan salai.	beras, sayuran dan bijian
5	<i>Paalai</i> (Kawasan kering kontang)	biawak, arnab dan kambing	beras, bijian dan buah-buahan

Pada hakikatnya, terdapat dua jenis bahan makanan utama, iaitu, makanan sayuran (*marakkari unavu, taavara unavu*) dan makanan daging (*iraici unavu, oon unavu*).

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan kedua-dua jenis makanan.

- Makanan sayuran - beras, beras buluh, sagu, biji-bijian, sayur-sayuran, buah-buahan, ubi-ubian, kacang, jagung, dedaun dan madu.
- Makanan daging - kambing, rusa, babi hutan, biawak, arnab, tupai, ayam hutang, burung, kura-kura, ikan, udang, ketam, sotong dan labi-labi.

Secara umumnya, masyarakat Tamil zaman *cangam* meminati makanan daging. Golongan pemburu yang dikenali sebagai *vhedar* memburu binatang hutan untuk mendapatkan daging. Kebiasaannya, rusa, babi hutan, biawak, arnab dan ayam adalah pilihan mereka.

Walau bagaimanapun, *Thiruvalluvar* yang merupakan ahli falsafah teragung dalam kalangan masyarakat Tamil melarang sama sekali makanan daging. Teori *Tholkaapiyam* menyatakan pelbagai keburukan makanan daging. *Thiruvalluvar* mengungkapkan pendapatnya melalui kuplet-kuplet (*Thirukkural*) yang berikut :

தன்னுன் பெருக்கற்குக் தான்பிறிது ஊன்உண்பான  
எங்ஙனம் ஆளுநம் அருள்

(*Thirukkural, Pulaal Maruttal:251*)

*tannul perukkarku taanpiritu oon unpaana  
yengganam aalum arul*

- *orang yang memakan daging hidupan lain tidak akan memiliki nilai-nilai kemuliaan*

அருளாட்சி ஆங்கில்லை ஊன்தின் பவர்க்கு

(*Thirukkural, Pulaal Maruttal:252*)

*arulaadchi aangillai oon tinbavarkku*

- *orang yang makan daging tidak akan mempunyai perasaan perikemanusiaan*

ஒன்றன் உடல்கவை உண்டார் மனம்

(*Thirukkural, Pulaal Maruttal:253*)

*ondran udalsuvai undaar manam*

- *orang yang memakan daging hidupan lain adalah berhati kejam*

அருளல்லது யாதெனின் கொல்லாமை கோறல்  
பொருளல்லது அவ்வூன் தினல்

(*Thirukkural, Pulaal Maruttal:254*)

*arulallatu yaatenin kollaamai khoral  
porulallatu avvoon tinal*

- *tidak membunuh haiwan dan memakan dagingnya adalah suatu perbuatan yang amat mulia*

ஊனுண்ணி அண்ணாத்தல் செய்யாது அளறு

(*Thirukkural, Pulaal Maruttal:255*)

*oonunna annaattal seyyaatu alaru*

- *amalan tidak memakan daging hidupan lain akan menjamin alam syurga*

தினற்பொருட்டால் கொல்லாது உலகெனின் யாரும்  
விலைப் பொருட்டால் ஊன்தருவார் இல்

(Thirukkural,Pulaal Maruttal :256)

*Tinarporuddaal kollaatu ulagenin yaarum  
Vilai poruddaal oontaruvaar ill*

- *sekiranya masyarakat makan makanan sayuran maka, penjualan daging tidak akan wujud*

பிற்தொன்றன் புண்ணது உணர்வார்ப் பெறின்

(Thirukkural,Pulaal Maruttal:257)

*Piritondran punnatu unarvaar perin*

- *sekiranya sedar daging adalah tubuh badan hidupan lain maka, mereka tidak akan memakan daging.*

உண்ணார் உயிரின் தலைப்பிரிந்த ஊன்

(Thirukkural,Pulaal Maruttal:258)

*unnaar uyirin talaipirinta oon*

- *orang yang berakal dan berhati mulia tidak akan memakan daging hidupan lain*

உயிர்செகுத் துண்ணாமை நன்று

(Thirukkural,Pulaal Maruttal:259)

*uyirsegu tunnaamai nandru*

- *tidak memakan daging hidupan lain adalah lebih mulia daripada amalan keagamaan*

கொல்லான் புலாலை மறுத்தானைக் கைகூப்பி  
எல்லா உயிரும் தொழும்

(Thirukkural,Pulaal Maruttal:260)


*kollaan pulaalai maruttaanai kaikooppi  
yella uyirum tolum*

- *senua hidupan dunia akan menghormati dan menyanjung  
orang yang tidak memakan daging*

Kesemua kuplet ini, melarang manusia makan daging haiwan (*oon*). Daging haiwan merupakan daging hidupan lain yang sama seperti daging manusia. Manusia tidak harus memotong, menghiris, memasak daging hidupan lain semata-mata untuk membela dan membesarkan tubuh sendiri (*anoon perukkarku taanpiritu oonupaan:251*). Penyeksaan terhadap hidupan lain adalah dilarang sama sekali oleh Teori *Tholkaapiyam*. Sistem

makanan seimbang memberikan penekanan pada makanan sayuran yang kaya dengan pelbagai zat dan khasiat. Makanan jenis sayuran amat sesuai bagi tubuh manusia. Pada asasnya, konsep pemakanan masyarakat Tamil klasik merangkumi tiga bidang yang utama, iaitu penghasilan bahan makanan, pemilihan makanan, penyediaan makanan (masakan). Perinciannya adalah seperti berikut:

**Rajah 4.2: Konsep Pemakanan Masyarakat Tamil Zaman Cangam**



#### **Penghasilan Bahan Makanan (*Unavu Tiraddal*)**

Kebanyakan makanan diperoleh melalui aktiviti pertanian, pemburuan dan ternakan. Kesemua aktiviti ini dilakukan secara meluas oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Mereka menganggap bidang pertanian sebagai pekerjaan yang mulia dan disanjung tinggi. Mereka menanam pelbagai tanaman seperti padi, ubi, buah, bijian dan sayuran. Golongan *kovalar* terlibat dalam aktiviti ternakan haiwan seperti lembu, kambing dan ayam. Makanan seperti daging, susu dan telur diperoleh daripada hasil ternakan.

Manakala, golongan *vhedar* yang tinggal di kawasan hutan terlibat dalam aktiviti pemburuan. Mereka memburu pelbagai jenis haiwan seperti rusa, babi hutan, arnab dan burung untuk makanan.

### **Pemilihan Makanan (*Unavu Terivu Seital*)**

Kesemua hidupan di dunia ini memerlukan makanan bagi pelbagai tujuan. Makanan menjadi asas bagi segala pergerakan dan perlakuan harian. Serta memberikan tenaga yang secukupnya kepada hidupan. Makanan yang sesuai perlu dipilih dengan teliti. Pada dasarnya, pemakanan menunaikan keperluan yang berikut:

1. Perasaan lapar
2. Proses tumbesaran
3. Kesihatan dan kekuatan badan
4. Membekalkan tenaga dan vitamin
5. Menghindari penyakit
6. Mengubati penyakit yang sedia ada

### **Penyediaan Makanan (*Unavu Samaittal*)**

Memasak adalah kegiatan menyediakan makanan dengan menggunakan api, air dan bahan-bahan yang lain. Masakan merupakan suatu kesenian yang memerlukan kemahiran khas. Masakan melambangkan kreativiti dan kemahiran sesuatu masyarakat. Dalam dunia ini, manusia sahaja yang memiliki kemahiran memasak. Hidupan lain tidak melakukan aktiviti masakan malah, ia memakan makanan yang mentah.

Memasak melibatkan proses memilih, mengatur dan mencampur bahan makanan dengan hitungan tertentu. Perlakuan ini bertujuan untuk mendapatkan keenakan. Masakan makanan dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial, ekonomi, agama, budaya dan nilai estetika sesuatu kaum. Pada kebiasaannya, golongan perempuan memiliki kemahiran khas dalam bidang masakan.

Perlakuan memasak terdiri daripada kombinasi bahan makanan dan tatacara masakan yang tertentu. Terdapat tatacara dan disiplin dalam proses penyediaan makanan. Setiap jenis makanan memerlukan proses penyediaan yang berbeza. Masakan sayuran adalah berbeza daripada masakan daging. Setiap masakan ini memerlukan campuran barang makanan seperti rempah dan tatacara masakan yang berlainan.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengklasifikasikan makanan berdasarkan enam jenis rasa yang dikenali sebagai *arusuvai* iaitu enam jenis rasa. Manis, masam, pedas, masin, tawar dan pahit merupakan enam jenis rasa yang terdapat dalam masakan masyarakat Tamil. Set makanan yang mempunyai enam jenis rasa, menjamin kesihatan badan serta keenakan hidangan makanan.

Beberapa karya kesusasteraan Tamil seperti teks *Nalavhenbaa* dan *Naaladiyar* membincangkan enam jenis rasa ini. Teks *Naaladiyaar* membincangkan makanan *arusuvai* seperti berikut:

அறுசுவை யுண்டி அமர்ந்தில்லாள் ஊட்ட  
மறுசுவை நீக்கியுண் டாரும் - வறிஞராய்ச்  
சென்றிரப்பர் ஓரிடத்துக் கூழெனில் செல்வமொன்  
றுண்டாக வைக்கற்பாற் றன்று

(*Naaladiyaar*, 1:1-5)

*arusuvai undi amarntillaal oodda  
marusigai neekkiyun daarum varigaraai  
sendrirappar ooridattu koolenil selvamon  
rundaaga vaikkarpaar randru*

- *hidangan makanan yang mempunyai enam rasa  
dihidang kemas dan cantik  
ia begitu enak dan lezat*

Perkataan *arusuvai undi* dalam puisi ini mengklasifikasikan set makanan yang mempunyai enam jenis rasa. Enam jenis rasa dan makanan diperincikan seperti berikut:

**Rajah 4.3: Arusuvai (Enam Jenis Rasa)**

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Rasa</b>	<b>Pengertian Bahasa Melayu</b>	<b>Makanan</b>
1	<i>Inippu</i>	Manis	Buah-buahan dan madu
2	<i>Pulippu</i>	Masam	Asam dan dadih
3	<i>Kaaram</i>	Pedas	<i>Kaaravadai</i> dan lada
4	<i>Karippu</i>	Masin	Garam
5	<i>Tuvarppu</i>	Tawar	Buah delima
6	<i>Kasappu</i>	Pahit	Buah peria

(Sumber: Naaladiyaar)

Setiap jenis rasa ini mempunyai selera makanan yang tersendiri yang bukan sahaja mengenakan makanan tetapi turut menjamin kesihatan badan. Makanan jenis sayuran, buah dan bijian memiliki keenam-enam rasa ini. Secara umumnya, buah-buahan kaya dengan rasa manis, asam dan dadih pula mempunyai rasa masa. Lada dan lada hitam mempunyai rasa pedas, manakala, garam mempunyai rasa masin. Rasa tawar didapati daripada buah delima dan juga buah pinang. Buah peria kaya dengan rasa pahit.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengenali rasa dan sumbernya. Maka, mereka menggunakan sayuran, buahan dan kekacang yang sesuai dalam masakannya. Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan 12 jenis cara pemakanan. Sistem pemakanan tersebut dirujuk dalam Rajah 4.4.

**Rajah 4.4: Cara Pemakanan**

<b>Bil.</b>	<b>Cara Makan</b>	<b>Pengertian Bahasa Melayu</b>	<b>Makanan</b>
1	<i>Aruntal</i>	makan secara sedikit	sarapan pagi
2	<i>Unnal</i>	makan dengan kenyang	makan tengahari
3	<i>Urincal</i>	sedut minuman	teh dan kopi
4	<i>Kudittal</i>	makan makanan cair	bubur
5	<i>Tindral</i>	makan makanan ringan	pisang goreng
6	<i>Tuyttal</i>	makan dengan puas	makan tengahari
7	<i>Nakkal</i>	minum secara menjilat	kanji
8	<i>Nunggal</i>	minum sekaligus	ubat cair
9	<i>Parugal</i>	makan makanan cair	jus
10	<i>Maantal</i>	makan secara gelojoh	-
11	<i>Mellal</i>	makan makanan keras	kekacang
12	<i>Vilungal</i>	makan secara menelan	ubat

(Sumber: *Viyakka Vaikum Tamilar Ariviyal*,2005)

Masyarakat Tamil zaman *cangam* kaya dengan pelbagai jenis makanan dan hampir kesemua bahan makanan diperoleh daripada tempat tinggalnya. Kebanyakan makanan sayuran diperoleh daripada kegiatan pertanian. Manakala, makanan daging diperoleh daripada aktiviti pemburuan dan ternakan.

Makanan bukan sahaja memberi tenaga kepada badan malah turut mengembirakan manusia. Perlakuan menyuap makanan kepada anak merupakan suatu peristiwa yang amat menarik. Kasih sayang antara ibu dan anak diperkukuhkan melalui perbuatan ini.



Hal ini merupakan suatu pengalaman yang indah. Walaupun perlakuan ini melibatkan sedikit kemarahan, ketegasan dan paksaan tetapi masih lagi dianggap sebagai suatu perbuatan yang menggembirakan hati.

Penyuapan makanan kepada seorang bayi digambarkan oleh pujangga *Madurai Kaanjippulavar* seperti berikut:

.....தேம்பெய்து  
அளவுறு தீம்பால் அலைப்பவும் உண்ணாள்

(*Akananuru*, 89:19-20)

..... *tehmpeitu*

- *adunan madu dan susu, walaupun enak rasanya tetapi anaknya enggan makan*

Ibu wirawati mengenangkan perbuatan anaknya semasa kecil. Beliau maklumkan bahawa dia menyuapkan adunan madu dan susu (*teempeiyu alavuru teempaal*) yang sangat manis dan sedap. Walaupun begitu anaknya masih enggan (*unnaam*) untuk makan. Memandangkan kelazatannya, ibu memaksa anak supaya makan makanan ini. Peristiwa ini melambangkan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.

Antologi *Akananuru* membincangkan pelbagai jenis masakan dan pemakanan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Ianya adalah seperti berikut :

#### 4.2.1 *Kool* (Bubur *Kool*)

*Kool* merupakan sejenis makanan yang terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil. Makanan ini masih wujud dalam kalangan masyarakat Tamil. *Kool* disediakan dengan menggunakan bijirin seperti beras, *khelvaragu*, ubi kayu dan buah-buahan. Bahan-bahan ini dimasak dan dijadikan sebagai bubur. Perencah dan manisan (*vellam, sarkkarai*)

dicampurkan bagi menjamin keenakan. Antologi *Akananuru* mencatatkan maklumat tentang makanan ini. *Kool* juga disediakan dengan menggunakan ikan segar dan beras putih.

பசும்பின் நொடுத்த வெந்நெல் மாஅத்  
தயிர்மிதி மிதவை ஆர்த்துவம் நினக்கே

(*Akananuru*,340:14-15)

*pasumeen nodutta vennel maat*  
*tayirmiti mitavai aarttuvam ninaikkeh*

- *ikan segar dan beras putih dimasak bersama, dan dijadikan bubur*

Ikan segar (*pasumeen*) dan beras putih (*vennel*) dimasak bersama sehingga menjadi bubur. Masakan ini dipanggil sebagai *kool* ataupun *mitavai* yang merupakan salah satu jenis makanan masyarakat Tamil. Amalan menyediakan *kool* masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat Tamil. Tetapi bahan campurannya ialah beras, *kelvaragu* dan *varagu*. Gula dan garam menjadikan *kool* lebih enak.

Para pekerja tanah *paalai* menggali perigi dengan menggunakan sejenis cangkul (*kuntali*). Setelah menyempurnakan tugas, mereka makan *kool*. Melalui kenyataan ini, dapat dirumuskan bahawa *kool* merupakan sejenis makanan penting bagi masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pernyataan tentang *kool* turut dibicarakan dalam puisi yang ke-21.

.....கூழார், கோவலர்

(*Akananuru*,21:22)

....*koolaar, Kovalar*

- *kaum Kovalar memakan 'kool'*

Baris ini menyatakan bahawa, golongan *kovalar* menggali perigi lalu memakan *kool*. Makanan ini memberikan tenaga untuk meneruskan kerja-kerjanya serta ia mudah untuk disediakan.

Kesemua maklumat ini membuktikan kewujudan amalan memakan *kool* dalam kalangan masyarakat Tamil. Ia merupakan salah satu amalan pemakanan yang penting dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

#### 4.2.2 *Pulitta Toppi* (Adunan Buah)

Masakan melambangkan budaya dan identiti sesuatu masyarakat. Pelbagai jenis masakan merupakan kekayaan budaya masyarakat berkenaan. Masyarakat Tamil klasik mahir dalam penyediaan pelbagai jenis makanan. Salah satu masakan yang terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil ialah adunan buah (*pulitta toppi*). Masakan ini disediakan dengan campuran buah mangga dan buah nangga bersama dengan madu tulin. Buah mangga dan buah nangga yang telah masak, dihiris nipis lalu dicampurkan dengan madu tulin. Madu tulin diperoleh dari hutan. Campuran ini dimasukkan ke dalam buluh besar dan disimpan bagi jangka masa panjang. Lama-kelamaan adunan ini menjadi masam dan sedia untuk dimakan.

கோடைக்கு ஊழ்த்த கமழ்நறுந் தீங்கனிப்  
பயிர்்ப்புறப் பலவின் எதிர்ச்சுளை அளைஇ  
இறாலொடு கலந்த வண்டுமுக அரியல்

(*Akananuru*,348:3-5)

*kodaikku oolitta kamalnaran teengkanee  
payirppura palavin yetirsulai alaie  
iraalodu kalanta vandumoosu ariyal*

- *dicampurkan buah mangga dan buah nangga  
bersama dengan madu  
campuran ini disimpan dalam bekas buluh bagi  
jangka masa yang panjang, akhirnya  
adunan ini menjadi masam dan sedia untuk dimakan*

Makanan ini rasanya masam dan dikenali sebagai *poolitta toppi* dan lazimnya, makanan ini disukai oleh golongan perempuan. Makanan seperti ini masih lagi dibuat oleh masyarakat Tamil. Tetapi, kandungan dan tatacara pembuatannya telah berubah.

Buah mangga dan buah limau dipotong nipis dan dicampurkan dengan garam lalu diletakkan di tempat yang kering. Selepas beberapa hari campuran ini menjadi masam, campuran ini digaulkan dengan masakan lada dan minyak. Adunan ini diletakkan di bawah cahaya matahari. Hasilnya dikenali sebagai *oorukaai* ataupun acar. Acar sesuai dimakan bersama dengan masakan sayuran.

#### 4.2.3 *Shodru Aviyal* (Bubur Nasi)

Kegiatan memasak, menghidang dan memakan adalah berdasarkan pada amalan budaya hidup sesuatu kaum. Masyarakat Tamil zaman *cangam* menyediakan pelbagai jenis makanan lazat. Sejenis masakan yang dikenali sebagai *shodru aviyal* (bubur nasi) yang dibuat daripada beras merupakan makanan penting bagi masyarakat Tamil. *Pujangga Maamoolanar* memperincikan tatacara pembuatan *shodru aviyal* oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

பண்ணை வெண்பழத்து அரிசி ஏய்ப்பச்  
சுழல்மரம் சொலித்த சளகுஅலை வெண்காழ்  
தொடமாண் உலக்கை ஊழின் போக்கி  
உரல்முகம் காட்டிய சரைதிறை கொள்ளை  
ஆங்கண் இருஞ்சுனை நீரொடு முகவாக்  
களிபடு குழிசிக் கல்லடுப்பு ஏற்றி  
இணர்ததை கடுக்கை ஈண்டிய தாதிற்  
குடவர் புழுக்கிப் பொங்கவிழ்ப் புன்கம்

(*Akananuru*,393:9-16)

*pannai venpalattu arisi yeippa  
sulalmaram solitta sulagualai venkaal  
todimaan ulakkai oolin phokki  
uralmugam kaaddiya suraitirai kollai  
aangkan irunsunai neerodu mugavaa  
kalipadu kulisi kalladuppu yedri  
inartatai kadukkai eendiya taatir  
kudavar pulukki ponggavil punkam*

- *beras ditumbuk dan dijadikan tepung  
tepung beras digaul dengan air dan bunga 'aambal'  
campuran ini dimasak dengan api kecil  
dijadikan bubur, lalu  
dihidang sebagai makan tengahari*

Beras putih ditumbuk dan dijadikan tepung halus. Tepung itu dimasukkan ke dalam sebuah dulang dan dicampurkan dengan air. Campuran ini disebatikan dan dimasak dengan menggunakan api sederhana. Adunan masak ini dikenali sebagai *shodru aviyaal* iaitu bubur nasi. *Shoru* bermaksud nasi manakala, *aviyaal* pula merujuk pada kukus. Ia merupakan sejenis makanan yang dibuat daripada tepung beras yang dikukus bersama bunga 'aambal'.

Penggunaan bunga 'aambal' sebagai bahan makanan dipaparkan dalam antologi *Akananuru*. Beras putih dicampurkan bersama dengan bunga 'aambal' dan campuran ini dimasak sehingga menjadi bubur. Pada lazimnya, bubur nasi 'aambal' dijadikan sebagai makanan tengah hari. Proses pembuatan bubur nasi 'aambal' dipertuturkan oleh pujangga *Madurai Nakkeeranaar* dalam puisi yang ke-78.

செலுஞ்செய்ந் நெல்லின் விளைகதிர் கொண்டு  
தடந்தாள் ஆம்பல் மலரொடு கூட்டி

(*Akananuru*, 78:17-18)

*selunsei nellin vilaikatir konu  
tadantaal 'aambal' malarodu kooddi*

- *beras putih yang segar  
dimasak bersama bunga 'aambal'*

Beras putih yang segar (*selunsei nel*) dan bunga *aambal* (*aambal malar*) digunakan untuk membuat masakan ini. Pada zaman kini sejenis masakan yang mirip seperti nasi *aambal* dimasak oleh masyarakat Tamil. Nasi putih dicampurkan dengan kelapa parut dan gula putih serta ketiga-tiga bahan ini digaul bersama. Masakan ini dikenali sebagai *thengaai shoru* ataupun nasi kelapa. Nasi ini disediakan semasa menyambut sesuatu perayaan.

#### 4.2.4 *Pulishoru* (Nasi Masam)

Beras dan nasi memainkan peranan penting dalam proses penyediaan makanan oleh masyarakat Tamil. Nasi merupakan makanan utama masyarakat Tamil dan ia digunakan untuk membuat pelbagai jenis masakan.

சிறுதலைத் துருவின் பழுப்புறு விளைதயிர்  
இதைப்புன வரகின் அவைப்புமாண் அரிசியொடு  
கார்வாய்த்து ஒழிந்த ஈர்வாய்ப் புற்றத்து  
ஈயல்பெய்து அட்ட இன்புளி வெஞ்சோறு

(*Akananuru*,394:2-5)

*sirutalai turuvin palupuru vilaitayir  
itaippuna varakin avaippumaan arisiyodu  
kaarvaaittu olinta eervaai pudrattu  
eeyalpeitu adda inpuli venshoru*

- *nasi, sagu dan dadih dicampur, serta digaul bersama campuran ini dikenakan dengan 'eeyal' lalu dimasak*

Pujangga *Nanbaloor Sirumhetaaviyaar* memaparkan maklumat tentang penyediaan nasi masam iaitu *puli shoru*. Ia merupakan sejenis makanan yang diadun bersama tayiru (tayru, yogurt), sagu (*varagu*) dan beras putih (*velarisi*). Ketiga-tiga barang ini digaul sama rata dan dicampurkan sejenis serangga (*eeyal*) lalu dimasak. Lazimnya, masakan nasi masam ini disediakan pada musim hujan. Ini adalah kerana, serangga itu mudah didapati pada musim hujan.

Amalan masakan *puli shoru* terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil. Amalan ini dikekalkan sehingga hari ini. Walau bagaimanapun, cara pembuatannya telah berubah. Pada zaman kini, serangga (*eeyal*) tidak dicampurkan dalam adunan *tairu*, *varagu* dan *vellarisi*. *Puli shoru* merupakan sejenis masakan yang tahan lasak dan disimpan bagi jangka masa panjang. Makanan jenis ini dibawa sebagai bekalan untuk perjalanan jauh.

#### 4.2.5 *Mooral Venshoru* (Nasi Putih Manis)

Nasi putih digunakan untuk menyediakan pelbagai jenis masakan. Salah satunya ialah *mooral ven shoru* (nasi putih manis). Maklumat tentang masakan ini digambarkan dalam puisi yang ditulis oleh pujangga *Kudavaayir Keerattanaar*.

உப்புநொடை நெல்லின் மூரல் வெண்சோறு

(*Akananuru*,60:4)

*uppunodai nellin mooral venshoru*

- *nasi putih diadunkan dengan gula*

Puisi ini menggambarkan seorang gadis menyediakan nasi putih manis (*mooral vensoru*) bagi bapanya. Nasi putih diadunkan dengan gula manis (*mooral*). Makanan ini merupakan salah satu masakan kegemaran masyarakat Tamil zaman *cangam*.

#### 4.2.6 *Venshoru* (Nasi Putih)

Antologi *Akananuru* memaparkan banyak maklumat tentang makanan dan corak masakan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Kebanyakan makanan utama mereka dibuat daripada beras putih ataupun nasi. Antaranya ialah sejenis masakan nasi yang dikenali sebagai *ven shoru*.

மைப்புஅறப் புழுக்கின் நெய்க்கனி வெண்சோறு

(*Akananuru*,136:1)

*Maippuara pulukkin neikkanee venshoru*

- *daging dimasak dengan minyak sapi*

Menurut baris ini, daging dimasak dengan minyak sapi (*maippu ara pulukkin neikkani*). Masakan daging ini dimakan bersama nasi putih (*venshoru*). Masakan ini lebih mirip pada masakan nasi briyani pada zaman kini. Nasi briyani merupakan adunan nasi minyak dan daging.

#### 4.2.7 *Pul Arisi Unavu* (Nasi Sarang Semut)

Masyarakat Tamil zaman *cangam* memasak sejenis makanan yang aneh. Makanan ini dikenali sebagai nasi sarang semut (*pul arisi unavu*). Semut di kawasan sawah mengutip beras dan menyimpan di dalam sarang sebagai persediaan awal menghadapi musim kemarau (*kodai needalin vaadupulattu ukka*). Pada musim ini sarang semut penuh dengan beras yang segar. Golongan pemburu yang sedar tentang perbuatan semut, mereka mencari dan menghapuskan sarang semut. Mereka mengutip beras yang ada di dalam sarang semut (*sirupul unavu neripada marugi*). Beras itu dibersihkan dan dimasak bersama dengan beberapa barang makanan yang lain. Makanan ini dianggap sebagai salah sejenis makanan yang enak. Maklumat ini digambarkan dalam puisi yang ke-377.

கோடை நீடலின் வாடுபுலத்து உக்க  
சிறுபுல் உணவு நெறிபட மறுகி  
நுண்பல் எறும்பி கொண்டளைச் செறித்த  
வித்தா வல்சி வீங்குசிலை மறவர்  
பல்லூழ் புக்குப் பயன்நிரை கவர

(*Akananuru,377:1-5*)

*kodai needalin vaadupulattu ukka*  
*sirupul unavu neripada marugi*  
*nunpal yerumbi kondalai seritta*  
*vittaa valsi veengusilai maravar*  
*pallool pukku payannirai kavara*

- *semut dari kawasan sawah mengutip beras, lalu menyimpan sebagai persediaan menghadapi musim kemarau pemburu mengesan sarang semut dan mengutip beras yang terdapat dalam sarang itu beras ini dibersihkan lalu dimasak bersama ramuan lain sebagai makanan khas*

Masakan beras sarang semut (*pul arisi unavu*) dianggap sebagai masakan istimewa. Masyarakat Tamil zaman *cangam* peka terhadap perlakuan di persekitaran, sehingga mereka mengenali perbuatan semut. Masakan jenis ini tidak diamalkan pada zaman kini.



#### 4.2.8 *Kili Arisi (Beras Nuri)*

Manusia mengamalkan perlakuan harian mengikut suasana hidup dan masyarakat Tamil turut terikat dengan hakikat ini. Mereka mengamalkan beberapa perlakuan yang bersesuaian dengan suasana hidup. Lazimnya, amalan-amalan seperti ini dapat menepati masa dan keadaan tertentu. Amalan seperti ini dipaparkan oleh pujangga *Madurai Nakkeranaar*.

Bukit *Parambu* yang dimiliki oleh Raja *Paari* kaya dengan pelbagai hasil hutan. Tiga orang raja iaitu Raja *Cheran*, Raja *Cholan* dan Raja *Paandian* berpakat menyerang Raja *Paari*. Mereka bertiga mengerumuni Bukit *Parambu*. Dalam suasana ini rakyat Bukit *Parambu* menghadapi masalah kebuluran. Bagi mengatasi masalah ini masyarakat Bukit *Parambu* melakukan suatu perbuatan yang aneh. Mereka menghantar burung nuri peliharaan supaya pergi ke tempat pertanian yang terletak di luar Bukit *Parambu*. Lalu mengutip butir-butir beras dari sawah padi dan terbang balik ke tempat asalnya. Beras yang dibawa oleh burung-burung nuri dikutip dan dimasak bubur. Peristiwa menarik ini dipertuturkan oleh pujangga *Madurai Nakkeeranaar* seperti berikut:

வாய்மொழிக் கபிலன் சூழச் சேய்நின்று  
செழுஞ்செய்ந் நெல்லின் விளைகதிர் கொண்டு  
தடந்தான் ஆம்பல் மலரொடு கூட்டி

(*Akananuru*,78:16-18)

*vaaimoli kabilan soola seinindru  
selunsein nellin vilaikatir kondu  
tadantaal aambal malarodu kooddi*

- *semasa perang berlangsung  
beberapa burung nuri dihantar ke kawasan pertanian  
burung-burung ini mengutip butiran beras, lalu  
menyampaikan kepada tuannya  
beras itu dimasak lalu dimakan*

Rangkaian kata *vaai moli kabilan soola* menggambarkan strategi pengerumunan tiga orang raja di Bukit *Parambu*. Manakala, beras yang dibawa oleh burung nuri digambarkan dalam baris *selunsein nellin vilaikatir kondu*. Peristiwa yang menarik ini melambangkan kemahiran masyarakat *Parambu* mengatasi sesuatu masalah.

#### 4.2.9 Pulikkari (Lauk Asam)

Makanan masyarakat Tamil merangkumi beberapa jenis hidangan di antaranya adalah lauk (*kari, kulambu*). Mereka mahir menyediakan pelbagai jenis lauk seperti *pulikkari*. Asam, ikan dan beberapa jenis rempah digunakan untuk menyediakan lauk *pulikkari*. Pada lazimnya, lauk asam dimasak bersama ikan. Pernyataan ini dapat diketahui melalui puisi yang ke-60.

அயிலை துழந்த அம்புளிச் சொரிந்த  
கொழுமீன் தடியொடு குறுமகள் கொடுக்கும்

(*Akananuru,60:5-6*)

*ayilai tulanta ampuli sorinta  
anaknya memasak lauk ikan masin*

- *memasak kari ikan, untuk ayah yang pergi ke laut untuk menangkap ikan*

Pujangga *Kudavaayir Keerattanaar* menyatakan bahawa seorang gadis memasak lauk ikan masin (*kolumeen*) untuk ayah yang pergi ke laut menangkap ikan. Masakan lauk ikan masin terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil. Masakan jenis ini masih kekal sehingga zaman kini.

கொழுமீன் தடியொடு குறுமகள் கொடுக்கும்

(*Akananuru,60:5*)

*kolumeen tadiyodu kurumagal kodukkum*

- *anaknya memasak lauk ikan masin*

Pujangga *Pontai Pasalaiyaar* turut menyatakan masakan lauk ikan masin. Sepasang kekasih mengadakan perjumpaan di tanah *neyital*. Wirawati menyediakan masakan lauk ikan masin dan menghidangkan kepada kekasihnya. Peristiwa ini digambarkan dalam puisi yang berikut:

கொழுமீன் வல்சி.....

(*Akananuru,110:17*)

*kolumeen vals*

- *lauk ikan masin....*

Rumusannya, masakan lauk ikan masin terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pada zaman kini, masakan ikan masin masih wujud dan dikenali sebagai *karuvaaddu kari* ataupun *karuvaaddu kulambu* yang bermaksud lauk ikan masin. Pembuatan ikan masin, melambangkan kemahiran masyarakat Tamil dalam persediaan dan pengstoran bahan makanan bagi jangka masa yang panjang.

#### 4.2.10 *Tinai* (Sagu)

*Tinai* (sagu) merupakan sejenis bijian makanan bagi masyarakat Tamil. Mereka menyediakan pelbagai juadah dengan menggunakan *tinai*. Lazimnya, golongan perempuan menumbuk *tinai* dengan menggunakan lesung yang dikenali sebagai *ural* dan *ulakkai*. *Tinai* ditumbuk sehingga menjadi tepung lalu pelbagai juadah disediakan. Gambaran tentang penggunaan *tinai* dalam masakan dibentangkan oleh pujangga *Kallaadanaar*.

கொடுநுண் ஒதி மகளிர் ஓக்கிய  
தொடமாண் உலக்கைத் தாண்டுரல் பாணி  
நெடுமால் வரைய குடினையோடு இரட்டும்

(*Akananuru,9:11-13*)

*kodunun ohti magalir ohkkiya  
todimaan ulakkai taandural paani  
nedumaal varaiya kudigaiyodu iraddum*

- *gadis-gadis yang berambut panjang mengisar tinai dengan lesung*

Pujangga menggambarkan perlakuan sekumpulan gadis yang berambut panjang (*kodunun oti magalir*), mengisar *tinai* dengan menggunakan lesung (*todimaan ulakkai toondural paani*). Tepung *tinai* digunakan untuk membuat pelbagai juadah. Penggunaan tepung *tinai* masih wujud sehingga hari ini dalam kalangan masyarakat Tamil.

#### 4.2.11 *Uluntu Unavu* (Makanan Kacang Hitam)

Masyarakat tanah *marutham* menyediakan sejenis masakan yang dibuat daripada *uluntu* (kacang hitam). Bijian ini direndam ke dalam air sehingga menjadi lembut dan kulitnya diasingkan. Bijian ini dimasak dan ditumbuk menjadi halus dan digentel seperti guli besar. Gentelan *uluntu* dimakan pada waktu petang. Peristiwa yang menarik ini digambarkan oleh pujangga *Nallaavoor Kilaar* :

உழுந்துதலைப் பெய்த கொழுங்கனி மிதவை

(*Akananuru*,86:1)

*uluntutalai peita kolungani mitavai*

- *gentelan kacang hitam*

Baris, *uluntutalai peita kolungani mitavai* merujuk kepada gentelan kacang hitam. Maklumat ini membuktikan kewujudan juadah yang dibuat daripada kacang hitam.

#### 4.2.12 *Suraa Meen Unavu* (Masakan Ikan Yu)

Pada lazimnya, masyarakat Tamil zaman *cangam* menyediakan masakan dengan menggunakan sumber yang diperoleh dari tempat tinggalnya. Tempat tinggal memainkan peranan penting dalam menentukan corak makanan sesuatu masyarakat. Masyarakat tanah *neytal* tinggal di kawasan pantai dan mereka memperoleh makanan daripada kawasan perairan. Kebanyakan makanan mereka adalah merupakan hasil daripada laut dan pantai seperti ikan, ketam, udang dan siput.

Seekor ikan yu terdampar di tepi pantai dan penduduk tempatan menangkap ikan itu dan memotongnya. Daging ikan yu dibahagi-bahagikan kepada penduduk kawasan berkenaan. Pujangga *Ammovanaar* menggambarkan peristiwa ini dalam puisi yang ke-10.

மோட்டுமணல் அடைகரைக் கோட்டுமீன் கொண்டி  
மணங்கமழ் பாக்கத்துப் பகுக்கும்  
வளங்கெழு தொண்டி அன்ன இவள்நலனே

(*Akananuru, 10:11-13*)

*mhoddumanal adaikarai khoddumeen kondi  
mananggama paakkattu pugukkum  
valangelu tondi anna ivalnalaneh*

- *seekor ikan yu terdampar di persisiran pantai  
masyarakat nelayan bergembira, dan  
membahagi-bahagikan daging ikan*

*Koddumeen* bermaksud ikan yu yang segar dan rangkai kata *paakkattu pugukkum* membawa maksud dibahagi-bahagikan kepada orang kampung. *Paakkam* merujuk tempat tinggal masyarakat *neytal*.

Masyarakat Tamil juga membuat beberapa jenis masakan ikan seperti di bawah ini :

lauk ikan masin (*meen vadral*) - *kolumeen* (Akananuru,20:2)

lauk ikan keli (*ayilai*) - *kolungan ayilai pagukkum turaivan* (Akananuru,70:4)

Kesemua kenyataan ini menggambarkan perlakuan masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam bidang masakan. Masakan ikan (ikan masin) merupakan salah satu masakan kegemaran masyarakat Tamil. Mereka menyediakan pelbagai hidangan dengan menggunakan ikan masin.

#### **4.2.13 Tairu (Dadiah)**

*Tairu* ialah sejenis makanan sampingan yang dihasilkan daripada susu lembu ataupun susu kerbau. Susu lembu disimpan dalam suatu bekas khas dan dijadikan masam dan pekat. Ia dikenali sebagai *tairu*, dan dikenali sebagai dadiah dalam bahasa Melayu. *Tairu* merupakan sejenis makanan yang terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil.

Pujangga *Madurai Pherhalavaayar* menggambarkan proses pembuatan *tairu*. Susu lembu digaul (*kadainta*) dengan menggunakan sejenis alat yang digelar *mattu*.

தீந்தயிர் கடைந்த திரள்கால் மத்தம்

(*Akananuru,87:1*)

*teentayir kadainta tiralkaal mattam*

- *susu digaul dan dijadikan dadih*

Baris *teentayir kadainta tiral kaal mattam* merujuk pada pembuatan dadih dengan menggunakan sejenis alat yang dikenali sebagai *mattu*.

*Tairu* digunakan dalam pelbagai masakan masyarakat Tamil. Di antaranya ialah *tayiru vadai* (kuih *vadai* yang direndam dalam dadih), *tayiru soru* (nasi putih yang digaulkan dengan dadih) *tairu kari* (lauk campuran dadih). Antologi *Akananuru* merakamkan masakan *tairu soru* (nasi dadih) seperti berikut:

ஒலிகழை நெல்லின் அரிசியொடு ஓராங்கு

(*Akananuru,107:7*)

*olikalai nellin arisiyodu ohranggu*

- *beras dimasak bersama dadih*

Beras dimasak bersama dengan *tairu* dan masakan ini dihidangkan dengan daun. Makanan *tairu* masih lagi memainkan peranan penting dalam sistem pemakanan masyarakat Tamil. Makanan ini digunakan secara meluas oleh masyarakat Tamil zaman kini.

#### **4.2.14 Pala Unavu (Makanan Buah)**

Makanan buah-buahan adalah lazim bagi masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pujangga *Kabilar* memaklumkan bahawa masyarakat yang tinggal di kawasan *kurinchi* memakan pelbagai jenis buah. Maklumat ini, dinyatakan dalam puisi yang ke-2.

கோழிலை வாழைக் கோள்முதிர் பெருங்குலை  
ஊழுறு தீங்கனி, உண்ணுநர்த் தடுத்த  
சாரற் பலவின் சுளையோடு ஊழ்படு  
பாறை நெடுஞ்சுனை விளைந்த தேறல்

(*Akananuru,2:1-4*)

*kholiyai vaalai kholmutir perungulai  
oomuru teenganee, unnunar tadutta  
saarar palavin sulaiyodu oolpadu  
paarai nedunchunai vilainta theral*

- *daun dari pokok pisang yang segar  
ulas angka manis dan madu tulin  
merupakan makanan yang amat lezat*

Menurut puisi ini, adunan pisang (*vaalai*), angka (*palaa*) dan madu (*theral*) merupakan bahan makanan yang enak. Makanan jenis ini bukan sahaja enak malah ianya amat lezat. Masyarakat Tamil juga memberikan keutamaan pada tiga jenis buah, iaitu, *maa* (mangga), *palaa* (buah angka) dan *vaalai* (pisang) digelar sebaga *mukkani* (tiga jenis buah).

#### **4.2.15 Minuman: *Pulipatan* (Air Nira)**

Masyarakat Tamil zaman *cangam* turut memiliki kemahiran khas dalam pembuatan beberapa jenis minuman. Jenis-jenis minuman yang dihasilkan oleh mereka dapat diperincikan seperti berikut:

*Pulipatan* (air nira), *kal* (todi), *theral* (tuak) dan *pananggal* merupakan jenis-jenis minuman masam yang dihasilkan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pada lazimnya, mereka meminum minuman jenis ini bagi menyambut sesuatu perkara yang mengembirakan hati. Sambutan perayaan, kemenangan dalam perang dan majlis perkahwinan disambut dengan hidangan minuman ini.

Masyarakat tanah *Paalai* mahir dalam pembuatan sejenis minuman dengan menggunakan beras. Beras ditumbuk dan digaul dengan air, campuran ini ditapis dan air diisikan ke dalam

periuk khas. Campuran ini dibiarkan sehingga menjadi masam. Minuman masam ini dikenali sebagai *pulippatan* (air nira). Perlakuan meminum *pulippatan* digambarkan oleh pujangga *Viddroodru Mooteyinanaar* dalam puisi yang ke-37.

புளிப்பதன் அமைந்த புதுக்குட மலிர்நிறை  
வெயில்வெரிந் நிறுத்த பயில்இதழ்ப் பசங்குடைக்  
கயமண்டு பகட்டின் பருகி

(*Akananuru, 37:9-11*)

*pulippatan amanita putukkuda malirirai  
veyilverin nirutta payilital pasungkudai  
kayamandu pagaddin parugi*

- *beras ditumbuk dan digaul air  
campuran ini ditapis dan diisikan ke dalam periuk khas  
sehingga menjadi masam*

Minuman *todi (kal)* terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Amalan meminum air nira digambarkan seperti berikut:

கள்ஆர் வினைஞர் களந்தொறும் மறுகும்

(*Akananuru, 84:13*)

*kalaar vinaighar kalantorum marugum*

- *meminum air nira dan bergembira*

Baris ini menggambarkan kegembiraan yang dialami oleh mereka yang meminum *todi (kalaar vinaighar kalantorum marugum)*.

Antologi *Akananuru* memberikan banyak maklumat tentang pelbagai perlakuan raja-raja Tamil. Antaranya, ialah, perlakuan seorang raja bernama *Nannan* telah mengadakan majlis kemeriahan. Dalam majlis ini, air nira dibekalkan lalu Raja *Nanan* meminum air nira (*naravu*).

நறவுமகிழ் இருக்கை, நன்னன் வேண்மான்

(*Akananuru, 97:12*)

*naravumagil irukkai, nannan vhendumaan*

- *Raja Nannan meminum air nira*

Perkataan *naravu* dalam baris ini merujuk pada minuman air nira.



Pujangga *Madurai Ilampaalaasiriyā Shengkootan* menggambarkan perlakuan seorang wira dari tanah *Kurinchi*. Wira yang berwibawa dan mempunyai kekuatan bagaikan seekor singa sedang meminum air nira.

கழுதில் கானவன் பிழிமகிழ்ந்து வதிந்தென

(*Akananuru, 102:2*)

*kalutil kaanavan pilimagilntu vatintena*

- *kekuatan wira bagaikan singa yang minum air nira*

*Yelini* merupakan seorang raja yang terkenal dengan kewibawaan dalam perang. Para perajurit kontinjen *Yelini* meminum air nira (*tempili*) lalu menyerang musuh. Akhirnya, mereka dapat menewaskan musuh. Peristiwa ini dipaparkan oleh pujangga *Thayangkannanaar* :

வினைவல் அம்பின் விழுத்தொடை மறவர்  
தேம்பிழி நறுங்கள் மகிழின், முனைகடந்து

(*Akananuru, 105:13-14*)

*vinaival ambin viluttodai maravar  
tempili narungkal magilin, munaikadantu*

- *pasukan Yelini meminum air nira, lalu ke medan berperang*

Perkataan *maravar* merujuk pada askar dan *tempili* pula dikenali sebagai air nira. Mereka meminum air nira sebagai tanda kemenangan dalam perang.

Kaum *Kohsalar* merupakan golongan askar yang berwibawa dan berkebolehan menewaskan musuh. Perlakuan mereka digambarkan melalui puisi yang ke-113.

காப்புக் கைந்நிறுத்த பல்வேற் கோசர்  
இளங்கள் கமழும் நெய்தல்-அம் செறுவின்

(*Akananuru, 113:5-6*)

*kaappu kainirutta palvehr kohsalar  
ilangal kamalum neithalam seruvin*

- *semasa perang, Raja Agtai di tempatkan di kawasan terpencil supaya keselamatannya terjamin*

Kaum ini menghormati dan menyanjungi pemerintahnya iaitu Raja *Agtai*. Mereka ingin menjaga keselamatan Raja *Agtai* dengan menempatkan baginda di tempat yang terpencil (*kaappu kainirutta palvehr kohsalar*). Kawasan itu dikawal rapi oleh para wira. Selepas menewaskan pasukan musuh, mereka meminum air nira yang segar dan harum (*ilangal kamalum*) sebagai tanda kemenangan.

Pujangga *Paranar* pula membincangkan amalan meminum air nira dalam kalangan golongan petani di tanah *Marutam*.

எரியகைந் தன்ன தாமரை இடைஇடை  
அரிந்துகால் குவித்த செந்நெல் வினைஞர்  
கட்கொண்டு மறுகும் சாகாடு அளற்றுஉறின்  
ஆய்கடும்பு அடுக்கும் பாய்புனல் ஊர

(*Akananuru, 116:1-4*)

*yeriyagai tanna taamarai yidaiyidai  
arintukaal kuvitta sennell vinaighar  
kadkondu marugum saagaadu aladru urin  
aaikadumbu adukkum paaipunal oora*

- *para petani menuai padi  
air nira di bawa untuk mereda kehausan  
kereta beroda membawa air nira  
rodanya tersangkut di dalam lumpur, lalu  
potongan tebu dialas di bawa roda  
untuk menggerakkan kereta beroda*

Para petani tanah *Marutam* terlibat dalam aktiviti menuai padi (*arintukaal kuvitta sennell vinaigar*), pada lazimnya, mereka meminum air nira untuk meredakan kehausan. Memandangkan keperluan yang banyak, maka, air nira dibawa dengan kereta beroda. Pada suatu hari kereta beroda yang membawa air nira tersangkut ke dalam lumpur (*kadkondu marugum saagaadu aladru urin*). Memandangkan keadaan ini, para petani memotong beberapa tebu dari kebun lalu menempatkan di bawah roda agar ia dapat bergerak semula (*aaikadumbu adukkum paaipunal oora*). Melalui puisi ini dapat dirumuskan beberapa perkara :

- air nira bukan hanya diminum untuk tujuan kegembiraan, malahan, air nira juga diminum untuk menghilangkan kepenatan dan kehausan.
- kereta beroda merupakan salah satu pengangkutan darat yang penting dan digunakan untuk membawa air nira.
- negeri *marutam* kaya dengan hasil pertanian sehingga para petani menggunakan tebu untuk mengerakkan semula roda yang tergelincir ke dalam lumpur.

*Pananggal* ialah sejenis minuman yang sama seperti tuak yang disediakan dengan campuran manisan dan air kelapa. Mereka yang minum air ini akan menjadi mabuk. Peristiwa berkaitan dengan *pananggal* dipaparkan oleh pujangga *Madurai Tamil Koottanaar Kaduvan Mallanaar* seperti berikut:

பகுவாய் நிறைய, நுங்கின் கள்ளின்  
நுகர்வார் அருந்த மகிழ்ப்புயங்கு நடையொடு

(*Akananuru*,256:4-5)

*paguvaai niraiya nunggin kallin  
nugarvaar arunta magilbu iyanggu nadaiyodu*

- *air tuak ditinggalkan di sawah, lalu kura-kura meminum tuak dan bergembira*

Kura-kura yang hidup di sekitar kawasan pertanian meminum *pananggal* yang ditinggalkan oleh para petani (*paguvaai niraiya*). Kura-kura berkenaan menjadi mabuk lalu masuk ke kawasan semak.

Pujangga *Madurai Maruthanilanaaganaar* turut membicarakan perlakuan meminum tuak dalam kalangan masyarakat Tamil tanah *kurinchi*.

அம்பனை விளைந்த தேக்கட் டேறல்  
வண்டுபடு கண்ணியர் மகிழும் சீறார்

(*Akananuru*,368:14-15)

*ambanai vilainta thekaderal  
vandupadu kanniyam magilum seeroor*

- *madu yang dikutip dari buluh hutan, diminum lalu ia mendatangkan kegembiraan*

Madu yang dikutip daripada buluh hutan (*ampanai vilainta tekkad theral*) dijadikan sebagai minuman. Lazimnya, minuman madu mendatangkan kegembiraan (*vandupadu kanniyar magilum seeroor*).

Pujangga *Paranar* menyatakan bahawa negeri *Urantai Purangkaadu* yang dimiliki oleh Raja *Chola Tittan* kaya dengan hasilan madu. Madu yang berkualiti tinggi dijadikan sebagai minuman oleh masyarakat *Urantai Purangkaadu*.

இரும்பிழி மகாஅரிவ் அமுங்கல் முதுர்

(*Akananuru,122:1*)

*irumpili magaariv alunggal mootoor*

- *madu tulin dijadikan sebagai tuak*

Baris ini memberikan maklumat tentang proses pembuatan tuak. Tuak bukan sahaja dihasilkan daripada air nira malah madu tulin juga diproses dan dijadikan sebagai minuman tuak. Ini merupakan salah satu kemahiran unik yang dimiliki oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Tuak juga digunakan dalam kebanyakan upacara harian termasuk perang dan majlis perkahwinan. Pujangga *Uraiyoor Mutukoottanaar* menyatakan bahawa salah seorang Raja *Cholan* berperang dan selepas menewaskan musuh anggota kontinjen minum tuak.

இன்கடுங் கள்ளின் உறந்தை ஆய்கன்

(*Akananuru,137:6*)

*inkadung kallin urantai aayakan*

- *selepas menewaskan pasukan musuh, lalu ahli kontinjen minum tuak dan bergembira*

Pada zaman *cangam*, tuak merupakan salah satu minuman umum. Ia diminum oleh semua peringkat manusia. Serta, tuak menjadi minuman yang penting dalam majlis-majlis keramaian.

#### 4.2.15 Kesimpulan

Makanan merupakan bahan asas bagi segala hidupan di dunia ini dan memainkan peranan yang amat penting dalam proses tumbesaran. Makanan seimbang membekalkan tenaga dan vitamin yang secukupnya bagi menjamin kesihatan badan. Makanan juga penting bagi melakukan sesuatu pergerakan atau pun perlakuan. Makanan yang berkualiti menjamin kesihatan dan keselamatan badan daripada serangan penyakit.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan sistem pemakanan yang teratur. Mereka mengamalkan dua jenis makanan, iaitu, makanan sayuran dan juga makanan daging. Makanan sayuran terdiri daripada beras, beras buluh, kekacang, dedaun, buah-buahan, tebu dan madu hutan. Makanan daging pula terdiri daripada kambing, rusa, ayam hutan, burung, arnab, biawak, ikan, ketam, udang, sotong, kura-kura dan labi-labi.

Mereka juga mengamalkan tatacara pemakanan yang teratur dan bersistematik. Makanan dibersihkan dan dimasak dengan sebaiknya bagi menjamin kualiti makanan. Makanan yang dimasak dengan sempurna dimakan dengan serta merta supaya tidak basi. Memakan tiga kali sehari, iaitu, sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam akan menjamin kesihatan badan dan mental. Terdapat 12 jenis tatacara pemakanan yang berdasarkan kepada jenis makanan sama ada keras, lembut, cair atau pepejal.


Teori *Tholkaapiyam* memberikan keutamaan kepada makanan sayuran. Menurut teori ini makanan sayuran bukan sahaja menjamin kesihatan badan malah menjamin keseimbangan minda dan emosi manusia. Sepuluh kuplet *Thirukkural* yang dibincangkan di atas menyarankan makanan sayuran lebih elok daripada makanan daging. Memandangkan hal ini, sebilangan masyarakat Tamil mengamalkan amalan memakan makanan sayuran.

### 4.3 Amalan Pekerjaan

Pekerjaan merupakan suatu perlakuan untuk menyara hidup serta salah satu perlakuan yang amat penting dalam kehidupan manusia sejagat. Pekerjaan diperincikan dengan maksud melakukan sesuatu aktiviti demi mendapatkan pulangan samada dalam bentuk wang, barang ataupun perkhidmatan. Pada hakikatnya pekerjaan melibatkan tenaga badan, mental dan kemahiran. Memperoleh hasil atau pulangan yang lumayan di samping kepuasan diri me

Pekerjaan melambangkan corak dan tempat kehidupan sesuatu masyarakat. Contohnya, masyarakat yang tinggal di persisiran pantai terlibat dalam aktiviti penangkapan ikan. Manusia melakukan pekerjaan untuk menunaikan beberapa keperluan dan tujuan seperti berikut :

**Rajah 4.5: Tujuan Pekerjaan**



Tujuan utama pekerjaan adalah untuk mendapatkan hasil ataupun pulangan yang lumayan. Pada zaman kini wang merupakan hasilan utama yang diperolehi daripada pekerjaan. Hampir kesemua pekerjaan di dunia ini adalah semata-mata untuk mendapatkan wang. Wang dianggap sebagai kekayaan yang penting untuk menyara hidup.

Kekayaan dikenali sebagai *selvam* ataupun *porul* dalam bahasa Tamil. Konsep kekayaan mempunyai status tinggi dalam kalangan masyarakat manusia. Pemilikan kekayaan mempunyai beberapa tujuan :

- untuk kegunaan sendiri
- untuk kegunaan ahli keluarga
- untuk kegunaan saudara mara
- untuk kegunaan kawan
- untuk kegunaan orang yang memerlukan

Pada zaman *cangam* golongan lelaki dipertanggungjawabkan untuk mencari kekayaan. Ini adalah selaras dengan teori *Tholkaapiyam* yang menyatakan kaum lelaki merantau jauh untuk mencari rezeki manakala kaum perempuan dilarang merantau. Hakikat ini dimaklumkan dalam puisi yang berikut:

முந்நீர் வழக்கம் மகடூஉ மடன்மேல்

(*Tholkaapiyam, Porulatikaaram:37*)

*munneee valakkan magadoo madanmhel*

- *semasa kaum lelaki pergi ke luar negeri untuk mencari kekayaan menggunakan jalan laut kaum perempuan dilarang pergi bersama*

Golongan lelaki mencari kekayaan untuk menunaikan beberapa tujuan. Hal ini dapat diketahui melalui sebuah puisi antologi *Akananuru*:

கேள்கேடு ஊன்றவும் கிளைஞர் ஆரவும்  
கேள்அல் கேளிர் கெழீஇயினர் ஒழுகவும்  
ஆள்வினைக்கு எதிரிய ஊக்கமொடு புகல்சிறந்து

(*Akananuru,93:1-3*)

*khel khedu oondravum kilaighar aaravum  
khel al khelir keli iyanar olugavum  
aalvinaikku yetiriya ookkamodu pugalsirantu*

- *saudara mara, orang muda, masyarakat umum dilanda kemiskinan kekayaan dicari untuk menolong mereka*

Seorang wira dari tanah *paalai* merantau ke negeri lain untuk mencari kekayaan. Pencarian kekayaan ini adalah bertujuan untuk :

- *khel khedu oondravum* - untuk membantu saudara mara
- *kilaighar aaravum* - untuk menolong golongan muda
- *khel al khelir keli iyanar olugavum* - untuk menolong orang yang miskin

Melalui fakta ini dapat dirumuskan bahawa pencarian kekayaan pada zaman *cangam* adalah untuk diri sendiri dan juga untuk orang lain. Mereka saling menghormati keperluan diri sendiri dan juga keperluan orang lain. *Teori Tholkappiyam* memberikan keutamaan kepada isu ini.

Antologi *Akananuru* juga menekankan tatacara pencarian kekayaan. Cara dan perlakuan yang paling baik untuk mencari kekayaan adalah seperti berikut:

அறன்கடைப் புலாஅ வாழ்க்கையும், என்றும்  
பிறன்கடைச் செலாஅச் செல்வமும், இரண்டும்  
பொருளின் ஆகும், புனையிழை!.....

(*Akananuru, 155:1-3*)

*arankadai padaa vaalkkaiyum, yendrum  
pirankadai selaa selvamum, irandum  
porulin aagum, punaiyilai!.....*

- *mencari kekayaan secara norma kemanusiaan  
meminta sedekah dihina dan dicaci  
seseorang tidak harus mengamalkannya!*

Menurut puisi ini pencarian kekayaan perlu berlandaskan tatacara halal, iaitu, pencarian kekayaan yang berdasarkan norma-norma keTuhanan dan kemanusiaan (*arankadai padaa vaalkkaiyum*). Memiliki kekayaan melalui perbuatan mencuri, menyeleweng, berjudi dan rasuah merupakan perlakuan haram. Perbuatan seperti ini dilarang sama sekali dalam kalangan masyarakat sedunia.



Pencarian kekayaan yang melibatkan perlakuan sedekah turut dilarang. Manusia tidak harus meminta sedekah daripada orang lain untuk menyara hidup (*pirankadai selaa selvamum*). Perlakuan ini merupakan salah satu perbuatan yang dipandang hina dan seseorang tidak harus mengamalkan perbuatan ini. Mencari kekayaan tanpa melibatkan kedua-dua perbuatan ini merupakan tatacara yang diharamkan dalam kalangan masyarakat Tamil.

Antologi *Kuruntogai* pula memaklumkan bahawa :

'ஈதலும் துய்த்தலும் இல்லோர்க்கு இல்' எனச்  
செய் வினை கைம்மிக எண்ணுதி; அவ் வினைக்கு  
அம் மா அரிவையும் வருமோ?  
எம்மை உய்த்தியோ? உரைத்திசின் - நெஞ்சே!

(*Kuruntogai:63*)

*'eetalum tuittalum illorkku il' yena  
seivinai kaimmiga yennuti; av vinaikku  
ammaa arivaiyum varumoh?  
yemmai uyttyoh? Urattisin – nenjeh!*

- *sekiranya mencukupi pendapatan  
maka, kemudharatan sosial tidak akan wujud  
kebanyakan keperluan diperoleh melalui kekayaan  
maka, manusia terburu-buru untuk mendapatkan  
kekayaan*

Puisi ini menyatakan bahawa kemudharatan sosial tidak akan wujud sekiranya kekayaan yang diperoleh adalah mencukupi. Kebanyakan keperluan harian seseorang diperoleh dengan kekayaan yang dimilikinya. Manusia terburu-buru untuk mendapatkan kekayaan bagi kepentingan diri sendiri. Dalam usaha mendapatkan kekayaan manusia sanggup melakukan perbuatan yang baik dan buruk. Teks *Thirukkural* menyatakan bahawa:

அருளில்லார்க்கு அவ்வுலகம் இல்லை பொருளில்லார்க்கு  
இவ்வுலகம் இல்லாகி யாங்கு

(*Thirukkural, Aruludaimai:247*)

*arulillaarkku avvulagam illai porulillaarkku  
ivvulagam illaagi yaanggu*

- *orang yang tidak mempunyai kekayaan, maka  
tidak akan memiliki kegembiraan di dunia ini, tetapi  
orang tidak mempunyai belas kasihan, maka  
tidak akan memiliki kebahagiaan di dunia kedewaan*

Masyarakat Tamil mempercayai konsep keduniaan dan kedewaan. Menurut konsep hidup masyarakat Tamil, seseorang harus memiliki dua jenis bekalan hidup untuk dua jenis alam. Iaitu, di alam bumi masa kini serta alam selepas kematian. Kehidupan di alam dunia ini berasaskan kekayaan (*selvam, porul*) manakala kehidupan dunia keDewaan pula memerlukan kebaktian (*arul*). Kedua-dua unsur ini merupakan asas bagi kehidupan seseorang.

ஈதல் இசைபட வாழ்தல் அதுவல்லது  
ஊதியம் இல்லை உயிர்க்கு

(*Thirukkural, Pugal:231*)

*eetal isaipada vaaltal atuvallatu  
ootiyam illai uyirkku*

- *menolong kepada yang memerlukan akan memberi kepuasan diri, tidak ada sesuatu yang lebih bernilai daripada kepuasan ini*


Kuplet ini menyarankan kelebihan memperoleh kekayaan secara halal. Kekayaan yang diperoleh oleh seseorang bukan hanya untuk kepentingan dirinya sahaja. Malah, kekayaan yang dimiliki oleh seseorang perlu digunakan untuk menolong mereka yang memerlukan (*eetal isaipada vaaltal*). Perbuatan ini menjamin kehidupan yang mulia.

Pahala yang diperoleh daripada amalan menderma kekayaan akan digunakan dalam dunia keDewaan. Kekayaan yang terkumpul pada seseorang tidak akan membawa sebarang pengertian sekiranya tidak digunakan untuk kegunaan diri sendiri dan juga kegunaan orang lain.

Pekerjaan merupakan sumber kekayaan dan merupakan aktiviti harian yang tidak dapat disingkirkan daripada kehidupan manusia. Perlakuan pekerjaan dipengaruhi oleh beberapa faktor utama. Faktor-faktor ini memainkan peranan penting dalam memperlakukan sesuatu pekerjaan.

Kekuatan badan, kekuatan minda dan kemahiran diri adalah merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi perlakuan sesuatu pekerjaan. Faktor-faktor yang mempengaruhi perlakuan pekerjaan dapat digolongkan seperti berikut:

**Rajah 4.6: Faktor-faktor Pekerjaan**



Reka bentuk sosial sesuatu kaum dicorakkan oleh pelbagai unsur, di antaranya, pekerjaan merupakan unsur yang paling penting. Keseluruhan struktur sosial masyarakat Tamil zaman *cangam* terdiri daripada beberapa golongan. Antaranya ialah:

- Raja ataupun Pentadbir negara - *arasar*
- Barisan Pentadbir - *aadchiyaalar*
- Wakil-wakil Pentadbir - *nirvaaga poruppaalar*
- Kontinjen Pertahanan - *pohr padai*
- Golongan Pengawal - *kaavalar*
- Golongan Perubatan - *maruttuvar*
- Golongan Pendidik - *kalviyaalar*
- Golongan Keagamaan - *samaiya saandror*
- Golongan Peniaga - *vanigar*
- Golongan Petani - *ulavar*

Kesemua mereka ini, dihormati dan disanjung oleh masyarakat biasa. Kepakaran dan kemahiran mereka diperlukan sepanjang masa untuk menjamin kesejahteraan dan

keselamatan sesuatu masyarakat. Teks *Tholkaappiyam* menyarankan kedudukan golongan ini dalam *noorpaa* yang berikut:

சிறப்பின் ஆகிய பெயர்நிலைக் கிளவிக்கும்  
இயற்பெயர்க் கிளவி முற்படக் கிளவார்

(*Tholkaappiyam, Sollatikaaram:41*)

*sirappin aagiya peyarnilai kilavikkum*  
*iyarpeyar kilavi murpada kilavar*

- *kelebihan seseorang berdasarkan kepada gelaran dan kemahiran yang dimilikinya*

Menurut *noorpaa* ini, gelaran ataupun status seseorang diiringi dengan nama (*sirappin aagiya peyarnilai kilavikkum*). Gelaran di hadapan nama melambangkan status ataupun kedudukan seseorang dalam sesuatu masyarakat. Gelaran ini menjamin kehormatan serta kepentingan seseorang. Hakikat ini masih lagi wujud dalam kalangan manusia zaman kini.

Pada dasarnya, kebanyakan pekerjaan masyarakat Tamil zaman *cangam* melibatkan elemen-elemen alam semulajadi. Corak dan tatacara pekerjaan masyarakat Tamil zaman *cangam* dibincangkan secara meluas dalam karya-karya kesusasteraan Tamil klasik. Antologi *Akananuru* turut membentangkan banyak maklumat tentang corak pekerjaan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Perinciannya adalah seperti berikut :

**Rajah 4.7: Jenis-jenis Pekerjaan**

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Pekerjaan</b>	<b>Pengertian Bahasa Melayu</b>
1	<i>Arasu paniyaalar</i>	kakitangan kerajaan
2	<i>Idayyar tolil</i>	pengembala ternakan
3	<i>Jotidar</i>	penilik nasib
4	<i>Kaaval tolil</i>	pengawal atau penjaga
5	<i>Kaddumaanam</i>	pekerja pembinaan
6	<i>Kalai tolil</i>	pencipta barangan seni
7	<i>Kuyavar</i>	pencipta barangan tanah liat
8	<i>Mani ilaippu tolil</i>	pencipta barangan perhiasan manik
9	<i>Mara taccar</i>	tukang kayu
10	<i>Meenavar</i>	nelayan
11	<i>Muttu kulital</i>	penyelam untuk mutiara dan siput
12	<i>Naavitar tolil</i>	tukang gunting rambut
13	<i>Nesavu tolil</i>	penenun kain
14	<i>Paai pinnuvor</i>	penganyam tikar
15	<i>Paarpana tolil</i>	pekerjaan berkaitan agama dan kuil
16	<i>Padagu tolil</i>	pembina kapal dan sampan
17	<i>Payir tolil, ulavu</i>	petani
18	<i>Phor tolil</i>	askar dan anggota pertahanan
19	<i>Porkollar</i>	pertukangan barangan emas
20	<i>Sanggu tolil</i>	pencipta barangan siput
21	<i>Salavai tolil</i>	pekerja dobi
22	<i>Vaanigam</i>	peniaga
23	<i>Valarppu tolil</i>	penternak lembu, kambing, ayam
24	<i>Valavan</i>	pemandu kereta kuda, lembu dan keldai
25	<i>Vhedar</i>	pemburu

Di samping itu, sebilangan kecil daripada masyarakat Tamil zaman *cangam* terlibat dalam beberapa aktiviti seperti menulis puisi (*paavalalar*), pelakon drama (*koottar*), penari (*nadanakkaarar*), penyanyi (*paanar*), pengamal perubatan tradisional (*siddha marutuvar*), tokoh agama (*samaya kurumaar*) dan pelukis (*ohviyar*).

Secara umumnya, pekerjaan masyarakat Tamil dibahagi kepada dua kategori yang besar, iaitu, pekerjaan yang dilakukan oleh golongan lelaki dan perempuan. Lazimnya, golongan lelaki terlibat dalam pekerjaan tahan lasak yang memerlukan kekuatan badan seperti memburu, menangkap ikan dan kerja-kerja pembinaan. Golongan perempuan pula terlibat dalam pekerjaan menanam tanaman, menganyam dan membuat barangan perhiasan.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mempunyai tatacara dan peraturan yang sistematik dalam mengendalikan sesuatu pekerjaan. Di samping itu, mereka juga mempunyai prinsip dan disiplin terhadap bidang yang diceburi. Antologi *Akananuru* memaparkan pelbagai pekerjaan yang diamalkan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

#### **4.3.1 *Vanigam, Vhanigam* (Perniagaan)**

Perniagaan dan perdagangan merupakan kegiatan yang terpenting dalam kehidupan masyarakat Tamil klasik. Mereka mengamalkan perniagaan dalam dan luar negara. Pelabuhan-pelabuhan yang terletak di selatan negara India seperti *Kavirippoompattinam*, *Korkai*, *Kumari*, *Tondhi*, *Musiri*, *Marungai*, *Arikkamedu*, *Yeyirpattinam*, *Alagankulam* dan *Kollatturai* memainkan peranan utama dalam urusan perdagangan antarabangsa. Kesemua pelabuhan ini terkenal dan menjadi pusat perdagangan yang penting. Aktiviti perniagaan

dijalankan secara meluas di pelabuhan-pelabuhan ini. Kebanyakan pelabuhan ini memainkan peranan sebagai pelabuhan enterport.

Teks *Paddinapaalai* membentangkan banyak maklumat tentang aktiviti perdagangan antarabangsa. Terdapat golongan pedagang yang mengeksport dan mengimport pelbagai barangan. Aktiviti perdagangan antarabangsa dibincangkan dalam antologi *Akananuru*.

Puisi yang ke-149 membincangkan aktiviti perdagangan yang diamalkan oleh Raja *Cheran*.

.....சேரலர்  
சுள்ளியம் பேரியாற்று வெண்டுரை கலங்க  
யவனர் தந்த வினைமாண் நன்கலம்  
பொன்னோடு வந்து கறியோடு பெயரும்  
வளர்கெழு முசிறி ஆர்ப்பெழ வளைஇ

(*Akananuru*,149:7-11)

..... *Cheralar*  
*sulliyam pheriyAADru vennurai kalangga*  
*Yavanar tanta vinaimaan nankalam*  
*ponnodu vantu kariyodu peyarum*  
*valargelu musiri aarppela valaii*

- *Raja Cheran memiliki pelabuhan Mursiri yang terkenal pedagang Barat membawa emas, dan menukar dengan lada hitam*

Pelabuhan *Musiri* (India Selatan) dimiliki oleh Raja *Cheran* dan pelabuhan ini terkenal dengan perdagangan antarabangsa. Kapal-kapal besar dari negara *Yavana* (negara Barat) membawa pelbagai barangan antaranya, ialah, emas dan pelbagai jenis manik. Kapal-kapal mereka berlabuh di pelabuhan *Musiri*. Pedagang-pedagang barat menukarkan emas dengan lada hitam dan mutiara (*ponnodu vantu kariyodu peyarum*). Puisi ini membuktikan kewujudan perdagangan antarabangsa dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Terdapat dua jenis perniagaan, iaitu, *vanigam* dan *vhanigam*. Kedua-dua jenis perniagaan ini mempunyai perbezaan yang unik. *Vanigam* bermaksud menjual sejenis barang sahaja seperti penjualan emas, beras dan bunga. Perniagaan yang melibatkan pelbagai jenis barang


digelar sebagai *vhanigam* seperti kedai runcit yang menjual pelbagai jenis barang merupakan *vhanigam*. Pada zaman moden kini kedua-dua jenis perniagaan wujud secara berleluasa.

Pusat membeli belah seperti, *supermarket* dan *hypermarket* mengendalikan perniagaan *vhanigam*. Manakala, kedai emas dan kedai menjual barangan elektrik merupakan pusat *vanigam*.

Menurut *Nakkeeran.A, Tholkaappiya Poongaavil Kalaigal,(2003)*

*”Vanigam adalah perniagaan yang melibatkan penjualan sejenis barang. Manakala, vhanigam pula adalah perniagaan yang melibatkan pelbagai jenis barang”.*

#### **Rajah 4.8: Kapal Perdagangan Luar Negara**



Sumber: *Viyakka Vaikkum Tamilar Ariviyal,(2005)*

Pada hakikatnya, perdagangan antarabangsa dilakukan melalui laluan laut. Perjalanan perairan menjadi penting bagi aktiviti perdagangan antarabangsa. Masyarakat Tamil zaman *cangam* mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pembuatan dan pengendalian pengangkutan air. Mereka menggunakan pelbagai jenis pengangkutan air seperti kapal besar (*vallam* dan *kappal*), sampan besar (*marakalam*), sampan kecil (*padagu*) dan rakit tertutup (*thoni*).



Jenis-jenis pengangkutan air ini membuktikan penglibatan masyarakat Tamil dalam bidang pengangkutan air.

Perniagaan dalam negeri pula melibatkan perjalanan darat. Perjalanan darat dikendalikan dengan bantuan pengangkutan darat seperti kereta lembu (*maaddu vandi*), kereta kuda (*kutirai vandi*) dan kereta keldai (*kalutai vandi*).

Pada zaman klasik, wujud beberapa pusat perniagaan di negara India Selatan (Tamilagam) yang memainkan peranan sebagai pelabuhan enterport. Aktiviti mengimport dan mengeksport barang-barang dilakukan di pelabuhan-pelabuhan ini. Kewujudan sebuah pusat perniagaan siang hari (*naal angkaadi*) dipaparkan dalam antologi Akananuru.

நாள்அங் காடி நாறும் நறுநுதல்  
நீள்இருங் கூந்தன் மாஅ யோளொடு  
வரைகுயின் றன்ன வான்தோய் நெடுநகர்

(*Akananuru, 93:10-12*)

*naal angkaadi naarum narutal  
neel irung koontan maa ayholodu  
varaikuyin dranna vaanthoi nedunagar*

- *pelbagai barang dijual di pasar siang  
pasangan kekasih ke pasar siang, lalu membeli  
barang-barang perhiasan diri untuk wirawati*

Pujangga menggambarkan sebuah pusat perniagaan siang hari (*naal angkaadi*) yang menjual pelbagai barang di negeri *Madurai* (salah sebuah daerah di India Selatan). Pasangan kekasih pergi ke pusat perniagaan untuk membeli barang-barang perhiasan diri yang diminati oleh wirawati.

Teks *Paddinapaalai* pula menggambarkan kegiatan perniagaan yang laris di negeri *Poombookar* (sebuah daerah di India Selatan).

நீரின் வந்த நிமிர்பரிப் புரவியுங்  
காலின் வந்த கருங்கறி மூடையும்  
வடமலைப் பிறந்த மணியும் பொன்னும்

குடமலைப் பிறந்த வாரமு மகிலுந்  
தென்கடன் முத்துங் குணகுடற் றுகிருந்  
கங்கை வாரியங் காவிருப் பயனு  
மீழத் துணவுங் காழகத் தாக்கமு  
மரியவும் பெரியவு நெளிய வீண்டி

(*Paddinapaalai:185-192*)

*neerin vanta nimir pari puraviyung  
kaalin vanta karunggari moodaiyum  
vadamalai piranta maniyum ponnum  
kudamalai piranta vaara magilum  
tenkadan muttung kunakudar drukirunta  
Ganggai vaariyang kaaviruppayanu  
Meela tunavuvung Kaalaga taakkamu  
Mariyavum periyavum neliya veendi*

- *kapal laut membawa pelbagai barangan  
kuda dan lada hitam dibawa dari Poombookar  
pelbagai manik dan emas dibawa dari Gunung Vadamalai  
kayu cendana dan barang haruman dari Gunung Kudamalai  
berlian bermutu tinggi dibawa dari Daerah Selatan  
gajah dan emas didatangkan dari Daerah Gangai  
pelbagai bahan makanan dibawa dari negara Eelam (Sri Langka)  
manakala, barang-barang haruman  
didatangkan dari Kadaram (Malaya)*

Menurut rangkap ini, kuda (*puravi*) dan lada hitam (*karunkari*) dibawa ke *Poombookar* dengan menggunakan kapal laut. Pelbagai manik (*mani*) dan emas (*pon*) pula dibawa dari Gunung Meru yang terletak di bahagian Utara India. Kayu cendana (*magil*) dan barang haruman (*aaram*) dibawa dari Gunung *Potigai (Kudamalai)*. Di samping itu, berlian yang bermutu tinggi (*muttu*) didatangkan dari bahagian Selatan India. Gajah dan emas yang dibawa dari kawasan *Gangai* manakala bahan makanan dibawa dari negara *Eelam (Sri Langka)*. Barang-barang haruman didatangkan dari negeri *Kadaram (Malaya)*.

Kesemua barang ini disusun kemas untuk tujuan import dan eksport. Rangkap ini juga menyampaikan maklumat sejarah yang penting tentang perhubungan antara Malaya (*Kadaram*) dengan negara India pada zaman klasik. Perhubungan antara kedua-dua negara ini telah lama wujud semenjak zaman klasik. Pada zaman klasik Malaya (Malaysia) dikenali

dengan nama *Kaalagam* ataupun *Kadaram*. Barang-barang haruman, besi dan kayu agil merupakan barang-barang yang diperoleh dari Malaya (Malaysia).

Bukti kewujudan perdagangan antarabangsa turut dipaparkan oleh pujangga *Madurai Marutanila Naaganaar* dalam puisi yang ke-255.

உலகுக்கிளர்ந் தன்ன உருகெழு வங்கம்  
புலவத்திரைப் பெருங்கடல் நீர்இடைப் போழ  
இரவும் எல்லையும் அசைவின்று ஆகி  
விரைசெலல் இயற்கை வங்கூழ் ஆட்டக்  
கோடுஉயர் திணிமணல் அகந்துறை நீகான்  
மாட ஒள்ளி மருங்கு அறிந்து ஓய்ய

(*Akananuru, 255:1-6*)

*ulagukilarn tanna urugelu vangam  
pulavuttirai perungkadal neeridai pola  
iravum yellaiyum asaivindru aagi  
viraiselal iyarkai vangkool aadda  
koduuyar tinimanal akanturai neekaan  
maada olyeri marunggu arintu ohiya*

- *wira menjalankan perdagangan luar negara barang-barangnya di bawa dengan kapal laut kapalnya mengharungi laut bergelora, serta menghadapi pelbagai rintangan dan halangan dari cuaca yang tidak menentu walaupun begitu, wira berjaya berlayar berpandukan rumah api*

Wira terlibat dalam urusan perdagangan luar negara dan membawa barang dagangan dengan menggunakan kapal laut. Kapal laut dikenali sebagai *vangam* ataupun *naavaai* dalam bahasa Tamil. Pujangga menyatakan bahawa kapal dagang yang dipandu oleh wira mengharungi laut bergelora (*pulavu tirai perungkadal*).

Kapalnya menentang angin kencang yang bertiup tanpa berhenti (*iravum yellaiyum asaivindru aagi, viraiselal iyarkai vangkool aadda*). Walau bagaimanapun, nakhoda (*neekaan*) yang berpengalaman dan mahir dapat memandu kapal ini dengan selamat. Kapal ini berlayar berpandukan rumah api (*maada olyeri, kalangarai vilakkan*). Kenyataan ini

membuktikan kemahiran masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam bidang perkapalan dan perdagangan antarabangsa. Mereka juga memiliki kemahiran menghasilkan kapal besar yang dapat menandingi kekuatan ombak besar dan dapat mengharungi laut dalam.

Perdagangan antarabangsa merupakan aktiviti perniagaan yang diminati oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Hal ini adalah kerana perdagangan antarabangsa melibatkan cabaran hidup dan pendapatan yang lumayan.

Kekayaan yang diperoleh melalui perdagangan antarabangsa menjamin status tinggi dalam masyarakat Tamil. Golongan muda sedia menghadapi cabaran yang mendatangkan hasil lumayan. Antologi *Akananuru* memaparkan perlakuan seorang wira yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa. Wira dari negara *Imayavaramban Neduncheralaatan* merantau ke negara lain untuk tujuan berdagang. Hakikat ini diceritakan oleh pujangga *Mamoolanaar*.

வலம்படி முரசின் சேர லாதன்  
முந்நீர் ஓட்டிக் கடம்புஅறுத்து இமயத்து  
முன்னோர் மருள வணங்குவிற் பொறித்து

(*Akananuru*, 127:3-5)

*valampadi murasin Cheralaatan  
munneer ohddi kadambu aruttu imayattu  
munnhor marula vananguvir porittu*

- *wira dari kerajaan Raja Cheran  
memandu kapal mengharungi laut luas berombak besar  
masyarakat umum kagum terhadap kewibawaan wira*

Wira memandu kapal besar mengharungi laut luas yang berombak besar (*munneer ohddi kadambu aruttu*). Laut yang luas dan ombak besar tidak dapat menghalang usaha wira. Dia berjaya mengatasi segala cabaran sehingga memperoleh kehendaknya. Kejayaan wira dikagumi dan disanjung oleh masyarakat tempatan (*munnor marula vananguvir porittu*). Puisi ini juga membuktikan penglibatan masyarakat Tamil dalam bidang perdagangan antarabangsa.

Antologi *Akananuru* turut memaparkan beberapa bukti tentang kewujudan pusat perniagaan pada zaman *cangam*. Tempat dan situasi perniagaan adalah sama seperti pada zaman kini.

மல்லல் ஆவணம் மறுகுடன் மடியின்

(*Akananuru*, 122:3)

*mallal aavanam marugudan madiyin*

- *terdapat deretan kedai serta lorong*

*Urantai Purangadu* ialah sebuah negeri yang dimiliki oleh Raja *Cholan Tittan* dan negeri ini terkenal dengan pelbagai jenis perniagaan. Pusat perniagaan direka bentuk secara sistematik dengan menyediakan jalan dan lorong yang sesuai. Terdapat juga deretan kedai yang menjual pelbagai jenis barang. Perkataan *aavanam* merujuk deretan kedai manakala *marugu* pula ialah lorong. Baris ini memberikan maklumat tentang kemahiran masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam pengurusan perniagaan. Di samping itu, mereka memiliki sistem perbandaran dan pentadbiran yang teratur.

#### 4.3.1.1 *Umanar* (Peniaga Garam)

Garam ialah sejenis galian yang terdiri daripada *natrium klorida*. Garam berbentuk pepejal berwarna putih, rasa masin dan diperoleh daripada air laut. Garam penting untuk kehidupan manusia dan haiwan dalam kuantiti kecil, namun berbahaya jika berlebihan. Rasa garam, masin, merupakan salah satu daripada rasa asas manusia. Garam dikenali sebagai *uppu* dalam kalangan masyarakat Tamil. Ia merupakan bahan perasa dan pengawet bahan makanan yang amat penting. Antologi *Akananuru* memaparkan perlakuan menjual garam oleh golongan *umanar*.

Masyarakat Tamil memberikan kepentingan kepada garam. Ini dapat dibuktikan melalui beberapa peribahasa yang terdapat dalam kalangan masyarakat Tamil. Peribahasa *uppu illah*

*pandam kuppaiyileh* (makanan tanpa garam adalah kurang sedap) dan *uppiddavarai ullalavum ninai* (sentiasa mengenangkan jasa dan bakti yang dicurahkan oleh orang lain) membuktikan kepentingan garam dalam kalangan masyarakat Tamil. Memandangkan kegunaan dan kepentingan garam, maka galian ini memperoleh status ekonomi yang tinggi. Penghasilan dan perniagaan garam giat dilakukan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Aktiviti perniagaan garam digambarkan dalam antologi *Akananuru*.

ததர்கோல் உமணர் பதிபோகு நெடுநெறி

(*Akananuru*,390:3)

*tatarkhol umanar patiphogu neduneri*

- *peniaga membawa garam untuk dijual*

Menurut puisi ini, peniaga garam dikenali dengan nama *umanar*. Peniaga membawa garam dari satu tempat ke tempat yang lain untuk dijual. Puisi-puisi berikut membuktikan kewujudan perniagaan garam dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Peniaga garam menggunakan kereta keldai untuk mengangkut garam.

கொடுங்கோல் உமணர்.....

(*Akananuru*,17:13)

*kodungkhhol umanar.....*

- *peniaga garam menggunakan kayu kecil untuk memukul kerbau yang menarik kereta beroda*

உப்புலய் உமணர் அருந்துறை போக்கும்

(*Akananuru*,30:5)

*uppuohi umanar arunturai phokkum*

- *peniaga menjual garam di persisiran pantai*

அவணதாகப் பொருள் என்று உமணர்  
கணநிரை அன்ன பல்காற் குறும்பொறை

(*Akananuru*,337:5-6)

*avanataaga porul yendru umanar  
ganairai anna palkaar kurumporai*

- *peniaga membawa muatan garam yang banyak dengan menggunakan kereta keldai*

மரம்கோள் உமண்மகன் பெயரும் புருதிப்  
புந்தலை சிதைத்த வந்தலை நடுகல்

(*Akananuru, 343:4-5*)

*maramkhol umanmagan peyarum paruti  
puntalai sitaitta vantalai nadugal*

- *kereta keldai membawa garam  
kelihatan usang dan kotor*

Kaum *umanar* bergerak dari satu tempat ke tempat lain untuk menjual garam. Semasa dalam perjalanan, mereka seringkali berehat dan memasak makanan. Selepas menghilangkan kepenatan, mereka akan bergerak terus menuju destinasiya. Perkataan *kana nirai* dalam puisi 337 merujuk muatan yang banyak. Manakala, *amanmagan* dalam puisi 343, merujuk pada peniaga garam. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa golongan *umanar* turut dikenali dengan nama *amanmagan*.

Maklumat tentang tapak penghasilan garam turut dipaparkan dalam antologi *Akananuru*. Pujangga *Nakkeeranaar* menggambarkan keadaan tapak penghasilan garam dalam puisi yang ke-120.

கழிச்சுறா எறிந்த புண்தாள் அத்திரி  
நெடுநீர் இருங்கழிப் பரிமெலிந்து அசைஇ

(*Akananuru, 120:10-11*)

*kaleechura yerinta puntaal attiri  
neduneer irungkali parimelintu asai*

- *tapak garam dipenuhi ikan yu, dan  
ia sering menggigit kaki keldai*

Puisi ini menyatakan tentang ikan yu (*kaliccuraa*) yang hidup berhampiran tapak penghasilan garam. Tapak penghasilan garam dikenali sebagai *irunggali* ataupun *uppanggali*. Ikan-ikan ini menyerang keldai (*attiri*) yang digunakan untuk menarik kereta garam (*kaliccuraa yerinta puntaal attiri*).

Perlakuan menjual garam turut dibincangkan oleh pujangga *Avvaiyaar* dalam antologi *Akananuru*. Puisi yang ke-303 memaparkan perlakuan ini.

வறன்மரம் பொருந்திய சிள்வீ டுமணர்  
கணநிரை மணியின் ஆர்க்கும் சுரநிறந்து

(*Akananuru*,303:17-18)

*varanmaram poruntiya silvedu umanar*  
*kananirai maniyin aarkkum suranirantu*

- *garam dibawa untuk dijual, menggunakan kereta lembu*  
*kereta lembu dihias cantik, serta*  
*loceng kecil menghiasi leher lembu*

*Avvaiyaar* menyatakan bahawa golongan *umanar* membawa garam dengan menggunakan kereta lembu. Mereka mengharungi hutan menuju ke pusat penjualan garam. Kereta lembu pula dihiasi dengan pelbagai perhiasan yang menarik. Loceng-loceng kecil yang digantungkan pada leher lembu berbunyi nyaring dan menandakan kehadiran penjual garam (*gana nirai maniyin aarkkum suranirantu*).

Pujangga *Uraiyoor Marutuvan Taamotaranaar* menyatakan perlakuan umum para peniaga garam (*umanar*).

களிறுகவைத் திட்ட கோதுடைத் ததரல்  
கல்லா உமணர்க்குத் தீமூட்டு ஆகும்

(*Akananuru*,257:16-17)

*kalirusuvai tidda khotudai tataral*  
*kallaa umanarkku teemooddu aagum*

- *mengumpul kayu-kayu kecil yang ditinggalkan oleh gajah*  
*para peniaga garam yang tidak berpendidikan*  
*mengutip kayu-kayu kecil untuk menghasilkan api*

Pada hakikatnya, para peniaga garam merupakan golongan yang tidak berpendidikan. Mereka tidak mempunyai peluang untuk belajar (*kallaa umanar*). Golongan ini menjual



garam untuk menyara hidup. Semasa mengharungi hutan, mereka mengumpulkan kayu-kayu kecil yang ditinggalkan oleh gajah (*kalirusuvai tidda*).

Kayu-kayu kecil yang kering ini digunakan untuk menghasilkan api bagi memasak makanan (*teemooddu aagum*) dan minuman. Melalui kenyataan ini, dapat dirumuskan bahawa perniagaan garam merupakan salah satu pekerjaan yang rumit dan melibatkan perjalanan jauh ke dalam hutan yang penuh dengan pelbagai cabaran.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengenali keenakan garam dan permintaan terhadap garam adalah tinggi. Oleh yang demikian, usaha pengeluaran garam diadakan secara meluas. Penghasilan garam dilakukan di kawasan persisiran pantai (*neythal*). Kaum *baratavar* yang tinggal di kawasan ini mengusahakan penghasilan garam.

இருங்கழிச் செறுவின் உழாஅது செய்த  
வெண்கல் உப்பின் கொள்ளை சாற்றி

(*Akananuru, 140:2-3*)

*irunggali seruvin ulaatu seita  
venkal uppin kollai saadri*

- *para pekerja di tapak penghasilan garam  
menghasilkan garam kasar*

Kenyataan ini, membuktikan penglibatan masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam bidang penghasilan garam kasar (*venkal uppu*). Hal ini membuktikan kewujudan dua jenis garam, iaitu, garam halus dan garam kasar. Kesemua kenyataan ini membuktikan kemahiran masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam bidang penghasilan dan penggunaan garam. Amalan menggunakan garam masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat dunia. Garam mempunyai kepentingan yang tersendiri.

#### 4.3.1.2 *Malar Virpor* (Peniaga Bunga)

Sesuatu perniagaan wujud apabila adanya permintaan dan penawaran. Barangan dan perkhidmatan yang mempunyai permintaan dan penawaran membuka ruang untuk aktiviti perniagaan. Bunga digunakan untuk pelbagai tujuan oleh masyarakat dunia, maka, wujud permintaan dan penawaran bunga. Perniagaan bunga merupakan salah satu perniagaan yang terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Bunga digunakan secara meluas oleh masyarakat Tamil. Hampir kesemua aktiviti keagamaan dan aktiviti kebudayaan seperti perkahwinan dan perayaan menggunakan bunga. Oleh yang demikian, permintaan terhadap bunga adalah tinggi. Masyarakat Tamil menggunakan bunga untuk tujuan-tujuan yang berikut:

**Rajah 4.9: Penggunaan Bunga**

<b>Bil</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Penggunaan</b>
1	Penyembahan Tuhan	Kalung bunga, bunga dalam upacara penyembahan Tuhan
2	Upacara kebudayaan	Kalung bunga dalam upacara perkahwinan dan perayaan
3	Perhiasan diri	Bunga pada perhiasan sanggul dan digunakan sebagai pewangi
4	Perubatan	Penggunaan bunga dalam bidang perubatan, penawar
5	Makanan	Penggunaan bunga dalam masakan seperti bunga <i>murungai</i>

Bunga merupakan sumber alam semulajadi yang tidak dapat dipisahkan daripada kebudayaan masyarakat Tamil. Tradisi penggunaan bunga dalam upacara kebudayaan masih dikekalkan. Buat masa kini perniagaan bunga dan kalung bunga merupakan perniagaan yang laris. Bunga dijadikan lambang tempat kehidupan (*thinai-ecological zones*) masyarakat Tamil zaman *cangam*. Setiap *thinai* mempunyai jenis bunga yang tertentu.

**Rajah 4.10: Bunga Mengikut Thinai**

<b>Bil.</b>	<b><i>Thinai</i></b>	<b>Jenis Bunga</b>
1	<i>Kurinchi</i> (Kawasan pergunungan)	Bunga <i>kurinchi</i> dan bunga <i>venggai</i>
2	<i>Mullai</i> (Kawasan hutan)	Bunga <i>mullai</i>
3	<i>Marutham</i> (Kawasan pertanian)	Bunga <i>taamarai</i> , <i>kuvalai</i> dan <i>sengal</i>
4	<i>Neytal</i> (Laut dan persisiran pantai)	Bunga <i>punnai</i>
5	<i>Paalai</i> (Kawasan kering kontang)	Bunga <i>kuraa</i> dan <i>maraa</i>

Teks-teks klasik Tamil membincangkan pelbagai maklumat tentang penggunaan bunga dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Antaranya, ialah, antologi *Ainkurunuru* memberikan maklumat tentang jenis-jenis bunga yang diperoleh di tempat kediaman masyarakat Tamil.

இந்திர விழவில் பூவின் அன்ன

(*Ainkurunuru*,62:1)

*Indera vilavil poovin anna*

- *membawa pelbagai bunga ke Indera vilah*

Pada musim perayaan *Indera vilah* para pengunjung dari kawasan sekitar mengerumuni tapak perayaan. Mereka membawa pelbagai jenis bunga dari tempat tinggal masing-masing. Ini bermakna setiap tempat mempunyai jenis bunga yang berlainan, dan mereka membawa bunga dari tempat tinggalnya sebagai tanda penghormatan.

Pujangga *Kaavan Mullai Pootanaar* memaparkan aktiviti perniagaan bunga seperti berikut:

பார்வல் வெருகின் கூர்எயிற்று அன்ன  
வரிமென் முகைய நுண்கொடி அதிரல்  
மல்ககல் வட்டியர் கொள்விடம் பெறாஅர்  
விலைஞர் ஒழித்த தலைவேய் காண்மலர்  
தேம்பாய் முல்லையொடு ஞாங்கர்ப் போக்கி

(*Akananuru*,391:1-5)

*paarval verukin kooryeyidru anna  
varimen mugaiya noonkodi atiral  
malgagal vaddiyar kolvidam peraar  
vilaghar olitta talaivhey kaanmalar  
tempaai mullaiyodu gaangar pokki*

- *di pasar siang pelbagai jenis bunga dijual  
bunga-bunganya dipamerkan dalam bekas yang cantik  
para peniaga bunga memanggil  
pembeli dengan suara yang lantang*

Puisi ini menggambarkan suasana penjualan dan pembelian bunga melor (*mugaiya noonkodi*). Penjual mempamerkan bunga melor dalam dulang yang dikenali sebagai *vaddiyar*.

Kesemua kenyataan ini membuktikan kewujudan perniagaan bunga pada zaman *cangam*. Penggunaan dan perniagaan bunga masih lagi kekal dalam kalangan masyarakat Tamil. Bunga merupakan salah satu unsur alam semulajadi yang dihormati oleh masyarakat Tamil.

#### **4.3.1.3 Kal Virpor (Peniaga Air Nira atau Todi)**

Minuman yang dibuat daripada perahan beras serta air kelapa muda adalah terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Minuman ini dikenali sebagai todi (*kal*), air nira (*pulippatan*) dan tuak (*theral*) dalam bahasa Tamil.

Mereka meminum air nira untuk menyambut sesuatu peristiwa seperti kemenangan dalam perang, majlis perkahwinan dan sambutan perayaan. Di samping itu, air nira juga diminum untuk menghilangkan kepenatan yang disebabkan oleh kerja-kerja harian.

Pada zaman *cangam* perniagaan air nira dilakukan seperti mana penjualan minuman pada zaman kini. Kedai menjual minuman air nira terletak dalam deretan kedai-kedai yang menjual pelbagai barangan. Hal ini digambarkan oleh pujangga *Kalladanaar*.

நெடுங்கொடி நடங்கும் நியம மூதூர்  
நறவுநொடை நல்கில் பதவுமுதற் பிணிக்கும்

(Akananuru,83:7-8)

*nedungkodi nudanggum niyama mootoor  
naravunodai nallil patavumutar pinikkum*

- *deretan kedai di kampung  
wujudnya kedai todi di antara deretan kedai*

*Nedungkodi nudanggum niyama mootoor* bermaksud deretan kedai yang terdapat dalam kampung berkenaan. Antara deretan kedai ini terdapat kedai yang menjual minuman todi.

Masyarakat tanah *Paalai* mahir dalam pembuatan air nira. Mereka membuat air nira dengan beras yang ditumbuk dan digaul bersama air. Campuran ini ditapis dan air diisikan ke dalam periuk khas. Campuran ini dibiarkan sehingga menjadi masam. Minuman masam ini dikenali sebagai *pulippatan* (air nira). Pujangga *Viddroodru Mooteyinanaar* menggambarkan amalan meminum air nira dalam puisi yang ke-37.

புளிப்பதன் அமைந்த புதுக்குட மலிர்நிறை  
வெயில்வெரிந் நிறுத்த பயில்இதழ்ப் பசங்குடைக்  
கயமண்டு பகட்டன் பருகி

(Akananuru,37:9-11)

*pulippatan amanita putukkuda malirirai  
veyilverin nirutta payilital pasungkudai  
kayamandu pagaddin parugi*

- *air nira dibuat dengan tepung beras  
tepung beras digaul bersama air dan ditapis  
campuran ini disimpan dalam periuk khas  
sehingga ia menjadi masam*

Pujangga *Paranar* pula memaparkan amalan meminum air nira oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Peristiwa ini berlaku di tanah *marutham*.

கட்கொண்டு மறுகும் சாகாடு அளற்றுஉறின்  
ஆய்க்கும்பு அடுக்கும் பாய்புனல் ஊர!

(Akananuru,116:3-4)

*kadkondu marugum saagaadu aladrurin  
aaikadumbu adukkum paaipunal oora!*

*kereta beroda membawa air nira  
ke tapak penuaian!*

Masyarakat tanah *marutham* terlibat dalam aktiviti menuai padi dan pada masa itu sebuah kereta beroda membawa air nira. Air nira diminum untuk melegakan kehausan sepertimana meminum air pada zaman sekarang. Perkataan *kadkondu marugum* adalah merujuk kereta roda yang membawa air nira.

Amalan meminum air nira terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Mereka menukarkan barang-barang keperluan harian dengan air nira. Amalan meminum air nira digambarkan seperti berikut:

கள்ஆர் வினைஞர் களந்தொறும் மறுகும்

(*Akananuru,84:13*)

*kalaar vinaighar kalantorum marugum*

- *hati bergembira meminum air nira*

Air nira turut diminum untuk kegembiraan hati. Kegembiraan yang dialami oleh peminum air nira digambarkan dalam rangkai kata *kalaar vinaighar kalantorum marugum*.

Antologi *Akananuru* membuktikan beberapa peristiwa tentang amalan meminum air nira oleh golongan raja dan pembesar. Antaranya ialah perlakuan tentang seorang raja yang bernama *Nannan* terlibat dalam aktiviti riadah dengan meminum air nira (*naravu*).

நறவுமகிழ் இருக்கை, நன்னன் வேண்மான்

(*Akananuru,97:12*)

*naravumagil irukkai, Nannan vhenmaan*

- *Raja Nannan gembira hati meminum air nira*

Perkataan *naravu* dalam baris ini merujuk pada minuman air nira ataupun todi.

Pujangga *Madurai Ilampaalaasiriyar Shengkoottan* menggambarkan perlakuan seorang wira (*kaanavan*) tanah *kurinci* yang meminum air nira.

கழுதில் கானவன் பிழிமகிழ்ந்து வதிந்தென

(Akananuru,102:2)

*kalutil kaanavan pilimagintu vatintena*

- *wira yang meminum air nira berperang*

*Yelini* merupakan seorang raja yang terkenal dalam medan perang. Anggota tentera *Yelini* meminum air nira (*tempili*) lalu menyerang musuh. Peristiwa ini digambarkan oleh pujangga *Thayangkannanaar* :

வினைவல் அம்பின் விழுத்தொடை மறவர்  
தேம்பிழி நறுங்கள் மகிழின், முனைகடந்து

(Akananuru,105:13-14)

*vinaival ambin viluttodai maravar  
thempili narungkal magilin, munaikadantu*

- *pasukan Raja Yelini meminum air nira sebelum berperang*

*Maravar* ialah askar pertahanan dan *thempili* pula gelaran bagi air nira.

Kaum *Kosalar* merupakan askar pertahanan yang berwibawa. Kemahiran berperang oleh kaum *Kosalar* digambarkan dalam puisi yang ke-113.

காப்புக் கைந்நிறுத்த பல்வேற் கோசர்  
இளங்கள் கமழும் நெய்தல்அம் செறுவின்

(Akananuru,113:5-6)

*kaappu kainnirutta palvher Kosalar  
ilangal kamalum neytalam seruvin*

- *raja ditempatkan di kawasan terpencil dan selamat  
mereka minum air nira yang harum menyambut kemenangan*

Semasa berperang, kaum *kosalar* menempatkan raja mereka di tempat terpencil dan selamat (*kaappu kainirutta palvehr kohsalar*). Selepas menewaskan musuh, mereka minum air nira yang harum (*ilangal kamalum*) sebagai tanda kemenangan.

Pujangga *Paranar* pula membincangkan amalan meminum air nira dalam kalangan golongan petani tanah *marutam*.

அரிந்துகால் குவித்த செந்நெல் வினைஞர்  
கட்கொண்டு மறுகும் சாகாடு அளற்றுஉறின்  
ஆய்கடும்பு அடுக்கும் பாய்புனல் ஊர

(*Akananuru, 116:2-4*)

*Arintukaal kuvitta sennel vinaighar  
Kadkondu marugum saagaadu aladrurin  
Aaikadumbu adukkum paaipunal oora*

- *para petani yang menuai padi kehausan  
kereta beroda membawa air nira  
barang makanan ditukar dengan air nira*

Golongan petani tanah *marutam* melakukan aktiviti menuai padi dan pada masa ini tiba sebuah kereta beroda yang menjual air nira. Para petani menukar barangan makanan untuk mendapatkan air nira. Kenyataan ini membuktikan bahawa air nira bukan sahaja diminum untuk kegembiraan hati malah untuk menghilangkan kepenatan bekerja serta meredakan kehausan.

Pujangga *Madurai Maruthanilanaaganaar* turut membicarakan perlakuan meminum air nira dalam kalangan masyarakat tanah *kurinci*.

அம்பனை விளைந்த தேக்கட் டேறல்  
வண்டுபடு கண்ணியர் மகிழும் சீறூர்

(*Akananuru, 368:14-15*)

*ambanai vilainta thekaddheral  
vandupadu kanniyar magilum seeroor*

- *air nira yang dibuat daripada madu tulin  
mereka yang minum air nira  
pasti akan bergembira hati*

Puisi ini menyatakan bahawa, air nira turut dibuat daripada madu tulin yang dikutip daripada buluh hutan. Mereka yang meminum minuman ini pasti akan bergembira hati.



Pujangga *Paranar* memaparkan negeri *Urantai Purangkaadu* kaya dengan hasil madu tulin. Madu yang berkualiti tinggi ini dijadikan sebagai minuman oleh masyarakat *Urantai Purangkaadu*.

இரும்பிழி மகாஅரிவ் அழுங்கல் மூதூர்

(*Akananuru, 122:1*)

*irumbili mahaariya alunggal mootoor*

- *air nira yang dihasilkan daripada madu tulin*

Baris ini memberikan maklumat tentang bahan yang digunakan untuk pembuatan air nira. Air nira bukan sahaja dihasilkan daripada air kelapa malahan madu tulin juga digunakan untuk mendapatkan air nira.

Air nira juga digunakan dalam kebanyakan upacara harian termasuk perang dan majlis perkahwinan. Pujangga *Uraiyoor Mutukoottanaar* memaklumkan bahawa salah seorang Raja *Cholan* berperang dengan musuh dan berjaya menewaskannya. Angkatan tenteranya menyambut kemenangan ini dengan meminum air nira.

இன்கடுங் கள்ளின் உறந்தை ஆய்கன்

(*Akananuru, 137:6*)

*inkadung kallin urantai aayakan*

- *angkatan tentera meminum air nira sebagai tanda kemenangan*

Kesemua maklumat ini membuktikan amalan meminum air nira dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Perlakuan meminum air nira masih diamalkan oleh masyarakat Tamil. Tetapi tujuan meminum air nira telah berubah malahan pada zaman kini air nira diminum untuk mengembirakan hati. Sebaliknya, pada zaman *cangam* air nira diminum untuk melegakan kehausan dan menyambut sesuatu peristiwa yang mengembirakan hati.

#### 4.3.1.4 *Pandamaadru* (Sistem Barter)

Sistem barter merupakan amalan perniagaan yang tidak melibatkan penggunaan wang. Secara ringkasnya, pertukaran dan pengagihan wang tidak wujud dalam sistem barter. Barangan yang diperolehi daripada sesuatu tempat ditukar dengan barangan yang diperolehi daripada tempat lain. Pada zaman klasik, kaum pengembala kambing (*aadu idaiyar*) memberikan susu kambing untuk mendapatkan bijian. Maklumat ini dibentangkan dalam antologi *Kuruntogai* :

பாலொடு வந்து கூறொடு பெயரும்  
ஆடுடை இடைமகன் சென்னி

(*Kuruntogai*,221:3-4)

*paalodu vantu koolodu peyarum*  
*aadudai idaimagan senni*

- *pengembala kambing*  
*menukarkan susu dengan beras dan bijian*

Para pengembala membawa susu kambing lalu menukarkannya dengan hasil pertanian seperti beras dan bijian (*kelvaragu*, *varagu* dan *tinai*). Kesemua ini ialah bijian makanan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Amalan memakan bijian ini masih wujud dalam kalangan masyarakat Tamil zaman kini.

Antologi *Purananuru* pula menyatakan perlakuan sistem barter seperti berikut:

கான் உறை வாழ்க்கைக் கதநாய் வேட்டுவன்  
மான்தசை சொரிந்த வட்டியும், ஆய்மகள்  
தயிர்கொடு வந்த தசம்பும், நிறைய  
ஏரின் வாழ்நர் பேரில் அரிவையர்  
குளக்கீழ் விளைந்த களைக்கொள் வெண்ணல்

(*Purananuru*,33:1-5)

*kaan urai vaalkkai katanaai vhedduvan*  
*maantasai sorinta vaddiyum, aaimagal*  
*tayirkodu vanta tasumpum, niraiya*  
*yerin vaalnar pheril arivaiyar*  
*kulakkeel vilainta kalaikol vennel*

- *pemburu berjaya memburu rusa*  
*menukarkan daging rusa dengan hasil pertanian*  
*daripada kaum petani*

Menurut puisi ini, seorang pemburu (*vhedan*) menukarkan hasil pemburuan dengan seorang petani (*ulavar*). Daging rusa yang merupakan hasil pemburu (*vedan*) ditukarkan dengan beras yang merupakan hasil pertanian golongan petani (*ulavar*).

Kedua-dua puisi ini membuktikan kewujudan sistem barter dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Sistem barter dilakukan untuk penukaran barangan dan perkhidmatan. Ia boleh dilakukan di antara dua atau beberapa pihak. Melalui sistem ini mereka perlu membuat pilihan sesamanya untuk mendapatkan barang atau perkhidmatan yang dikehendaki.

Antologi *Akananuru* membekalkan beberapa maklumat yang berkaitan dengan sistem barter dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Mereka menukarkan barang keperluan yang dikehendakinya dengan barang yang ada pada mereka.

பசுமீன் நொடுத்த வெந்நெல் மாஅத்  
தயிர்மிதி மிதவை ஆர்த்துவம் நினக்கே

(*Akananuru*,340:14-15)

*pasumeen nodutta vennel maat*  
*tayirmiti mitavai aarttuvam ninaikkhe*

- *ikan segar yang baru ditangkap ditukarkan dengan beras putih*

Pujangga *Nakkeeranaar* menyatakan bahawa ikan segar yang baru ditangkap ditukarkan dengan beras putih. Puisi ini membuktikan kewujudan sistem barter dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Pujangga *Kudavaayir Keerattanaar* (*Akananuru*:60), *Paalai Paadiya Perungkadungoh* (*Akananuru*:337) dan *Ammoovanaar* (*Akananuru*:140 dan 390) menyatakan bahawa garam digunakan sebagai bahan penukaran untuk mendapatkan beras padi . Kedua-dua barang ini ditukar dengan sukatan yang sama.

உப்புநொடை நெல்லின் மூரல் வெண்சோறு

(*Agananuru,60:4*)

*uppunodai nellin mooral venshoru*

- *garam ditukar dengan beras putih*

நெல்லின் நேரே வெண்கல் உப்பு

(*Akananuru,140:7*)

*nellin nhereh venkal uppu*

- *padi ditukar dengan garam*

நெல்லும் உப்பும் நேரே ஊர்ர்!

(*Akananuru,337:8*)

*nellum uppum nhereh ooreer!*

- *padi dan garam mempunyai kepentingan yang sama*

நெல்லும் உப்பும் நேரே ஊர்ர்!

(*Akananuru,390:8*)

*nellum uppum nhereh ooreer!*

- *padi dan garam ditukar sesama dengan nilai yang sama!*

Kaum *Umanar* melakukan penjualan garam dengan menggunakan sistem barter. Mereka memberikan garam (*uppu*) untuk mendapatkan beras ataupun padi (*nel*). *Uppunodai nell* (*Agananuru:60*), *nellin nhereh venkal uppu* (*Akananuru:140*) dan *nellum uppum nhereh* (*Akananuru:337* dan *390:8*) membuktikan kepentingan beras, padi dan garam dalam kehidupan harian masyarakat Tamil zaman *cangam*. Di samping itu, pujangga juga memaklumkan bahawa garam yang digunakannya adalah garam kasar yang berwarna putih (*venkal uppu*).

Amalan sistem barter oleh masyarakat Tamil zaman *cangam* turut dibincangkan oleh pujangga *Kallaadanaar* dalam puisi yang ke-83.

கறைஅடி மடப்பிடி கானத்து அலறக்  
களிற்றுக் கன்றுஒழித்த உவகையர்,கலிசிறந்து

கருங்கால் மராஅத்துக் கொழுங்கொம்பு பிளந்து  
பெரும்பொழி வெண்நார் அழுந்துபடப் பூட்டி  
நெடுங்கொடி நுடங்கும் நியம மூதூர்  
நறவுநொடை நல்இல் பதவுமுதற் பிணிக்கும்

(Akananuru,83:3-8)

*karaiadi madappidi kaanattu alara  
kalidru kandruolitta uvagaiyar, kalisirantu  
karungkaal maraattu kolungkombu pilantu  
perumpoli vennaar aluntupada pooddi  
nedungkodi nudangum niyama mootoor  
naravunodai nalil patavumutar pinikkum*

- *vhedar dari tanah Paalai  
berjaya menangkap seekor anak gajah  
anak gajah itu ditukarkan dengan seorang peniaga  
utnuk mendapatkan air nira*

Seorang pemburu (*vhedar*) tanah *paalai* berjaya menangkap seekor anak gajah (*kalidru kandru*). Anak gajah itu diberikan kepada seorang peniaga untuk mendapatkan air nira. Puisi ini membuktikan kewujudan sistem barter yang melibatkan gajah dan air nira. Air nira dianggap sebagai bahan bernilai sehingga anak gajah dijadikan sebagai bahan penukaran.

#### 4.3.2 *Ulavu* (Pertanian)

Makanan, pakaian dan tempat tinggal merupakan tiga elemen yang penting dalam kehidupan manusia. Antara ketiga-tiga elemen ini, makanan memainkan peranan yang amat penting. Sejak zaman dahulu kehidupan manusia bergantung kepada usaha mencari makanan. Hampir segala aktiviti harian adalah untuk mendapatkan makanan.

Pertanian merupakan salah satu perlakuan asas untuk mendapatkan makanan. Manusia memperoleh kebanyakan makanan melalui penanaman sayuran dan buah-buahan serta pemburuan. Pertanian juga memainkan peranan penting dalam perkembangan kemajuan masyarakat manusia. Perkataan *ulavu* merujuk bidang pertanian, golongan petani lelaki dikenali sebagai *ulavar* dan petani perempuan pula dikenali sebagai *ulattiyar*.

Barang-barang makanan seperti beras, gandum, bijian, sayuran dan buah-buahan diperoleh melalui aktiviti pertanian. Di samping itu, pertanian juga memberikan sumbangan yang besar terhadap perkembangan ekonomi sesebuah negara. Oleh yang demikian, bidang pertanian dianggap sesuatu yang amat penting dalam kehidupan masyarakat dunia.

Pujangga *Avvaiyaar* menyatakan kelebihan dan kepentingan bidang pertanian dalam teks *Nalvali*. Masyarakat manusia menghormati dan menyanjungi bidang pertanian disebabkan oleh kepentingannya terhadap kehidupan manusia.

ஆற்றங் கரையின் மரமும் அரசறிய  
வீற்றிருந்த வாழ்வும் விழும் அன்றே – ஏற்றம்  
உழுதுண்டு வாழ்வதற்கு ஒப்பில்லை கண்டார்  
பழுதுண்டு வேறோர் பணிக்கு

(*Nalvali:13*)

*aarrang karaiyin maramum arasariya  
veedrirunta vaalvum vilum andreh – yhedram  
ulutundu vaalvatarkku oppillai kandeer  
palutunddu vheror panikku*

- *kerajaan yang kukuh,  
boleh tumbang tanpa sebarang identiti, manakala  
tidak ada yang lebih mulia dari pertanian*

*Avvaiyaar* menyatakan bahawa tidak ada pekerjaan ataupun perlakuan yang lebih mulia daripada bidang pertanian. Para petani merupakan golongan manusia yang amat disanjung dibanding dengan golongan yang lain. Petani dan pertanian merupakan dua elemen yang tidak dapat disingkirkan daripada kemajuan manusia sejagat. Ia merupakan sumber makanan bagi masyarakat manusia, maka, kedua-dua elemen ini disanjung dan dihormati oleh masyarakat dunia.

Teks *Thirukkural* turut membincangkan keagungan dan kepentingan bidang pertanian. *Thiruvalluvar* memperuntukkan satu bab khas (*Thirukkural, Ulavu:104*) untuk memaparkan kepentingan dan kelebihan bidang pertanian.

சுழன்றும்ஏர்ப் பின்னது உலகம்; அதனால்  
உழந்தும் உழவே தலை  
*sulandrumyher pinnatu ulagam atanaal  
ulantum ulaveh talai*

(Thirukkural:1031)

- *pertanian merupakan pekerjaan yang teragung dan terpenting di dunia ini.*

உழுவார் உலகத்தார்க்கு ஆணிஅஃது ஆற்றாது  
எழுவாரை எல்லாம் பொறுத்து  
*uluvaar ulagattaarkku aaniaktu aadraatu  
yeluvaarai yellaam poruttu*

(Thirukkural:1032)

- *kaum petani merupakan tunjang bagi kehidupan manusia di dunia ini.*

உழுதுஉண்டு வாழ்வாரே வாழ்வார்; மற்றது எல்லாம்  
தொழுதுஉண்டு பின்செல் பவர்  
*ulutundu vaalvaareh vaalvaar; madratu yellaam  
tolutundu pinsel pavar*

(Thirukkural:1033)

- *kaum petani yang membekalkan makanan kepada masyarakat manusia merupakan pemimpin yang ideal.*

பலகுடை நீழலும் தம்குடைக்கீழ்க் காண்பர்  
அலகுஉடை நீழ லவர்  
*palakudai neelalum tamkudaikkeel kaanbar  
alaguudai neela lavar*

(Thirukkural:1034)

- *petani yang kaya dengan hasil penanaman merupakan lebih berwibawa jika dibanding dengan golongan raja*

இரவார் இரப்பார்க்குஒன்று ஈவர் கரவாது  
கைதுசெய்துஊண் மாலை யவர்  
*iravaar irappaarkkuondru eepar karavaatu  
kaiseituum maalai yavar*

(Thirukkural:1035)

- *kaum petani tidak mengharapkan bantuan daripada orang lain malahan mereka yang menghulurkan bantuan kepada orang lain.*

உழவினார் கைம்மடங்கின் இல்லை விழைவதுஉம்  
விட்டோம்என் பார்க்கும் நிலை  
*ulavinaar kaimmadangin illai vilaivatoom  
viddohmyen paarkkum nilai*

(Thirukkural:1036)

- *sekiranya golongan petani tidak mengusahakan aktiviti pertanian maka masyarakat dunia akan menghadapi masalah kebuluran.*

தொடிப்புழுதி கஃசா உணக்கின் பிடித்துஎருவும்  
வேண்டா சாலப் படும்  
*todippuluti kaksaa unakkin pidituyeruvum*  
*vehndaa saala padum*

(*Thirukkural:1037*)

- *sekiranya tanah digemburkan dengan proses penenggalaan yang baik maka hasilnya adalah lumayan.*

ஏரினும் நன்றால் எருஇடுதல்; கட்டபின்  
நீரினும் நன்றுஅதன் காப்பு  
*yehrinum nadraal yeruidutal; kaddapin*  
*neerinum nandruatan kaappu*

(*Thirukkural:1038*)

- *menaburkan membaja, membersihkan tapak penanaman, dan mengawal penanaman akan menjamin hasil pertanian yang banyak.*

செல்லான் கிழவன் இருப்பின் நிலம்புலந்து  
இல்லாளின் ஊடி விடும்  
*sellaan kilavan iruppin nilampularntu*  
*illaalin oodi vidum*

(*Thirukkural:1039*)

- *petani harus menjaga dan mengawasi tanah pertanian sepanjang masa, sekiranya gagal melakukan perkara ini maka aktiviti pertanian tidak akan berjaya.*

இலம்என்று அசைஇ இருப்பாரைக் காணின்  
நிலம்என்னும் நல்லாள் நகும்  
*ilamyendru asai iruppaarai kaanin*  
*nilamyennum nallaal nagum*

(*Thirukkural:1040*)

- *manusia tidak perlu risau tentang hasil kekayaan sekiranya mempunyai tanah pertanian.*

Kesemua kuplet ini memaparkan keagungan golongan petani dan kepentingan bidang pertanian. Pertanian merupakan pekerjaan yang terunggul dan terpenting di dunia ini. Para petani dianggap sebagai golongan yang terpenting dalam masyarakat sejagat. Mereka adalah golongan yang amat disanjung dan dihormati. Tanpa kewujudan mereka, masyarakat dunia tidak akan memperoleh makanan. Masyarakat manusia akan menghadapi kebuluran dan menderita di dunia ini.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* menceburi bidang pertanian secara meluas. Mereka giat menanam padi, tebu, sayur-sayuran, bijirin dan buah-buahan. Barang-barang makanan



dijual ataupun ditukar dengan barangan lain. Antologi *Akananuru* membentangkan banyak maklumat tentang kegiatan pertanian masyarakat Tamil zaman *cangam*.

#### 4.3.2.1 *Nel Payiridal* (Menanaman Padi)

Padi merupakan makanan asas bagi masyarakat Tamil. Kebanyakan penduduk negara Asia memberikan keutamaan terhadap beras dan pelbagai makanan dibuat daripadanya. Memandangkan kepentingan dan keperluannya maka, penanaman padi berkembang maju dalam kalangan masyarakat Tamil. Sejak zaman *cangam* penanaman padi dilakukan secara meluas.

Padi dikenali sebagai *nel* dan beras pula dikenali sebagai *arisi* dalam bahasa Tamil. Padi dan beras memainkan peranan penting dalam kebudayaan masyarakat Tamil. Selain sebagai barang makanan padi dan beras juga digunakan dalam aktiviti kebudayaan masyarakat Tamil.

Upacara kebudayaan seperti perkahwinan, perayaan keagamaan dan pengebumian dikendalikan dengan taburan padi dan beras. Semasa upacara perkahwinan, padi ditaburkan ke atas kepala pasangan pengantin sebagai lambang kehidupan yang ideal. Padi merupakan biji benih yang masih subur dan akan menghasilkan keturunannya. Para tetamu mendoakan agar pasangan pengantin dapat membina kehidupan baru dengan menghasilkan keturunan seperti mana padi. Padi digunakan sebagai lambang simbolik bagi kehidupan yang berterusan.

Manakala, beras merupakan bijirin yang tidak bernyawa serta tidak dapat menghasilkan keturunannya. Ia dijadikan sebagai lambang simbolik tentang sesuatu penghabisan. Maka, beras ditaburkan pada mayat (*vaaikarisi*) serta didoakan agar roh berkenaan mendapat

kehidupan yang baru. Kedua-dua perkara ini tidak dapat disingkirkan daripada kehidupan manusia. Kedua-dua amalan ini masih wujud dalam kalangan masyarakat Tamil.

Perayaan *ponggal* merupakan salah satu perayaan kebudayaan yang penting bagi masyarakat Tamil. Perayaan ini disambut selama tiga hari, iaitu, *phogi ponggal* (hari sebelum *ponggal*), *veeddu ponggal* ataupun *perumponggal* (hari pertama), *maaddu ponggal* (hari kedua), dan *kaanum ponggal* (hari ketiga). *Ponggal* ialah nasi yang dimasak bersama gula hitam. Beras baru yang segar digunakan untuk membuat *ponggal*. Padi dan beras menjadi bahan utama dalam perayaan *ponggal*. Perayaan *ponggal* masih lagi disambut oleh masyarakat Tamil dan perayaan telah sebatikan dalam kehidupan masyarakat Tamil.

Secara keseluruhannya, penanaman padi membuktikan arus permodenan yang telah wujud dalam kalangan masyarakat Tamil klasik. Penanaman padi yang bersistematik dan teratur memerlukan penempatan masyarakat yang tetap. Titik permulaan permodenan manusia di dunia ini wujud melalui konsep pemastautinan tetap. Maka, amalan penanaman padi oleh masyarakat Tamil membuktikan perkembangan kemajuan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Kebanyakan aktiviti pertanian dilakukan di tanah *kurinci* dan *marutham*. Kedua-dua jenis kawasan ini amat sesuai untuk aktiviti pertanian. Para petani (*ulavar* dan *ulatiyar*) memiliki kemahiran tinggi dan pengalaman yang luas dalam bidang pertanian. Kebanyakan petani terlibat dalam aktiviti mencangkul dan menyuburkan tanah, menabur baja, menanam biji benih, pengairan dan penjagaan tanaman. Tanah pertanian digemburkan dengan proses penenggalaan. Proses ini menjamin kesuburan tanah serta hasil yang banyak. Proses penenggalaan digambarkan dalam antologi *Akananuru* seperti di bawah ini:

.....உறுபெயல்  
தண்துளிக்கு ஏற்ற பலஉழு செஞ்செய்  
மண்போல் நெகிழ்ந்து, அவற் கலுழிந்தே

(*Akananuru*,26:23-25)

.....urupeyal  
Tantulikku yedra palaulu sencey  
Manphol negilntu, avar kalulnthe

- *banyak hasil pertanian diperoleh dengan penenggalan tanah*

Menurut rangkap ini, proses penenggalan tanah menghasilkan pulangan lumayan. Tanah yang telah digemburkan menjadi lebih lembut dan dapat menyedut air yang banyak. Hal ini menjamin kesuburan tanah serta menghasilkan pulangan banyak dalam kawasan yang terhad. Aktiviti penyuburan tanah menjamin pulangan yang banyak digambarkan secara simbolik oleh pujangga *Aavoor Moolangkilaar* dalam antologi *Purananuru*.

ஒருபிடி படியுஞ் சீறிடம்  
எழுகயிறு புரக்கும் நாடுகிழ வோயே!  
*orupidi padiyung seeridam*  
*yelukayiru purakkum naadukila vhoeyh!*

(*Purananuru,40:9-10*)

- *tanah segenggam jika diusahakan dengan baik, maka hasilnya adalah lumayan!*

Menurut antologi *Akananuru:26* dan *Purananuru:40*, tanah segenggam jika diusahakan dengan cara yang baik, maka, tanah itu berupaya menghasilkan hasil yang secukupnya. Rangkap ini menyatakan bahawa, jika aktiviti pertanian diusahakan dengan tatacara yang betul, maka makanan untuk tujuh ekor gajah dapat dihasilkan. Ini merupakan lambang simbolik tentang hasil pertanian yang lumayan.

Pada hakikatnya, pujangga memaparkan kepentingan menyuburkan dan membaja tanah. Para petani menggunakan lembu jantan untuk aktiviti penenggalan tanah. Penggunaan lembu jantan memudahkan proses pengisaran dan menjamin kesuburan tanah.

அரிகால் போழ்ந்து தெரிபகட்டு உழவர்  
*arikaal pholntu teripagaddu ulavar*

(*Akananuru,41:6*)

- *arikaal pholntu teripagaddu ulavar*

ஊன்கிழித் தன்ன செஞ்சுவல் நெடுஞ்சால்  
வித்திய மருங்கின் விதைபல நாறி

(*Akananuru, 194:4-5*)

*oonkili tanna sensuval nedunsaal  
vittiya marunggin vitaipala naari*

- *oonkili tanna sensuval nedunsaal  
vittiya marunkin vitaipala naari*

Puisi *Akananuru:41* dan *Akananuru:194* memaklumkan proses penyediaan tanah untuk penanaman padi. Pada awal subuh, para petani melakukan aktiviti penenggalaan. Tanah yang telah melalui proses penenggalaan berkelihatan seperti tanah merah dan sesuai untuk penaburan benih.

Pada zaman kini, proses penenggalaan tanah pertanian dilakukan dengan menggunakan jentera khas. Penggunaan lembu untuk proses penenggalaan telah berkurangan. Lembu diganti dengan jentera dalam bidang pertanian adalah merupakan perubahan zaman. Walau bagaimanapun, masyarakat Tamil masih lagi mengenangkan jasa lembu. Mereka masih lagi menyanjungi dan menghormati lembu. Perayaan *ponggal* hari kedua (*maaddu ponggal*) membuktikan penghormatan terhadap lembu. Perayaan *ponggal* disambut pada awal bulan *thai* (Januari) setiap tahun.

Perlakuan penyediaan tanah pertanian turut dibincangkan dalam antologi *Akananuru*. Suatu gambaran tentang kegiatan penyediaan tanah diperincikan oleh pujangga *Kundriyanaar* dalam puisi yang ke-41.

நெடுநெல் அடைச்சிய கழனிஏர் புகுத்த  
குடுமிக் கட்டிய படப்பையொடு மிளிர  
அரிகால் போழ்ந்த தெரிபகட்டு உழவர்  
ஓதைத் தெள்விளி புலந்தொறும் பரப்ப

(*Akananuru, 41:4-4*)

*nedunel adaiciya kalani yer pugutta  
kudumi kaddiya padapaiyodu milira  
arikaal pholnta teripagaddu ulavar  
ootai telvili pulantorum parappa*

- *kayu penenggalan yang kukuh digunakan untuk menenggalan tanah lembu jantan yang sesuai dipilih untuk menenggalan tanah padi*

Proses pengemburan tanah dilakukan dengan menggunakan lembu yang mahir (*teripagaddu*) dan kayu penenggalan (*kalani yer*) yang kukuh. Selepas proses penenggalan, tanah diratakan dengan bantuan lembu jantan. Alat khas digunakan untuk meratakan tanah. Perlakuan ini digambarkan seperti berikut:

காரேறு பொருத கண்ணகன் செறுவி  
ஐழாஅ நுண்டொளி நிரவிய வினைஞர்

(*Perumpaanaadrupadai:210-211*)

*kaarheru poruta kannakan seruvi  
nulaa nundoli niraviya vinaighar*

- *lembu bertanduk hitam beralaskan lumpur membantu petani meratakan tanah*

Puisi ini menggambarkan perwatakan seekor lembu yang membantu meratakan tapak pertanian. Tanduk berwarna hitam dikotori dengan lumpur semasa melakukan kerja meratakan tanah. Puisi ini membuktikan perhubungan yang wujud antara petani dengan lembu.

Elemen- elemen yang menentukan hasil pulangan pertanian adalah seperti kesuburan tanah, kesesuaian musim, taburan baja, sistem pengairan dan kualiti biji benih. Setiap elemen diberikan perhatian teliti bagi menjamin pulangan.

Antologi *Akananuru* memaparkan suatu maklumat berkaitan dengan penggunaan bijih benih dalam kalangan para petani.

வெண்ணெல் வித்தின் அறையிசை உணங்கும்

(*Akananuru,211:6*)

*vennel vittin araimisai unangum*

- *penyediaan bijih benih yang berkualiti*

Kaum petani menggunakan bijih benih yang berkualiti tinggi untuk penanaman dan ia amat penting untuk menjamin hasilnya. Bijih benih berkualiti tinggi akan menghasilkan pulangan yang banyak. Oleh itu, bijih benih dihasilkan secara teliti dengan menjemurkan di atas batu-bata. Proses ini menjamin kualiti bijih benih serta hasil pertanian.

Sistem pengairan yang teratur dan bersistematik turut menjamin hasil pertanian. Tanpa sistem pengairan yang baik, tanaman tidak dapat hidup dengan subur. Oleh itu, masyarakat Tamil zaman *cangam* memberikan perhatian khas terhadap sistem pengairan. Mereka membuat alur dan menyediakan saluran yang sesuai bagi memastikan pengaliran air yang mencukupi di tapak penanaman. Di tebing alur pula tanaman sampingan seperti tebu dan kacang tanah diusahakan. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui puisi yang ke-346.

.....கலிமகிழ் உழவர்  
காஞ்சிஅம் குறுந்தறி குத்தித் தீஞ்சுவை  
மென்கழைக் கரும்பின் நன்பல மிடைந்து  
பெருஞ்செய் நெல்லின் பாசவல் பொத்தி  
வருந்திக் கொண்ட வல்வாய்க் கொடுஞ்சிறை  
மீதுஅழி கடுநீர் நோக்கிப் பைப்பயப்

(*Akananuru, 346:5-10*)

.....*kalimagil ulavar*  
*kaanjiam kuruntari kutti teensuvai*  
*menkalai karumpin nanpala midaintu*  
*perunsei nellin paasaval potti*  
*varunti konda valvaai kodunsirai*  
*meetuali kaduneer nokki paipayap*

- *sistem pengairan yang betul menjamin kesuburan tanah kesuburan tanah pula menentukan hasil pertanian alur, saluran yang baik dan bersistematik maka, disediakan oleh para petani*

Kesuburan tanaman dikawal dengan sistem pembajaan yang baik. Baja merupakan salah satu bahan asas bagi menjamin kesuburan tanaman. Pada masa klasik, para petani hanya menggunakan baja semulajadi. Baja semulajadi diperoleh melalui bahan buangan (tahi dan kencing) binatang seperti lembu, kambing dan ayam. Dedaun yang rapuh juga digunakan sebagai baja. Binatang ternakan ditambat pada waktu malam di kawasan pertanian.

Pada keesokan harinya, petani memperoleh bahan buangan daripada binatang yang ditambat. Amalan ini dipanggil sebagai *kidai kaddutal* dan ianya digambarkan dalam antologi *Patidruppattu* seperti berikut :

தொறுத்தவயல் ஆரல்பிறழ்நவும்

(*Patidruppattu,13:1*)

*torutta vayal aaral piralnavum .....*

- *petani menggunakan sistem pembajaan semula jadi*

Menurut puisi ini, petani mahir melakukan kegiatan pertanian tanpa menjejaskan ekosistem alam semulajadi. Mereka mengamalkan sistem pembajaan yang tidak menjejaskan alam semulajadi. Pada zaman kini, sistem tradisional diketepikan sebaliknya sistem moden diamalkan secara meluas. Penggunaan jentera moden dan pembajaan kimia menjejaskan kualiti tanah dan hasil pertanian. Keadaan ini turut menjejaskan ekosistem alam semulajadi.

Pujangga *Madurai Tamil Koottanaar Kaduvan Mallanaar* dari tanah *marutham* membentangkan maklumat berkenaan kesuburan negeri *Kalloor*. Negeri ini terkenal dengan penanaman padi dan tebu.

தொல்புகழ் நிறைந்த பல்பூங் கழனிக்  
கரும்பமல் படப்பைப் பெரும்பெயர்க் கள்ளூர்

(*Akananuru,256:14-15*)

*tolpugal nirainta palpoong kalani  
karumpamal padapai perumpeyar Kalloor*

- *Kalloor, negeri tertua  
kaya dengan padi dan tebu*

Pujangga menyatakan bahawa *Kalloor* (salah sebuah negeri di India Selatan) merupakan sebuah negeri yang tertua dan ia kaya dengan hasil tanaman padi dan tebu. Ini bermakna pertanian merupakan aktiviti utama di negeri ini.

Kesemua kenyataan ini membuktikan penanaman padi yang diamalkan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Mereka mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas dalam bidang penanaman padi. Padi memainkan peranan penting dalam sistem pemakanan masyarakat Tamil. Di samping itu, padi juga mempunyai nilai kebudayaan yang tinggi dalam kehidupan masyarakat Tamil. Ini dapat dibuktikan melalui penggunaan padi dalam upacara seperti perayaan *ponggal*, perkahwinan dan juga pengebumian.

#### 4.3.2.2 *Karumbu Nadutal* (Penanaman Tebu)

Tebu ialah sejenis tanaman daripada keluarga rumput (*perennial grasses*) dan mempunyai batang yang tebal dengan kandungan sukrose. Penanaman tebu merupakan salah satu pekerjaan utama bagi masyarakat Tamil zaman *cangam*. Tebu menjadi bahan utama dalam pembuatan gula dan manisan. Tebu dikenali sebagai *karumbu* dalam kalangan masyarakat Tamil. Tumbuhan ini ditanam secara meluas oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Tebu digunakan untuk pelbagai tujuan seperti berikut:

- minuman – air tebu (*karuppancharu, teencharu*)
- manisan – gula (*vellam, sakkarai*)
- lambang kebudayaan – perayaan *ponggal*

Tebu juga digunakan untuk membuat pelbagai jenis bahan makanan. Kebanyakan kuih-muih dibuat dengan menggunakan manisan (*vellam*) yang diperolehi daripada tebu. Pada hakikatnya, tebu mempunyai permintaan tinggi dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Oleh itu, mereka giat melibatkan diri dalam penanaman tebu. Maklumat ini jelas kelihatan dalam antologi *Aingkurunuru*:

கரும்பின் எந்திரம் களிற்றுஎதிர் பிளிற்றும்  
தேர்வண் கோமான் தேனூரன்ன இவள்  
நல்லணி நயந்து நீ துறத்தலின்  
பல்லோர் அறியப் பசந்தன்று, நுதலே!

(*Aingkurunuru, Marutham:55*)



*karumbin yentiram kalidrruyetir pilidrrum  
thervan khomaan thenooranna ival  
nallani nayantu nee turattalin  
pallhor ariya pasantandru, nutaleh!*

- *tebu dimasuk ke dalam alat pemerah  
bunyi memerah bagaikan laga gajah*

Menurut rangkap ini, tebu dimasukkan ke dalam alat pemerah lalu diperah untuk mendapatkan jus. Aktiviti ini dilakukan di pusat pemerah tebu yang dikenali sebagai *aalai*. Bunyi dari pusat pemerah tebu diandaikan seperti bunyi yang dihasilkan semasa dua ekor gajah besar bertarung sesamanya. Rangkap ini juga memaklumkan tentang kemajuan masyarakat Tamil klasik dalam bidang pertanian. Mereka mengenal pasti kandungan tebu dan mereka bentuk suatu alat yang sesuai untuk memerah jus. Di samping itu, mereka juga mewujudkan pusat pemerahan air tebu. Teks *Perumpaanaadrupadai* membuktikan penanaman dan penggunaan tebu oleh masyarakat Tamil klasik seperti berikut:

கெந்திரஞ் சிலைக்குந் துஞ்சாக் கம்பலை  
விசய மடூஉம் புகைகு ழாலைதொறுங்  
கரும்பின் றீஞ்சாறு விரும்பினிர் மிசைமின்

*(Perumpaanaadrupadai, 260-262)*

*yentiran silaikkun tunjaak kambalai  
visaya madoom pugaisoo laalaitorum  
karumbin reensaaru virumbinir misaimin*

- *tebu diperah menggunakan alat pemerah, lalu  
dijadikan sebagai jus tebu*

Tebu diperah dengan menggunakan sejenis alat pemerah untuk mendapatkan jus. Jus tebu dibekukan dan digunakan sebagai manisan. Manisan ini dikenali sebagai *vellam* dan jus pula dikenali dengan nama *teencaru*. Kenyataan ini membuktikan kemahiran masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam menggunakan tebu dan air tebu. Maklumat ini juga mengenangkan perlakuan zaman kini iaitu kilang yang memproses tebu dan menghasilkan pelbagai manisan daripada jus tebu.

Pujangga *Paranar* pula menceritakan suatu peristiwa yang berlaku di tanah *Marutham*.

கட்கொண்டு மறுகும் சாகாடு அளற்றுஉறின்  
ஆய்கடும்பு அடுக்கும் பாய்புனல் ஊர!

(*Akananuru*, 116:3-4)

*kadkondu marugum saakaadu alardruurin  
aaikadumbu adukku paaipunal oora!*

- *kereta beroda yang membawa tuak  
tersangkut ke dalam lumpur, lalu  
tebu dipotong dan diletak di bawah roda*

Masyarakat tanah *Marutham* terlibat dalam kerja menuai padi. Pada masa itu sebuah kereta beroda yang membawa minuman tuak tersangkut ke dalam lumpur. Para petani memotong tebu lalu meletakkan di bawah roda supaya ia dapat bergerak terus. Peristiwa ini membuktikan kewujudan penanaman tebu di tanah *marutham*. Serta penanaman tebu diusahakan secara meluas sehingga mereka dapat menjadikan tebu sebagai alas untuk mengerakkan roda kereta.

Tebu merupakan salah satu tanaman penting bagi masyarakat Tamil zaman *cangam*. Tebu digunakan sebagai barang makanan seperti jus dan gula. Ia juga melambang kebudayaan masyarakat Tamil zaman *cangam* melalui penggunaannya dalam perayaan *ponggal*. Penggunaan tebu masih berleluasa dalam kalangan masyarakat Tamil.

#### 4.3.3 *Baratar* (Nelayan)

Masyarakat Tamil zaman *cangam* turut terlibat dalam bidang perikanan. Penangkapan dan penjualan ikan merupakan pekerjaan utama bagi masyarakat yang tinggal di kawasan *Neytal*. Para nelayan tanah *Neytal* dikenali sebagai *baratar* ataupun *meenavar*. Antologi *Akananuru* mengutarakan pelbagai maklumat tentang kegiatan perikanan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Aktiviti penangkapan ikan diusahakan oleh golongan lelaki dan penjualan ikan dilakukan oleh golongan perempuan. Hakikat ini dipaparkan dalam puisi yang ke-320.

ஓங்குதிரைப் பரப்பி வாங்குவிசைக் கொள்இத்  
திமிலோன் தந்த கடுங்கண் வயமீன்  
தழைஅணி அல்குல் செல்வத் தங்கையர்  
விழவுஅயர் மறுகின் விலைஎனப் பகரும்  
கானல்அம் சிறுகுடிப் பெருநீர்ச் சேர்ப்ப!

(Akananuru,320:1-5)

*ohngkutirai parappi vaanguvisai kolee  
timilhon tanta kadungkan vayameen  
talaiani algul sella tangaiyar  
vilavuayar marugin vilaiyena pagarum  
kaanalam sirukudi peruneer sherpeh!*

- *kaum lelaki ke laut dalam yang bergelora  
untuk menangkap ikan, hasil penangkapan  
diberikan kepada golongan perempuan  
mereka menjual hasil tangkapan  
di persisiran laut*

Menurut rangkap ini, para nelayan golongan lelaki pergi ke laut dalam yang bergelora untuk menangkap ikan manakala golongan perempuan menjual hasil tangkapan laut di persisiran pantai. Penglibatan golongan *baratar* dalam bidang perikanan turut dipaparkan dalam puisi yang ke-340.

நல்லெழில் இளநலம் தோலைய ஒல்லெனக்  
கழியே ஓதம் மல்கின்ற வழியே  
வள்ளெயிற்று அரவொடு வயமீன் கொட்கும்  
சென்றோர் மன்ற மான்றன்று பொழுது

(Akananuru,340:8-11)

*nallelil ilanalam tolaiya ollena  
kaliye otam malkindra valiye  
valleyidru aravodu vayameen kodkum  
sendror mandra maanrandru polutu*

- *sampan yang kukuh dan kuat  
digunakan untuk menangkap ikan*

Kaum *baratar* menggunakan sejenis sampan besar, sampan yang tahan lasak itu digunakan untuk aktiviti penangkapan ikan.

Pujangga *Ammoovanaar* pula memaparkan keadaan sampan dan jala yang digunakan oleh golongan *baratar*.

குளுஉத்திரைப் புணரி உடைதரும் எக்கர்ப்  
புறந்திமில் கொன்ற புதுவலைப் பரதவர்

(Akananuru,10:9-10)

*kuroouttirai punari udaitarum yekkar  
palantimil kondra putuvalai baratavar*

- *ombak yang bergelora, hentaman kuat  
sampannya rosak dan usang  
kaum baratar dengan jala baru*

Sampan para nelayan sentiasa mengalami kerosakan disebabkan oleh hentaman ombak besar dan kuat. Mereka juga terpaksa menggantikan jala kerana mudah rosak disebabkan keadaan laut.

Pujangga *Mudangi Kidanta Neduncheralaatan* menceritakan tatacara menangkap ikan dalam kalangan *baratar* di tanah *Neytal*. Mereka menggunakan jala mata kecil untuk menangkap ikan di laut.

நெடுங்கயிறு வலந்த குறுங்கண் அவ்வலை  
கடல்பாடு அழிய, இனமீன் முகந்து

(*Akananuru,30:1-2*)

*nedungkayiru valanta kurungan avvalai  
kadalpaadu aliya, inameen mugantu*

*jala yang panjang bermata kecil  
menjamin hasil tangkapan yang banyak*

Jala mata kecil menjamin hasil tangkapan yang lumayan kerana ikan besar dan kecil tidak dapat melepaskan diri. Hal ini membuktikan kemahiran dan pengalaman kaum *baratar* dalam bidang penangkapan ikan. Malahan, mereka juga mempunyai kemahiran tinggi dalam pembuatan alat-alat penangkapan ikan.

Masyarakat tanah *Marutham* memancing ikan haruan di kawasan sawah padi. Aktiviti ini digambarkan oleh pujangga *Madurai Nakkeeranaar* dalam puisi yang ke-36.

பகுவாய் வராஅல் பல்வரி இரும்போத்துக்  
கொடுவாய் இரும்பின் கோள்இரை துற்றி

(*Akananuru,36:1-2*)

*paguvaai varaal palvari irumphottu  
koduvaai irumbin khol irai tudri*

- *umpan mata kail ditelan oleh ikan haruan, yang bermulut besar dan berkulit belang mengalami kesakitan yang tidak terhingga*

Seekor ikan haruan bermulut besar termakan umpan yang digantungkan pada mata kail. Ikan haruan itu tersangkut pada mata kail dan mengalami kesakitan yang tidak terhingga. Pujangga memaklumkan perlakuan memakan umpan oleh seekor ikan haruan berbelang yang mempunyai mulut besar. Gambaran ini membuktikan dua perkara yang penting, iaitu pewujudannya ikan haruan pada zaman klasik dan kemahiran menangkap ikan haruan.

Seorang anak perempuan menyediakan masakan nasi sebelum ayahnya membawa pulang hasil tangkapan. Peristiwa yang penuh dengan unsur-unsur kasih sayang digambarkan oleh pujangga *Kudavaayir Keerattanaar* dalam puisi yang ke-60.

பெருங்கடற் பரப்பில் சேயிறா நடுங்கக்  
கொடுத்தொழின் முகந்த செங்கோல் அவ்வலை  
நெடுந்திமில் தொழிலொடு வைகிய தந்தைக்கு

*perungkadar parappil seyiraa nadunga  
koduntolin muganta sengkol avvalai  
neduntimil tolilodu vaigiya tantaikku*

(*Akananuru*,60:1-3)

Sajak ini membuktikan aktiviti penangkapan ikan bukan sahaja untuk tujuan perniagaan malahan hasil tangkapan digunakan untuk masakan rumah. Masyarakat Tamil zaman *cangam* turut memperoleh sumber makanan dari kawasan perairan seperti laut dan sungai.

மால்கழை பிசைந்த கால்வாய் கூர்ளி  
மீன்கொள் பரதவர் கொடுத்திமில் நளிகடர்  
வான்தோய் புணரி மிசைக்கண் டாங்கு

- *geseran antara pokok buluh menghasilkan percikan api para nelayan yang berada di dalam sampan memerhatikan kebakaran hutan buluh*

(*Akananuru*,65:10-12)

Pujangga *Mamoolanaar* mengisahkan pengalaman para nelayan semasa menangkap ikan di sungai menggunakan sampan. Apabila buluh-buluh panjang di lereng bukit bergeser terhasil percikan api dan ia mengakibatkan kebakaran. Kebakaran ini turut disaksikan oleh para nelayan yang sedang menangkap ikan.

Aktiviti penangkapan ikan kerab kali dibincangkan dalam antologi *Akananuru*. Kaum *baratar* menggunakan sejenis sampan melengkung dan jala bermata kecil untuk menangkap ikan. Hasil tangkapannya dibahagi-bahagi kepada penduduk kampung. Peristiwa ini dipaparkan oleh pujangga *Madurai Tamil Koottanaar Kaduvan Mallanaar*.

கொடுத்திமிற் பரதவர் வேட்டம் வாய்த்தென  
இரும்புலாக் கமழும் சிறுகுடிப் பாக்கத்துக்  
குறுங்கண் அவ்வலைப் பயம்பா ராட்டி  
கொழுங்கண் அயிலை பகுக்கும் துறைவன்

(*Akananuru*,70:1-4)

*koduntimir Baratavar veddam vaaittena  
irumpulaa kamalum sirukudi paakkattu  
kurungkan avvalai payampaa raaddi  
kolungkan ayilai pagukkum turaivan*

- *kaum Baratavar menangkap ikan di laut  
mereka menggunakan sejenis sampan melengkung  
dan jala bermata kecil untuk menangkap ikan*

Puisi ini memaparkan maklumat tentang kegiatan penduduk kampung nelayan (*sirukudi paakkattu*) menangkap ikan. Mereka menangkap ikan di laut dengan menggunakan sejenis sampan melengkung dan jala bermata kecil.

Aktiviti penangkapan ikan bukan sahaja dilakukan pada waktu siang malahan turut dilakukan pada waktu malam. Sampan yang digunakan bagi penangkapan ikan sebelah malam dilengkapi dengan kelengkapan seperti obor dan parang. Suasana ini digambarkan oleh pujangga *Ulochanaar* seperti berikut:

கொண்டல் இரவின் இருங்கடன் மடுத்த  
கொழுமீன் கொள்பவர் இருள்நிங்கு ஒண்கடர்

(*Akananuru*,100:6-7)

*kondal iravin irungkadan madutta  
kolumeen kolpavar irulneenggu onsudar*

- *menangkap ikan pada waktu malam  
obor dipasang di sudut tepi sampan*

Puisi ini membuktikan kewujudan penggunaan obor oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pada waktu malam obor dipasang di sudut tepi sampan. Perbuatan ini melambangkan kemahiran masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam bidang perikanan. Mereka mahir dalam pembuatan alat-alat penangkapan ikan seperti sampan biasa dan sampan melengkung serta jala bermata kecil.

Pujangga *Ammoovanaar* membuktikan kemahiran kaum *baratar* dalam bidang perikanan.

பெருங்கடல் வேட்டத்துச் சிறுகுழிப் பரதவர்

(*Akananuru, 140:1*)

*perungkadal vheddattu sirukudi Batavar*

- *kapal besar penangkapan ikan di laut  
dibuat oleh kaum nelayan yang berumah kecil*

Kaum *baratar* yang memiliki rumah kecil bergiat dalam pembuatan kapal penangkapan ikan di laut dalam. Secara simbolik kenyataan ini menggambarkan corak kehidupan harian masyarakat nelayan. Walaupun mereka terlibat dalam usaha pembuatan kapal besar dan penangkapan ikan di laut dalam tetapi status kehidupannya adalah tidak terjamin. Mereka hanya dapat menjalankan kehidupan yang serba miskin dengan memiliki rumah kecil yang berupa seperti pondok atap. Keadaan ini melambangkan keadaan zaman sekarang yang mana golongan pekerja biasa masih menghadapi kesukaran dalam kehidupan. Mereka berkerja keras untuk mendapatkan pulangan yang sedikit.

Secara umumnya, bidang perikanan merupakan salah satu pekerjaan yang penting bagi masyarakat Tamil zaman *cangam*. Mereka turut memperoleh sumber makanan melalui bidang perikanan. Di samping itu mereka juga mempunyai kemahiran tinggi dan pengalaman luas dalam bidang perikanan. Penggunaan sampan melengkung, kapal, jala bermata kecil dan obor oleh kaum *baratar* membuktikan hakikat ini.

#### 4.3.4 *Aayar* (Pengembala)

Mengembala ternakan lembu dan kambing merupakan salah satu aktiviti harian bagi masyarakat Tamil zaman *cangam*. Aktiviti mengembala merangkumi membawa ternakan ke padang rumput dan memastikan ia memakan rumput. Di samping itu, menjaga keselamatan ternakan merupakan tanggungjawab utama para pengembala. Golongan pengembala dikenali sebagai *aayar* ataupun *kovalar*.

Golongan yang mempunyai ternakan banyak mengupah orang lain untuk mengembala ternakan. Aktiviti pengembala dipaparkan dalam antologi *Akananuru*.

வாடுபுலம் புக்கெனக் கோடுதுவைத்து அகற்றி  
ஒல்குநிலைக் கடுக்கை அல்குநிழல் அசைஇப்  
பல்லான் கோவலர் கல்லாது ஊதும்  
சிறுவெதிர்ந் தீங்குழற் புலம்புகொள் தெள்விளி

(*Akananuru*, 399:9-12)

*vaadupulam pukkena kodutuvaittu agadri  
olkunilai kadukkai algunilal asai  
pallaan kovalar kallaatu ootum  
siruvetirn teengkular pulambukol telvili*

- *pengembala berjalan jauh membawa ternakan mencari tempat yang mempunyai rumput dan air sambil berjalan mereka memainkan muzik seruling ia mencergaskan badan dan minda pengembala*

Para pengembala berjalan jauh membawa ternakan ke tempat perairan bagi minum air sambil memainkan sejenis alat muzik seperti seruling (*kulal*). Perlakuan ini membuatkan para pengembala merasa cergas serta melupakan kepenatan dan menenangkan minda.

*Kovalar* (pengembala) yang mengembala lembu di tanah *Mullai* sambil memetik bunga di sekitar kawasan pergunungan. Lembu-lembu pula memakan sejenis rumput yang dikenali sebagai *arugampul*. Peristiwa ini digambarkan oleh pujangga *Okkoor Maasaattanaar* seperti berikut:



முல்லை வியன்புலம் பரப்பிக் கோவலர்

(Akananuru,14:7)

*Mullai viyanpulam parappi Kovalar*

- *pengembala tanah Mullai memetik bunga*

Menurut puisi yang ke-94, para pengembala membawa sejenis tikar untuk dijadikan sebagai alas duduk dan berehat di lantai. Kenyataan ini dimaklumkan dalam sajak yang ke-94.

மறித்துருஉத் தொகுத்த பறிப்புற இடையன்

(Akananuru,94:4)

*maritturoo toguttu parippuru idaiyan*

- *para pengembala tanah Mullai membawa sejenis tikar dijadikan sebagai alas duduk*

Pujangga *Nakkeerar* memaparkan satu peristiwa yang menarik tentang tugas dan tanggungjawab pengembala. Lembu-lembu ternakan mengenali suara pengembala dan ia mengikuti arahan mereka.

கணம்சால் கோவலர் நெடு விளிப் பயிர்அறிந்து  
இனம்தலைக் தருஉம் துளங்குஇமில் நல்ஏற்று

(Akananuru,253:12-13)

*kanamsaal Kovalar nedu vili payir arintu  
inamtalai taroom tulanggu imil nalhedru*

- *mendengar suara panggilan pengembala lembu-lembu berkumpul di suatu tempat*

Lembu-lembu ini berkumpul di satu tempat tertentu bila mendengar suara panggilan pengembala. Puisi ini membuktikan perhubungan mesra antara pengembala dengan lembu. Mereka saling mengenali dan memahami antara satu sama lain.

Ternakan merupakan salah satu pekerjaan yang penting dalam kehidupan masyarakat Tamil. Lembu betina ditenak untuk mendapatkan susu manakala, lembu jantan digunakan berkerja di sawah padi. Lembu juga digunakan untuk menarik kereta beroda yang dikenali sebagai kereta lembu. Kambing pula ditenak untuk susu dan daging. Di samping, makanan seperti minyak sapi dan *tayiru* turut diperolehi daripada ternakan lembu dan kambing.

#### 4.3.5 *Vhedar* (Pemburu)

Memburu binatang untuk tujuan makanan dan perniagaan giat dilakukan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pemburu dikenali dengan nama *vhedar*. Mereka memburu gajah, harimau, babi hutan, rusa, arnab, ayam hutan dan burung.

**Rajah 4.11: Haiwan Pemburuan dan Tujuan**

Bil.	Haiwan Pemburuan	Tujuan
1	Gajah ( <i>Yaanaï</i> )	Gading gajah digunakan untuk tujuan perniagaan dan pembuatan barangan perhiasan. Gajah juga dieksport ke luar negara.
2	Harimau ( <i>Puli</i> )	Gigi taring harimau digunakan untuk pembuatan barangan perhiasan diri seperti rantai leher dan <i>thali</i> . Harimau juga dieksport ke luar negara.
3	Babi hutan ( <i>Pandri</i> )	Diburu untuk makanan.
4	Rusa ( <i>Maan</i> )	Diburu untuk makanan dan peliharaan.
5	Arnab ( <i>Muyal</i> )	Diburu untuk makanan dan haiwan peliharaan.
6	Ayam hutan ( <i>Kholi</i> )	Diburu untuk makanan dan haiwan peliharaan.
7	Burung ( <i>Paravai</i> )	Diburu untuk makanan dan peliharaan seperti burung nuri dan burung merak.

Salah satu teks kesusasteraan klasik iaitu antologi *Paddinapaalai* menggambarkan kegiatan perniagaan yang laris di salah sebuah negeri di India Selatan (*Poombukaar*).

நீரின் வந்த நிமிர்பரிப் புரவியுங்  
காலின் வந்த கருங்கறி மூடையும்  
வடமலைப் பிறந்த மணியும் பொன்னும்  
குடமலைப் பிறந்த வாரமு மகிலுந்  
தென்கடன் முத்துங் குணகுடற் றுகிருந்

கங்கை வாரியங் காவிருப் பயனு  
மீழ்த் துணவுங் காழகத் தாக்கமு  
மரியவும் பெரியவு நெளிய வீண்டி

(*Paddinapaalai:185-192*)

*neerin vanta nimirpari puravi  
kaalin vanta karungari moodaiyum  
vadamalai piranta maniyum ponnum  
kudamalai piranta vaaramu magilun  
tenkadan muttung kunakadar drukirung  
gangai varyung kaaviri payanu  
meelat tunavung kaalaga taakkamu  
mariyavum periyavum neriya veendi*

- *kapal laut membawa kuda  
gajah dibawa dari kawasan Gangai  
barang-barang manik pula didatangkan  
dari kawasan India utara  
batu-batu permata dan mutiara di bawah  
dari kawasan Gunakudar  
barang-barang rempah di bawa dari Kahlagam*

Menurut puisi ini kegiatan perniagaan di negeri *Poombukaar* adalah merangkumi pelbagai barangan termasuk haiwan. Kuda dibawa ke *Poombukaar* dengan menggunakan kapal laut dan gajah pula dibawa dari kawasan *Gangai* (kawasan India Utara). Barang-barang manik dan perhiasan diri didatangkan dari kawasan India Utara. Di samping itu, batu-batu permata dan mutiara di bawa masuk ke *Poombukaar*. Barang-barang rempah seperti ratus pula Peristiwa ini membuktikan kewujudan perniagaan binatang seperti kuda, gajah dan harimau dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Pujangga *Kaavan Mullai Pootanaar* menyatakan aktiviti pemburuan kaum *vhedar* seperti berikut :

ஊறாது இட்ட உவலைக் கூவல்  
வெண்கோடு நயந்த அன்பில் கானவர்

(*Akananuru,21:23-24*)

*ooraatu idda uvalai kooval  
venkhodu nayanta anbil kaanavar*

- *gajah dibunuh untuk gading, oleh  
vhedar yang tidak berperikemanusiaan*

Golongan *vhedar* memburu seekor gajah untuk mendapatkan gading. Perbuatan mereka dinyatakan sebagai suatu perbuatan yang kejam dan golongan *vhedar* ini tidak mempunyai perasaan perikemanusiaan. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa pemburuan binatang dilakukan sejak zaman klasik bagi tujuan perniagaan dan pembuatan barang perhiasan. Perbuatan ini dilarang sama sekali oleh masyarakat klasik sepertimana masyarakat zaman kini.

#### **4.3.6 *Phor Maravar* dan *Kaavalalar* (Askar Pertahanan dan Pengawal)**

Pertahanan negara merupakan akar umbi bagi keselamatan dan kesejahteraan sesebuah negara. Bidang pertahanan yang kukuh dan stabil menjamin keselamatan dan ketenteraman masyarakat dan negara. Pertahanan yang kukuh menjamin suasana aman dan damai sesebuah negara. Pada zaman *cangam* raja-raja dan para pentadbir memberikan perhatian yang penting terhadap kontinjen pertahanan negara. Mereka menubuhkan angkatan tentera yang terdiri daripada askar-askar pertahanan. Askar-askar pertahanan dikenali sebagai *Phor Maravar* ataupun *Phor Veerar*. Mereka bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Golongan pengawal dikenali sebagai *Kaavalalar* ataupun *Oor Kaavalalar* dan mereka bertanggungjawab menjaga keselamatan kawasan penempatan masyarakat seperti kampung, daerah dan negeri. Mereka dipilih dan diberikan latihan pertahanan. Golongan askar dan pengawal yang bertauliah dibayar gaji serta dianugerahkan pangkat seperti Jeneral (*Talapati*) dan Ketua Kontinjen (*Padai talaivar, Senaatipati*).

Perkhidmatan *Phor Maravar* dianggap sebagai suatu pekerjaan yang mulia dan dihormati. Mereka mencurahkan bakti dan jasa demi menjaga keselamatan ibu pertiwi. Raja-raja Tamil berperang demi untuk menjaga keselamatan negara, memperluaskan kuasa dan menguasai negara lain.

Memandangkan kepentingan dan keperluan berperang, maka raja-raja Tamil mewujudkan sistem pertahanan yang teratur dan bersistematik. *Thiruvalluvar* menyarankan kepentingan dan keperluan kontinjen pertahanan kepada seorang raja:

படைகுடி கூழ்அமைச்சு நட்புஅரண் ஆறும்  
உடையான் அரசருள் ஏறு

(*Thirukkural, Iraimaadci: 1*)

*padaikudi koolamaicu nadparan aarum  
udaiyaan arasarul yheru*

- *raja yang mempunyai angkatan tentera, rakyat yang setia, sumber makanan yang mencukupi, barisan pentadbir yang mahir, persahabatan yang jujur dan benteng pertahanan yang kukuh merupakan faktor-faktor yang diperlukan untuk kejayaan sesuatu negara*

Kontinjen pertahanan yang kukuh (*padai*), rakyat yang setia (*kudi*), sumber makanan yang mencukupi (*kool*), barisan pentadbir yang mahir (*amaicu*), persahabatan yang jujur dan kukuh (*nadpu*) serta benteng pertahanan semulajadi (*aran*) merupakan enam faktor utama yang menentukan kejayaan sesebuah negara. Raja yang memiliki keenam-enam faktor ini dianggap sebagai raja yang berwibawa (*arasarul yeru*). Dalam menjamin keselamatan dan keamanan sesebuah negara, kontinjen pertahanan dianggap faktor yang paling penting.

Bidang pertahanan merupakan salah satu jabatan kerajaan yang amat penting dan bertanggungjawab menguruskan sistem pertahanan, keselamatan dan ketenteraman sesebuah negara. Negara yang memiliki benteng pertahanan kuat dianggap sebagai syurga bagi kehidupan manusia. Pekerjaan yang berkaitan dengan pertahanan negara dianggap sebagai suatu perkhidmatan yang amat mulia. Kewibawaan sesuatu kerajaan bergantung kepada bidang ketenteraan negara berkenaan. Memandangkan kepentingan dan keperluannya, maka raja-raja Tamil memberikan keutamaan kepada bidang ketenteraan. Dalam konteks pertahanan negara, terdapat lima jenis tentera yang utama. Kelima-lima jenis

tentera ini berganding bahu untuk menjaga keselamatan negara. Antologi *Purananuru* menyorankan perincian kelima-lima jenis kontinjen tentera.

Puisi berikut, memaklumkan beberapa perkara penting tentang unit tentera yang terdapat pada zaman klasik:

எனைப்பல் யானையும் அம்பொடு துளங்கி  
விளைக்கும் வினையின்றிப் படைஒழிந் தனவே  
விறற்புகழ் மாண்ட புரவி எல்லாம்  
மறத்தகை மைந்தரொடு ஆண்டுபட்ட டனவே  
தேர்தர வந்த சான்றோர் எல்லாம்

(*Purananuru*,63:1-5)

*yenaippal yaanaiyum ampodu tulanggi  
vilaikkum vinaiyindri padaiyolin tanave  
virarpugal maanda puravi yellaam  
marattagai maintarodu aanduppada danave  
tertara vanta saandror yellaam*

- *tumpasnya kedua-dua pasukan tentera  
pasukan gajah, pasukan memanah,  
pasukan kuda, pasukan kereta beroda  
tentera darat, serta menghadapi  
pelbagai kerosakan*

Pujangga *Paranar* menggambarkan suasana perang antara Raja *Cholan Verpakdradakkai Peruvir Killi* dan Raja *Cheramaan Kudakko Neduncheralaatan*. Mereka bertembung sesamanya serta menghadapi kekalahan. Kedua-dua kerajaan ini tewas dan menghadapi pelbagai kerosakan dan kehilangan seperti kontinjen tentera unit gajah (*pal yaanaiyum*), kontinjen tentera unit memanah (*ambodu tulanggi*), kontinjen tentera unit kuda (*virarpugal maanda puravi*), kontinjen tentera unit darat (*marattagai maintarodu*) dan kontinjen tentera unit kereta beroda (*tertara vanta*). Puisi ini membuktikan unit-unit tentera yang dimiliki oleh raja-raja Tamil zaman klasik.

Perincian tentang kontinjen yang dimiliki oleh raja-raja Tamil dapat dirumuskan seperti di bawah ini:

**Rajah 4.12: Jenis-jenis Ketenteraan**

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Tentera</b>	<b>Istilah Bahasa Tamil</b>
1	Tentera Unit Gajah	<i>Yaanaipadai</i>
2	Tentera Unit Kuda	<i>Kutiraipadai</i>
3	Tentera Unit Memanah	<i>Virpadai</i>
4	Tentera Unit Darat	<i>Kaalaarpadai</i>
5	Tentera Unit Kereta Beroda	<i>Therpadai</i>

Puisi *Purananuru,63:1-5*, melambangkan pencapaian raja-raja Tamil dalam bidang pertahanan. Seseorang raja perlu memiliki pasukan tentera yang kukuh dan utuh. Pasukan tentera merupakan keperluan asas bagi seorang pemerintah dalam usaha menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dan negara. Kawalan dan pengawasan dari sudut darat, laut dan udara perlu ada bagi menjamin keselamatan negara.

Kawalan keselamatan yang teratur melibatkan lima jenis unit tentera. Maklumat tentang kontinjen tentera Raja *Cheran* dipaparkan secara terperinci oleh pujangga *Kanakkaayanaar*

*Maganaar Nakkeeranaar* :

வயம்திகழ்பு இழிதரும் வாய்புகு கடாஅத்து  
மீளி மொய்ம்பொடு நிலன்எறியாக் குறுகி  
ஆள்கோள் பிழையா அஞ்சுவரு தடக்கைக்  
கடும்பகட்டு யானை நெடுந்தேர்க் கோதை

(*Akananuru,93:17-20*)

*vayamtigalpu ilitarum vaaipugu kadaattu  
meeli moimpodu nilanyeriyaa kuruki  
aalkol pilaiyaa ancuvuru tadakkai  
kadumpagaddu yaanai nedunter kotai*

- *Raja Cheran memiliki angkatan tentera gajah yang kukuh, serta angkatan tentera beroda yang amat mahir*

Raja *Cheran* memiliki kontinjen Tentera Gajah yang kukuh dan Tentera kereta beroda yang mahir. Kedua-dua kontinjen ini amat gagah dan berani, puisi yang ke-93 membuktikan kenyataan ini.

Karya-karya kesusasteraan Tamil zaman *cangam* seperti *Akananuru*, *Purananuru* dan *Silapatikaaram* membicarakan pelbagai maklumat tentang sistem pertahanan yang dimiliki oleh raja-raja Tamil. Malahan, sebilangan besar puisi *Akananuru* membincangkan aktiviti perang yang dilakukan oleh raja-raja Tamil.

Hakikat ini, membuktikan kepentingan dan keperluan bidang ketenteraan dalam menjamin keselamatan dan keamanan sesebuah negara. Dalam kehidupan masyarakat Tamil perkhidmatan *Phor Maravar* (perajurit, askar) amat disanjung dan dihormati. Pujangga *Okkoor Maasaattiyar* menyatakan bahawa perjuangan demi keselamatan tanah air merupakan pekerjaan yang amat mulia.

இருந்த வேந்தன் அருந்தொழில் முடித்தென

(*Akananuru*,384:1)

*irunta vhentan aruntolil mudittena*

- *raja saling menyertai perang yang mulia*

Wira pergi ke medan pertempuran bersama kontinjen dan raja pula mengetuai kontinjen perang tersebut. Hal ini membuktikan kewibawaan seorang raja yang turut terlibat dalam peperangan. Raja dan anggota tenteranya sanggup berkorban demi keselamatan tanah air. Baris ini menyatakan bahawa berperang merupakan suatu pekerjaan yang mulia (*aruntolil*).

Antologi *Akananuru* turut memaparkan pelbagai gambaran tentang perkhidmatan kawalan negara dan kawasan perkampungan. Sistem kawalan disediakan untuk memenuhi beberapa tujuan:

- menjaga keselamatan negara dan masyarakat
- menjaga kampung pada waktu malam
- menjaga sempadan negara dan kampung
- menjaga tanaman pada waktu malam
- menjaga rumah supaya pasangan kekasih tidak keluar dari rumah



Pujangga *Kabilar* menggambarkan jasa seorang bapa yang tinggal di kawasan tanah

*Kurinchi:*

அருங்கடிக் காவலர் சோப்புதன் ஒற்றிக்  
கங்குல் வருதலும் உரியை; டைம்புதல்

(*Akananuru,2:14-15*)

*arungkadi kaavalor shorpatan odri  
kangul varutalum uriyai; paimputal*

- *wirawati di tempatkan dalam rumah lalu  
diadakan kawalan ketat*

Perhubungan pasangan kekasih diketahui oleh ahli keluarga dan mereka tidak suka dengan perhubungan ini. Oleh yang demikian, ahli keluarga berusaha untuk menghalang perjumpaan pasangan kekasih ini. Wirawati ditempatkan dalam rumah dan diawasi oleh para pengawal. Kawasan rumah wirawati sentiasa diawasi oleh para pengawal yang berwibawa. Bapa wirawati turut terlibat dalam perlakuan ini. Kawalan ini bukan sahaja untuk menjaga wirawati malahan juga untuk menjaga keselamatan kampung. *Kabilar* menyatakan bahawa perkerjaan kawalan merupakan suatu pekerjaan yang disanjung.

Dalam suasana yang berlainan pula, seorang wirawati teringin sangat mengikuti kekasih. Ahli keluarga dan masyarakat setempat sedar tentang keinginan wirawati. Mereka mengawasi rumah wirawati dan kampung supaya dia tidak dapat keluar berjumpa dengan kekasih. Para pengawal yang mahir terlibat dalam urusan pengawalan. Walau bagaimanapun, wirawati berjaya melepaskan diri daripada kawalan ketat dan mengikuti kekasihnya. Peristiwa menarik ini digambarkan dalam puisi yang berikut:

பாழி அன்ன கடயுடை வியன்நகர்ச்  
செறிந்த காப்பு இகந்து, அவனோடு போகி

(*Akananuru,15:11-12*)

*paali anna kadiyudai viyannagar  
serinta kaappu igantu, avanodu pogi*

- *perhubungan pasangan kekasih diketahui oleh  
ahli keluarga dan mereka tidak merestui perhubungan ini  
serta wirawati dikawal agar tidak keluar berjumpa dengan  
paangannya*

Puisi ini hasil nukilan pujangga *Maamoolanaar* yang tinggal di negara *Pali* yang merupakan sebuah negara yang cantik.

Perhubungan pasangan kekasih diketahui oleh keluarga dan perhubungan ini tidak direstui oleh mereka. Oleh yang demikian, mereka mengurungkan wirawati di dalam rumah agar dia tidak dapat keluar dari rumah dan berjumpa dengan kekasih. Rumah wirawati dikawal oleh para pengawal (*kavalar*) yang berdedikasi.

தாரன் கண்ணியன், எ.:குடை வலத்தன்  
காவலர் அறிதல் ஓம்பிப், பையென  
வீழாக் கதவம் அசையினன் புகுதந்து

(*Akananuru, 102:11-13*)

*taaran kanniyan, yegkudai valattan  
kaavalar arital ombi, paiyena  
veelaak katavam asaiyinan pugutantu*

- *walaupun perhubungan pasangan kekasih tidak direstui, dan kawalan ketat diadakan terhadap wirawati tetapi wira berjaya memasuki rumah kekasih*

Walau bagaimanapun, wira dapat melepasi kawalan dan berjaya memasuki rumah kekasihnya.

Keselamatan dan kemakmuran sebuah negara bergantung kepada beberapa unsur. Antaranya ialah sistem pengawalan dan pengawasan yang rapi. Pengawalan yang kukuh memainkan peranan penting dalam menjamin keselamatan negara dan masyarakat. Negeri *Urantai Puranggaadu* dimiliki oleh Raja *Chola Tittan*. Negeri ini mempunyai pengawal yang amat berdedikasi dan bertanggungjawab. Hal ini dinyatakan oleh pujangga *Paranar* :

மல்லல் ஆவணம் மறுகுடன் மடியின்  
வல்லுரைக் கடுஞ்சொல் அன்னை துஞ்சாள்  
பிணிகோள் அருஞ்சிறை அன்னை துஞ்சின்  
துஞ்சாக் கண்ணர் காவலர் கடுகுவர்

(*Akananuru, 122:3-6*)

*mallal aavanam marugudan madiyin  
vallurai kadunsol annai tuncaal  
pinikol aruncirai annai tuncin  
tuncaa kannaar kaavalar kadukuvar*

- *keselamatan dan kemakmuran negara bergantung kepada sistem pengawalan dan pengawasan yang disediakan oleh negara berkenaan*

Penduduk negeri *Urantai Puranggaadu* sibuk dengan tugas masing-masing. Para petugas dengan setia melaksanakan tanggungjawab dengan mengawasi kawasan sekitarnya. Puisi ini membentangkan maklumat tentang kesetiaan para pengawal terhadap keselamatan negeri. Di samping itu, maklumat tentang anjing kawalan juga dibincangkan dalam puisi ini :

அரவவாய் குமலி மகிழாது மடியின்  
*aravavaai yamali magilaatu madiyin* (Akananuru,122:9)

- *anjing mengawasi keadaan tanpa menyalak*

Anjing merupakan haiwan yang suka menyalak dan membuat bising. Tetapi, anjing-anjing kawalan di negara *Urantai Puranggaadu* pula memiliki sifat berlainan. Anjing-anjing ini tidak menyalak dan mengawasi keadaan tempat kawalan dengan senyap. Amalan memelihara anjing bagi tujuan pengawasan rumah masih lagi dikekalkan oleh masyarakat Tamil zaman kini. Anjing telah lama menjadi teman manusia sejak dahulu kala.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* memiliki sistem pengurusan yang teratur dalam bidang pengawalan. Tugas para pengawal ditentukan mengikut masa. Pada zaman kini waktu berkerja ditentukan selama lapan jam sehari. Para pekerja di kilang bekerja mengikut giliran, iaitu setiap lapan jam pekerja diganti dengan petugas yang lain. Sistem yang sama seperti ini wujud pada zaman *cangam*.

.....மாலை  
 அந்திக் காவலர் அம்பணை இமிழ்ச்சை  
 அரமிய வியலகத்து இயம்பும்  
 நிரைநிலை ஞாயில் நெடுமதில் ஊரே  
 (Akananuru,124:13-16)

.....maalai  
*anti kaavalar ambanai imilisai  
 aramiya viyalagattu iyambum  
 nirainilai yaayil nedumatil oorhe*

- *pengawal siang diganti dengan pengawal malam bunyi menandakan pertukaran petugas*

Menurut puisi ini, pengawal siang diganti dengan pengawal malam dan pertukaran giliran dimaklumkan melalui bunyian sejenis alat muzik (*murasu- imil isai*). Pada zaman kini, alat siren dibunyikan bagi menandakan pertukaran giliran.

Menjaga keselamatan kampung merangkumi keselamatan penanaman. Kawasan penanaman sentiasa diancaman oleh binatang buas seperti gajah, babi hutan dan musang. Rusa, lembu, kambing dan burung juga merupakan perosak utama bagi tanaman. Kawalan ketat diperlukan untuk menjaga keselamatan tanaman. Pada waktu malam tanaman dikawal dan diawasi melalui pelantar kawalan. Pada lazimnya, pelantar kawalan dibina di atas pokok. Para pengawal menyalakan obor dan ditempatkan di sudut tepi pelantar. Gambaran ini dihuraikan oleh pujangga *Eelattu Pootanthevanaar* dalam puisi yang ke-88.

கடுங்கைக் கானவன் கழுதுமிசைக் கொளீஇய  
நெடுஞ்சுடர் விளக்கம் நோக்கி வந்து, நம்

(*Akananuru*,88:5-6)

*kadungkai kaanavan kalutumisai koleeiya  
neduncudar vilakkam nokki vantu, nam*

- *menjaga tanaman pada waktu malam  
petugas mengawal tanaman dari atas pelantar*

Pelantar ini digelar sebagai *kalutu* ataupun *paran* oleh masyarakat Tamil. Tujuannya adalah untuk menjaga dan mengawasi tanaman daripada perosak. Di samping itu, keselamatan para pengawal juga terjamin. Binatang buas tidak dapat menyerang pengawal yang berada di atas pelantar. Pengawal yang berada di atas pelantar dapat melakukan tugas pengawasan secara terperinci tanpa perasaan takut.

Pengawasan tanaman menjamin hasil pulangan yang banyak dan dapat menunaikan keperluan rakyat. Pujangga *Maamoolanaar* menyatakan bahawa masyarakat tanah *Neytal* tidak pernah terasa penderitaan kebuluran kerana hasil pertanian adalah sentiasa melebihi keperluan masyarakat.

கடுங்கண் மழவர் களவுஉழவு எழுந்த  
நெடுங்கால் ஆசினி ஓடுங்காட்டு உம்பர்  
விசிபிணி முழவின் குட்டுவன் காப்பப்

(Akananuru,91:11-13)

*kadungkan Malavar kalavu ulavu yelunta  
nedungkaal aasini ohdungaaddu umbar  
visipini mulavin kudduvan kaappa*

- *tanaman dikawal rapi oleh petugas  
menjamin pulangan yang banyak, maka  
tidak wujud kebuluran di kampung*

Mereka memiliki hasil pertanian yang banyak kerana tanamannya dikawal rapi oleh pengawal yang berdedikasi. Para pengawal memainkan sejenis alat muzik yang dikenali sebagai *mulavu* dan *kadi*. Binatang perosak takut menghampiri tanaman kerana bunyi *mulavu* yang kuat. Jasa dan bakti kaum pengawal sentiasa dikenang oleh pujangga.

Pujangga *Nanbaloor Sirumetaaviyaar* menggambarkan pengawalan tanaman oleh seorang pengawal tanah *Mullai*.

சிறுகட் பன்றிப் பெருநிரை கடய  
முதைப்புனம் காவலர் நினைத்திருந்து ஊதாம்

(Akananuru,94:9-10)

*sirukad pandri perunirai kadiya  
mutaipunam kaavalar ninaittiruntu ootum*

- *babi hutan bermata kecil  
takut pada bunyi kuat yang ditiup oleh pengawal*

Para pengawal menggunakan sejenis alat muzik (*kadi*) bagi menakutkan perosak tanaman seperti babi hutan. Babi hutan merupakan salah satu perosak tanaman yang utama. Puisi ini memaparkan kepentingan dan keperluan para pengawal dalam menentukan kesuburan dan hasil pertanian.

Kesemua maklumat ini membuktikan peranan yang dimainkan oleh golongan askar pertahanan dan pengawal dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Kepentingan dan keperluan bidang ketenteraan tidak dapat dinafikan oleh masyarakat manusia. Askar

dan pengawal merupakan golongan yang amat disanjung oleh masyarakat dunia. Jasa dan bakti mereka masih lagi diperlukan untuk mengekalkan keamanan sesebuah negara.

#### **4.3.7 *Kalaipporul Vinaijar* (Pembuat Barang Kesenian)**


Pemakaian barang-barang perhiasan diri merupakan suatu amalan universal yang tertua di dunia ini. Masyarakat Tamil zaman *cangam* memakai pelbagai jenis barang perhiasan. Barang-barang perhiasan ini dibuat daripada pelbagai barang yang diperoleh dari alam sekitar. Permintaan terhadap barangan perhiasan adalah tinggi, oleh yang demikian pembuatan dan penjualan barang perhiasan berkembang pesat dan menjadi perniagaan yang terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Siput laut, mutiara dan manik merupakan bahan utama dalam pembuatan barang-barang perhiasan. Pembuatan barang-barang perhiasan merupakan pekerjaan yang unik dan penting. Golongan masyarakat yang tinggal di persisiran pantai menggunakan pelbagai bahan seperti siput, batu karang dan kayu untuk membuat barangan perhiasan diri. Golongan lelaki dan perempuan turut terlibat dalam proses pembuatan barang-barang perhiasan diri.

Golongan penyelam masuk ke dalam laut untuk mendapatkan siput dan mutiara yang bermutu tinggi. Menyelam ke dasar laut merupakan pekerjaan yang amat berbahaya. Para penyelam perlu menghadapi serangan ikan besar dan hidupan laut yang lain. Penyelaman sebegini adalah semata-mata untuk mendapatkan mutiara yang bermutu tinggi. Mutiara jenis ini mempunyai permintaan tinggi serta dapat dijual dengan harga yang tinggi. Golongan penyelam dikenali sebagai golongan *mukkulipor* ataupun *baratavar*. Siput dan mutiara yang dikutip dari dasar laut diproses dan menjadi barang perhiasan diri.

Pelbagai barangan perhiasan yang cantik seperti anting-anting, gelang tangan dan rantai leher dibuat dengan menggunakan siput laut.

**Rajah 4.13: Siput dan Barang Perhiasan Diri**



Sumber: *Viyakka Vaikkum Tamilar Ariviyal*,(2005)

Golongan yang terlibat dalam pembuatan barang perhiasan dari siput dikenali sebagai *velaapaarpaan* dan *sangarupor*. Mereka memiliki kemahiran kerja tangan yang unik dalam menghasilkan barang-barang perhiasan diri. Maklumat ini dipaparkan oleh pujangga *Aavoor Moolangkilaar* seperti berikut:

வேளாப் பார்ப்பான் வாளரந் துமித்த  
வளைகளைந்து ஒழிந்த கொழுந்தின் அன்ன

(*Akananuru*,24:1-2)

*velah paarpaan vaalaran tumita  
valaigalaintu olintha koluntin anna*

- *siput laut diukir dan dijadikan gelang tangan  
pelbagai corak dan perhiasan dibuat pada gelang tangan*

Siput laut diukir untuk dijadikan gelang tangan dengan pelbagai corak yang menarik. Pembuatan barang perhiasan siput dan mutiara terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Kegiatan ini menjadi suatu pekerjaan yang penting pada zaman *cangam*.

Negara India Selatan (*Tamilagam*) terkenal dengan mutiara yang diperoleh daripada siput laut. Pada zaman *cangam*, perolehan mutiara adalah banyak. Mereka mempunyai kemahiran tinggi dalam memperoleh mutiara siput laut. Menurut teks-teks klasik Tamil, mutiara yang dikutip daripada siput laut dieksport ke luar negara. Aktiviti pengumpulan mutiara daripada dasar laut digambarkan dalam antologi *Akananuru*:

இலங்குஇரும் பரப்பின் எறிகுறா நீக்கி  
வலம்புரி மூழ்கிய வான்திமிற் பரதவர்  
ஒலிதலைப் பணிலம் ஆர்ப்பக் கல்லெனக்  
கலிகெழு கொற்கை எதிர்கொள இழிதரும்  
குவவுமணல் நெடுங்கோட்டு ஆங்கண்  
உவக்காண் தோன்றும்எம் சிறுநல் ஊரே!

(*Akananuru*,350:10-15)

*illankuirum parapin yerisura neekki  
valampuri moolkiya vaantimir baratavar  
olitalai panilam aarpa kallena  
kalikelu korkai yetirkola ilitarum  
kulavumanal nedungkoddu aangan  
uvakkaan tondrumen sirunal oore!*

- *mutiara bermutu tinggi diperoleh dari Korkai  
para penyelam menyelam ke dasar laut  
untuk mengutip mutiara ini, sebelum menyelam  
mereka meniupkan sejenis siput besar 'sangoli'  
menandakan aktiviti menyelam bermula*

Puisi ini menyatakan bahawa mutiara bermutu tinggi diperoleh dari daerah *Korkai* (sebuah daerah di India Selatan). Dasar laut daerah ini kaya dengan mutiara siput laut. Sebelum menyelam ke dasar laut mereka memaklumkan perkara ini kepada orang ramai dengan meniupkan sejenis siput besar yang dikenali sebagai *sangoli*.

Bunyi ini memaklumkan bahawa aktiviti penyelaman dimulakan. Golongan *baratavar* membuat barang perhiasan diri dengan menggunakan siput laut dan mutiara bermutu tinggi. Perkataan *valampuri* (350:11) dalam puisi ini merujuk kepada siput yang mempunyai



pembukaan (mulut) di bahagian kanan. Siput *valampuri* dianggap sebagai siput yang bermutu tinggi dan dapat menghasilkan bunyi merdu.

Pada hakikatnya, barang-barang perhiasan diri amat diminati oleh golongan perempuan masyarakat Tamil. Mereka menggunakan sumber alam semulajadi untuk membuat barang-barang perhiasan diri. Golongan pembuat perhiasan diri mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menghasilkan barang-barang perhiasan diri.

#### 4.3.7.1 *Porkollar* (Tukang Emas)

Mengukir barang-barang perhiasan diri daripada emas adalah suatu pekerjaan yang penting dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Tukang emas (*Porkollar*) merupakan golongan yang terlibat dalam pengukiran barang-barang perhiasan. Mereka memiliki kemahiran yang unik dalam menghasilkan pelbagai barang perhiasan diri. Permintaan terhadap barang-barang perhiasan diri adalah tinggi. Oleh yang demikian, barang-barang ini dihasilkan dengan banyak. Golongan *porkollar* mempunyai status tinggi dalam kalangan masyarakat Tamil. Teks *Silappatikaaram* menggambarkan perlakuan tentang golongan *porkollar*.

கண்ணுள் வினைஞர் கைவினை முற்றிய  
நுண்வினைக் கொல்லர் நூற்றுவர் பின்வர  
மெய்ப்பை புக்கு விலங்குநடைச் செலவின்  
கைக்கோல் கொல்லனைக் கண்டன னாகி  
தென்னவன் பெயரொடு சிறப்புப் பெற்ற  
பொன்வினைக் கொல்லன் இவனெனப் பொருந்திக்

(*Silappatikaaram, Madurai Kaandam, Kolaikalakaatai: 105-110*)

*kannul vinaigar kaivinai muddriya  
nunvinai kollar noodruvar pinvara  
meippai pukku vilangunadai selavin  
kaikkol kollanai kandana naagi  
tennavan peyarodu sirappu pedra  
ponvinai kollan ivanena porunti*

- *tukang emas menghasilkan pelbagai jenis barang perhiasan mereka mempunyai kemahiran tinggi dalam pembuatan barang emas*

Perkataan, *nunvinai kollar*, *kaikkol kollan* dan *ponvinai kollan* dalam puisi ini merujuk kemahiran tukang emas. Tukang emas ini memainkan peranan penting dalam tema cerita *Silappatikaaram*.

Pujangga *Marutham Paadiya Ilangkadungo* menyatakan bahawa tukang emas menghasilkan barang-barang perhiasannya digudang dengan menggunakan dapur khas yang dikenali sebagai *ootulai*. *Ootu* bermaksud tiup dan *ulai* merujuk pada dapur. Tukang emas menggunakan api untuk mencairkan emas dan cairan emas dituangkan ke dalam acuan bagi membentuk barang perhiasan. Gambaran ini dipaparkan dalam puisi yang ke-96.

அசைவரல் வாடை தூக்கலின், ஊதுஉலை

(*Akananuru, 96:6*)

*asaivaral vaadai tookkalin, ootulai*

- *tukang emas membuat pelbagai barang perhiasan dengan menggunakan sejenis dapur*

Penggunaan barang-barang perhiasan diri terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil.

Tukang emas menghasilkan barang-barang perhiasan emas di gudang khas yang dikenali sebagai *ulaikkalam*. Ini digambarkan dalam puisi yang ke-142.

இயல்எறி பொன்னின் கொங்குசோர்பு உறைப்பத்  
தொடக்கன் வடுக்கொள

(*Agananuru, 142:24-25*)

*iyalyeri ponnin konggusorbu uraippa  
todikkan vadukkola*

- *tukang emas menghasilkan pelbagai barang perhiasan di gudang pembuatan barang emas*

Pada umumnya, segelintir masyarakat Tamil zaman *cangam* menggunakan barang-barang perhiasan diri yang dibuat daripada emas. Emas mempunyai nilai yang tinggi sepertimana zaman kini. Maka, masyarakat umum tidak dapat menggunakan barang-barang perhiasan

yang dibuat daripada emas. Walau bagaimanapun, golongan berada seperti raja, pedagang dan orang kaya memiliki barang-barang perhiasan emas. Penggunaan barang-barang perhiasan yang dibuat daripada emas melambangkan kedudukan mereka dalam masyarakat Tamil.

#### **4.3.8 *Then Tiradduvor* (Pengumpul Madu)**

Madu ialah cairan yang menyerupai sirup, madu lebih kental dan berasa amat manis. Madu dihasilkan oleh lebah dan serangga daripada nektar bunga. Madu merupakan salah satu makanan penting bagi masyarakat Tamil zaman *cangam*. Di samping itu, madu juga mempunyai nilai komersial dan digunakan dalam urusan penukaran barang, sistem barter. Oleh yang demikian, mencari dan mengutip madu merupakan pekerjaan penting bagi kaum *Kuravar* yang tinggal di tanah *Kurinchi* dan *Neytal*.

தேம்பிழி நறவின் குறவர் முன்றில்

*Thempili naravin kuravar mundril*

(*Akananuru*,78:7)

- *kaum Kuravar mengumpul madu asli*

Baris ini membuktikan kewujudan pekerjaan mencari dan mengutip madu. Golongan yang melakukan kerja ini dikenali dengan nama *kuravar*. Kaum *kuravar* dari tanah *Kurinchi* mengutip sarang lebah yang mengandungi madu. Mengutip madu merupakan pekerjaan yang bahaya dan mempunyai banyak cabaran.

#### **4.3.9 *Valavan* (Pemandu Kereta Beroda, Kereta Kuda dan Kereta Lembu)**

Kenderaan beroda merupakan salah satu titik permulaan dalam perkembangan pengangkutan bagi manusia sejagat. Secara umum, kenderaan dikenali sebagai *oorti* ataupun *vandi* dalam kalangan masyarakat Tamil. Kenderaan mengeratkan serta menjalinkan perhubungan sesama manusia. Di samping itu, kenderaan beroda juga

digunakan untuk pelbagai tujuan. Pengangkutan darat, perniagaan dan peperangan bergantung kepada kereta beroda. Kereta lembu, kereta keldai dan kereta kuda merupakan kenderaan yang penting kepada masyarakat Tamil zaman *cangam*. Antara kesemua kenderaan ini, kereta kuda (*ther*) merupakan kenderaan khas yang digunakan oleh golongan raja dan kaum atasan.

*Ther* dikenali sebagai kereta kuda beroda dalam bahasa Melayu. *Ther* memainkan peranan utama dalam bidang pertahanan negara. Penggunaan *ther* masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat Tamil. Semasa perayaan tahunan kuil (*kovil thiruvilah*) perlakuan membawa *ther* masih diamalkan. Patung utama kuil berkenaan (*Moolavar, Thiruvuruvam*) diletakkan dalam *ther* yang dihiasi cantik dan menarik. *Ther* berkenaan dibawa sekeliling kawasan penempatan penduduk supaya masyarakat umum dapat melakukan upacara penyembahan Tuhan.

Pada zaman klasik pemandu *ther* dikenali sebagai *valavan* atau *paagan* dalam kalangan masyarakat Tamil. Memandu *ther* merupakan pekerjaan yang memerlukan kemahiran khas dan kekuatan tubuh badan. Pekerjaan ini juga merupakan salah satu kerja yang bahaya dan memerlukan penelitian yang tinggi. Peranan dan jasa pemandu *ther* dibicarakan dalam antologi *Akananuru* seperti berikut:

வான்வழங்கு இயற்கை வளிபூட் டினையோ?  
மானுரு ஆகநின் மனம்பூட் டினையோ  
உரைமதி – வாழியோ வலவ! – எனத்தன்  
வரைமருள் மாப்பின் அளிப்பன் முயங்கி  
மனைக்கொண்டு புக்கன் நெடுந்தகை  
விருந்தேர் பெற்றனள் திருந்திழை யோளே!

(*Akananuru*, 384:10-15)

*vaanvalanggu iyarkai valipood dinaiyo?*  
*maanuru aaganin manampood dinaiyo*  
*uraimati – vaaliyo valava! - yenattan*  
*varaimarul maarbin alippanan muyanggi*  
*manaikkondu pukkanan neduntagai*  
*virunter pedranan tiruntilai yoleh!*

- *selepas tamat perang, wira pulang ke tanah air bersama dengan 'ther paagan' wira memandu kereta laju dan sampai ke destinasi dengan cepat wira memuji kemahiran pemandu, lalu menyatakan bahawa wira memandu kereta bagaikan angin*

Selepas perang tamat, wira pulang ke tanah air bersama dengan *ther paagan*. Semasa dalam perjalanan, wira mengenangkan kekasihnya. Di samping itu, pada masa yang singkat *ther* tiba di rumah. Wira merasa amat gembira pulang ke pangkuan kekasih dan memuji kepakaran *ther paagan* yang memandu *ther* dengan laju dan selamat. Memandangkan kepakaran *paagan*, wira memuji *ther paagan* seperti berikut:

“Wahai! *Paagaa* kau memandu *ther* dengan laju bagaikan angin kencang”, pujian ini menggembirakan *ther paagan*. Peristiwa yang menarik ini melambangkan perhubungan mesra antara majikan dengan pekerja. Rangkaian kata *manaikkondu pukkanan neduntagai, virunter pedranan tiruntilai yone!*, memaklumkan bahawa wira menjemput *ther paagan* ke dalam rumah lalu menyajikan makanan. Di samping itu, antologi *Akananuru* juga memaparkan beberapa peristiwa tentang *ther paagan*.

உருவக் குதிரை மழவர் ஓட்டிய

(*Akananuru*,1:2)

*uruva kutirai malavar ohdiya*

- *kereta kuda yang dipandu oleh 'malavar'*

Perkataan *Malavar* dalam puisi ini merujuk kepada pemandu kereta kuda yang mahir dan berwibawa. Pada hakikatnya, kenderaan memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia sejagat. Kenderaan menjadi salah satu unsur penting dalam menjamin pencapaian permodenan manusia. Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan penggunaan kenderaan-kenderaan seperti *ther*, *kurirai vandi* (kereta kuda), *maaddu vandi* (kereta lembu) dan *kalutai vandi* (kereta keldai).

#### 4.3.10 Kesimpulan

Pada hakikatnya, masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan pelbagai jenis pekerjaan. Kebanyakan pekerjaan adalah berdasarkan kepada alam semulajadi dan kawasan kehidupan (*ecological zones*) mereka. Hampir segala pekerjaan yang mereka lakukan adalah bertujuan menunaikan keperluan harian. Antologi *Akananuru* mengemukakan pelbagai maklumat tentang pekerjaan-pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. *Vanigam* (perniagaan), *ulavu* (pertanian), *nel payiridal* (menanam padi), *karumbu nadutal* (menanam tebu), *por maravar* dan *kaavalalar* (askar pertahanan dan pengawal), *kalaipporul vinaijar* (pembuat barang perhiasan diri), *baratar* (nelayan), *then tiradduvor* (pengumpul madu), *valavan* (penunggang kereta), *umanar* (peniaga garam), *malar virphor* (peniaga bunga), *kal virphor* (peniaga air nira), *aayar* (pengembala), *vhedar* (pemburu), *porkollar* (tukang emas) dan *pandamaadru* (sistem barter) adalah merupakan beberapa pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

#### 4.4 Pengangkutan

Kenderaan merupakan sesuatu benda atau mesin yang digunakan untuk pergi dari satu tempat ke tempat lain. Kenderaan merupakan alat pengangkutan dan perhubungan yang amat penting. Kenderaan boleh digerakkan dengan menggunakan tenaga badan manusia, haiwan dan jentera. Kenderaan seperti kereta kuda, kereta lembu, kereta gajah dan kereta keldai menggunakan tenaga haiwan. Manakala, kereta beca menggunakan tenaga badan manusia. Pada zaman klasik kenderaan yang menggunakan motor ataupun enjin tidak wujud. Kebanyakan kenderaan digerakkan dengan menggunakan kuasa tenaga manusia dan haiwan.

Secara umumnya, kenderaan dikenali sebagai *vaaganam*, *oorti* ataupun *vandi* dalam bahasa Tamil. Masyarakat Tamil zaman klasik memiliki dua kategori kenderaan iaitu kenderaan darat dan kenderaan air. Di samping itu, epik *Ramayana* dan *Mahabaratha* menggambarkan penggunaan kenderaan udara yang dikenali sebagai *puspaga vaaganam*. Walau bagaimanapun, kebanyakan karya kesusasteraan Tamil zaman *cangam* hanya membincangkan kenderaan darat dan air sahaja.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* menggunakan kenderaan untuk pelbagai tujuan.

- membawa manusia dari satu lokasi ke lokasi lain
- mengangkut barang-barang perniagaan dan pertanian
- tujuan berperang

**Jadual 4.14: Kenderaan Masyarakat Tamil Zaman Cangam**

Bil.	Kategori Kenderaan	Jenis Kenderaan	
		Bahasa Tamil	Istilah Bahasa Malaysia
1	Darat	<i>Ther</i>	Kereta kuda beroda
		<i>Kutirai vandi</i>	Kereta kuda
		<i>Maaddu vandi</i>	Kereta lembu
		<i>Kalutai vandi</i>	Kereta keldai
2	Air	<i>Kappal, Naavaai</i>	Kapal laut
		<i>Paaimara kappal</i>	Kapal layar
		<i>Padagu</i>	Sampan
		<i>Toddi</i>	Rakit

Pengangkutan darat ialah jenis pengangkutan yang paling biasa digunakan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pengangkutan darat merangkumi kenderaan empat roda seperti kereta kuda dan kereta gajah. Manakala, kereta dua roda terdiri daripada kereta lembu dan kereta keldai.

Kebanyakan kenderaan darat digerakkan dengan menggunakan haiwan. Kenderaan seperti kereta kuda (*kutirai vandi*), kereta gajah (*yaanai vandi*), kereta lembu (*maaddu vandi*) dan kereta keldai (*kalutai vandi*) ialah kenderaan yang ditarik oleh haiwan. Manakala, kenderaan air terdiri daripada kapal laut (*kappal*), kapal layar (*paaimarakkappal*), kapal besar (*naavaai*), sampan (*padagu*) dan rakit (*toddi*). Antologi *Akananuru* memaparkan banyak maklumat tentang kenderaan yang digunakan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

#### 4.4.1 *Ther* (Kereta Kuda Beroda)

*Ther* merupakan kenderaan utama bagi golongan raja dan golongan atasan. Kereta kuda jenis ini digelar sebagai kereta kuda beroda dalam bahasa Melayu. *Ther* digunakan untuk pelbagai tujuan. Penggunaan *ther* adalah seperti berikut:

**Jadual 4.15: *Ther* dan Pengguna**

Bil.	Tujuan	Golongan Pengguna
1	Perang	golongan pemerintah dan askar
2	Perjumpaan rakyat	golongan pemerintah dan orang atasan
3	Perdagangan dan perniagaan	golongan pedagang dan peniaga
4	Mengangkut barang	golongan pedagang, peniaga dan orang awam
5	Memburu	golongan pemerintah dan golongan atasan
6	Permainan dan aktiviti riadah	golongan pemerintah dan golongan atasan



Pada lazimnya, *ther* (rata) dihiasi dengan pelbagai barangan perhiasan. Perhiasan yang menarik melambangkan status pemilik. Pemandu khas ditugaskan untuk memandu *ther*. *Theroddi*, *ther paagan*, *paagan* dan *valavan* merupakan beberapa nama pemandu kenderaan darat. Pemandu kenderaan bukan sahaja bertanggungjawab untuk memandu kereta beroda tetapi seringkali menjadi teman iringan kepada majikan seperti pemerintah, peniaga dan wira. Pada umumnya, *theroddi* merupakan teman baik wira dan kadang *theroddi* juga memberikan pandangan tentang sesuatu perkara pada wira. Terutama sekali dalam hal percintaan antara pasangan kekasih.

Kaum *moriyar* menggunakan *ther* yang tahan lasak dan berupaya merentasi bukit tinggi yang mempunyai pelbagai halangan serta cabaran. Pada lazimnya, roda kereta dibuat daripada besi dan kayu keras yang tahan lasak. Pujangga *Umaddoorkilaar Maganaar Parangkodranaar* menyatakan bahawa *ther* kaum *moriyar* dapat bergerak tanpa sebarang kesukaran merentasi jalan bukit. Maklumat ini dipaparkan dalam puisi yang ke-69.

வின்பொரு நெடுங்குடை இயல்தேர் மோரியர்  
பொன்புனை திகிரி திரிதரக் குறைத்த  
அறைஇறந்து அகன்றனர் ஆயினும்.....

(*Akananuru*,69:10-12)

*vinporu nedungudai iyalther mohriyar  
ponpunai tigiri tiritara kuraintu  
arai irantu agandranar aayinum.....*

- *jalan laluan adalah tidak rata dan sukar dilalui  
tetapi ther ini dapat bergerak laju  
merentasi segala halangan.....* )

Pujangga menyatakan bahawa, walaupun, tapak jalan bukit adalah tidak rata dan sukar dilalui tetapi *ther* mereka dapat merentasi segala halangan dan bergerak maju ke destinasiya.

#### 4.4.2 *Kutirai Vandi* (Kereta Kuda)

Kuda ialah sejenis mamalia yang besar dan kuat serta berupaya lari pantas. Haiwan ini telah lama dibela jinak untuk pelbagai tujuan. Kuda memainkan peranan penting dalam pengangkutan orang dan barang muatan. Pengangkutan kuda menjadi salah satu punca perkembangan ekonomi masyarakat dunia.

Pada zaman klasik kuda digunakan untuk pelbagai tujuan seperti perang, pengangkutan, mengangkut barang dan juga bagi aktiviti permainan. Kuda digelar sebagai *kutirai*, *puravi* ataupun *pari* dalam bahasa Tamil. Pada umumnya, kereta kuda dikenali sebagai *kutirai vandi*. Kuda dilatih dengan teliti supaya ia dapat ditunggang oleh manusia. Haiwan ini juga boleh dikenakan abah-abah untuk menarik objek-objek seperti kereta roda atau bajak. Kereta kuda merupakan salah satu alat perhubungan yang terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Pada lazimnya, kereta kuda dimiliki oleh golongan raja dan golongan atasan. Ini adalah kerana pemilikan dan penjagaan kuda melibatkan perbelanjaan yang besar. Penunggang atau pemandu yang terlatih dan mahir ditugaskan untuk membawa kereta kuda. Penunggang kereta kuda dikenali sebagai *theroddi* ataupun *vandiyoddi* dalam bahasa Tamil.

Golongan raja dan atasan membeli kuda bermutu tinggi dari luar negara. Mereka menggunakan kuda bermutu tinggi untuk urusan perang, pemburuan dan juga perniagaan. Maklumat pembelian kuda bermutu tinggi dipaparkan dalam teks *Paddinappaalai*.

நீரின் வந்த நிமிர்பரிப் புரவியுங்

(*Paddinappaalai*:185)

*neerin vanta nimirpari puraviyung*

- *kuda dibawa dengan menggunakan kapal laut*

Puisi ini membuktikan pembelian kuda dari luar negara oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Penggunaan kuda sebagai pengangkutan turut dibincangkan dalam teks *Purananuru*.

நிமிர் பரி

(*Purananuru*,14:7)

*nimir pari*

- *kuda yang gagah*

Baris ini merujuk kepada kuda yang gagah dan kuat.

Pujangga *Ulochanaar* memberikan maklumat tentang pemilikan kereta kuda oleh seorang raja yang bernama *Purantai Periyar*.

பாடுநர்த் தொடுத்த கைவண் கோமான்  
பரியுடை நற்றேர்ப் பெரியன்

(*Akananuru*,100:11-12)

*paadunar todutta kaivan khomaan  
pariyudai narrher periyavan*

- *Raja Periyar berhati mulia  
memiliki kereta kuda yang bermutu tinggi*

*Purantai Periyar* ialah seorang raja yang berhati mulia. Baginda sentiasa menolong kepada golongan yang memerlukan bantuan. Para pujangga yang mengunjungi *Purantai Periyar* pasti memperoleh keperluan yang dikehendakinya. Raja ini memiliki kereta kuda yang bermutu tinggi. Melalui puisi ini dapat dirumuskan bahawa pemilikan kereta kuda melambangkan status pemilikinya.

Di samping itu, pujangga *Madurai Maruthanilanaaganaar* turut memaparkan kewibawaan seorang raja yang memiliki kereta kuda. Beliau menggunakan kereta kuda untuk berperang.

Pujangga menyatakan bahawa kereta kuda dipandu laju bagaikan angin.

நன்னால்கு பூண்ட கடும்பரி நெடுந்தேர்  
வாங்குசினை பொலிய ஏறி

(*Akananuru*,104:6-7)

*nanaalgu poonda kadumbari nedunther  
vangusinai poliya yheri*

- *kereta beroda ditarik oleh empat ekor kuda bergerak laju bagaikan angin*

Menurut puisi ini, kereta beroda yang ditarik oleh empat ekor kuda bergerak pantas bagaikan angin. Empat ekor kuda melambangkan kekuatan dan kuasa *ther* berkenaan.

Selepas menyelesaikan tugas, wira pulang ke kampung asal untuk berjumpa dengan kekasih. Wira menaiki kereta kuda ditunggang oleh *paagan* (pemandu) yang mahir dan berpengalaman. Kuda bermutu tinggi bergerak pantas bagaikan angin. Pujangga menyatakan bahawa alas duduk kereta kuda dibuat daripada emas.

பெலம்படைக் கலிமாப் பூண்ட தேரே!

(*Akananuru,114: 16*)

*pelambadai kalimah poonda thereh!*

- *alas duduk dibuat daripada emas*

Wira pergi ke medan perang atas arahan raja. Selepas tamat perang beliau pulang ke tanah air dengan menaiki kereta kuda. Gambaran ini dicatatkan oleh Pujangga *Madurai Aruvai Vhanigan Ilavheddanaar* seperti berikut:

.....வினைநவில் புரவி  
இழைஅணி நெடுந்தேர் ஆழி உறுப்ப

(*Akananuru,254:12-13*)

.....*vinainavil puravi*  
*Ilaiani nedunther aali uruppa*

- *kuda yang gagah dan berwibawa dihias cantik dipandu oleh pemandu yang mahir*

Kereta kuda yang dihias cantik ditunggang oleh pemandu yang amat berpengalaman. Kereta ini ditarik oleh kuda yang gagah dan berkuasa.

#### 4.4.3 *Neer Vaaganam (Pengangkutan Air)*

Arus permodenan manusia dipercepatkan dengan kewujudan sistem pengangkutan. Pengangkutan darat dan air memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Mereka menggunakan pelbagai jenis pengangkutan air seperti kapal (*naavaai, kappal* dan *vagam*), kapal layar (*paaimarakkappal*), sampan (*padagu*) dan rakit (*toddi*). Kelasi kapal dikenali sebagai *kappaloddi* ataupun *padagoddi*. Pengangkutan air seringkali digunakan untuk penangkapan ikan, mengangkut barangan perdagangan dan peperangan.

Aktiviti penangkapan ikan dipaparkan dalam antologi *Akananuru*. Kaum *baratar* melakukan kegiatan menangkap ikan dengan menggunakan sejenis sampan melengkung. Peristiwa ini digambarkan dalam puisi yang ke-70 dan 100.

கொடுத்திமிற்பரதவர் வேட்டம் வாய்த்தென  
இரும்பலாக் கமழும் சிறுகுடிப் பாக்கத்து

(*Akananuru, 70:1-2*)

*koduntimir baratavar vheddam vaaittena  
irumpulaa kamalum sirukudi paakkattu*

- *kaum baratar menggunakan sampan melengkung untuk menangkap ikan di laut*

கொண்டல் இரவின் இருங்கடன் மடுத்த  
கொழுமீன் கொள்பவர் இருள்நிங்கு ஒண்குடர்

(*Akananuru, 100:6-7*)

*kondal iravin irungkadan madutta  
kolumeen kolbavar irulneenggu onsudar*

- *menangkap ikan pada waktu malam obor dipasang di penghujung sampan*

Kedua-dua puisi ini membuktikan penggunaan sampan sebagai pengangkutan air. Mereka menggunakan sampan untuk menangkap ikan pada waktu siang dan juga malam. Sampan yang digunakan bagi aktiviti penangkapan ikan sebelah malam dilengkapi dengan obor api.

Pada zaman klasik masyarakat Tamil terlibat dalam perniagaan dalaman dan perdagangan luar negara. Perniagaan dalaman melibatkan pengangkutan darat seperti kereta lembu, kereta kuda dan kereta keldai. Manakala, perdagangan luar negara melibatkan pengangkutan air seperti kapal, kapal layar dan sampan besar. Secara umumnya, masyarakat Tamil zaman *cangam* meminati perdagangan luar negara yang menjamin pendapatan lumayan. Golongan muda sedia untuk menghadapi cabaran yang mendatangkan hasil lumayan. Wira dari negara *Imayavaramban Neduncheralaatan* merantau ke negara lain untuk tujuan berdagang. Kenyataan ini dipaparkan oleh pujangga *Mamoolanaar*:

வலம்படி முரசின் சேரலாதன்  
முந்நீர் ஓட்டிக் கடம்புஅறுத்து, இமயத்து  
முன்னோர் மருள வணங்குவிற் பொறித்து

(*Akananuru, 127:3-5*)

*valampadi murasin cheralaatan  
munneer oddi kadambuaruttu, imayattu  
munnor marula vananguvir porittu*  
▪ *wira membawa kapal besar mengharungi laut  
yang bergelora, masyarakat kampung  
mengkagumi kebolehan wira yang luar biasa*

Wira membawa kapal besar mengharungi laut dalam yang berombak besar, kebolehan dan kejayaan wira amat dikagumi oleh masyarakat tempatan. Peristiwa ini membuktikan kemahiran mereka dalam menghasilkan kapal laut yang dapat menandingi ombak besar. Pujangga *Mamoolanaar* menyampaikan maklumat penting tentang penglibatan masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam bidang perdagangan.

Wira terlibat dalam perdagangan luar negara dan membawa barangan dengan menggunakan kapal laut. Pujangga *Madurai Marutanila Naaganaar* memaklumkan kenyataan ini dalam puisi yang ke- 255.

உலகுசினர்ந் தன்ன உருகெழு வங்கம்  
புலவுத்திரைப் பெருங்கடல் நீர்இடைப் போழ

(*Akananuru, 255:1-2*)

*ulagukilarn tanna urugelu vangam  
pulavuttirai perungkadal neeridai pola*

- *kapal perdagangan dipandu oleh wira yang berwibawa  
mengharungi laut yang bergelora*

Pujangga menyatakan bahawa kapal perdagangan yang dipandu oleh wira mengharungi laut bergelora. Kenyataan ini membuktikan kemahiran masyarakat Tamil klasik dalam bidang perdagangan antarabangsa yang melibatkan laluan air.

#### **4.4.4 Kesimpulan**

Pengangkutan memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia. Manusia melakukan pelbagai perlakuan dengan menggunakan kenderaan. Pada zaman *cangam*, masyarakat Tamil menggunakan kenderaan darat dan air secara berleluasa. Antologi *Akananuru* memaparkan pelbagai maklumat tentang sistem perhubungan masyarakat Tamil zaman *cangam*. *Ther* (kereta kuda), *kutirai vandi* (kereta kuda), *maaddu vandi* (kereta lembu), *kappal* (kapal) dan *padagu* (sampan) merupakan beberapa kenderaan yang digunakan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

